




KERATAN ISU-ISU INTEGRITI 2024 (MEI)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN



Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor dan Aizat
Sharif
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Menteri Besar Perlis Mohd Shukri Ramli (**gambar**) tidak direman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya seperti digembar-gemburkan segelintir pihak, sebaliknya hanya direkodkan keterangan oleh agensi berkenaan, semalam.

Dalam hantaran di Facebook miliknya semalam, Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Negeri Perlis itu mengatakan yang beliau tidak direman sebaliknya dibenarkan pulang selepas keterangannya diambil bermula jam 10 pagi hingga jam 1 tengah hari.

"MB tidak direman. Telah dibenarkan pulang selepas selesai memberi keterangan," katanya ringkas.

Terdahulu, Mohd Shukri tiba di Ibu Pejabat SPRM di sini, kira-kira jam 10 pagi.

Sebelum ini, media melaporkan, SPRM sedang menyiasat seorang pemimpin kanan di utara tanah air, kerana disyaki melantik beberapa syarikat dipercayai mempunyai kepentingan dengannya memba-

'Hanya direkod keterangan'

Menteri Besar Perlis tidak direman SPRM seperti digembar-gemburkan segelintir pihak

bitkan projek pembekalan dianggar bernilai RM300,000.

Pemimpin itu juga disya-

ki melantik beberapa syarikat bagi kerja baik pulih dan penyelenggaraan jalan, membabitkan peruntukan

Pejabat Menteri Besar berjumlah kira-kira RM1 juta yang dipercayai mempunyai kepentingan dengan anak pemimpin berkenaan.

Sebelum ini juga, seorang lelaki yang juga anak kepada Menteri Besar Perlis antara enam individu yang direman oleh SPRM bagi membantu siasatan pemalsuan dokumen tuntutan palsu berjumlah RM600,000.

SPRM sahan ambil keterangan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan mengambil keterangan Menteri Besar Perlis Mohd Shukri Ramli bagi membantu siasatan berhubung dakwaan salah guna kuasa.

Perkara itu disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi semalam.

Terdahulu Mohd Shukri yang juga Pesuruhjaya Pas Perlis hadir di Ibu Pejabat SPRM di sini pada jam 9.50 pagi semalam, untuk memberi keterangan kepada agensi terbabit.

Dua hari lalu SPRM mengesahkan sedang menyiasat seorang pemimpin kanan negeri di utara tanah air kerana disyaki melantik beberapa syarikat dipercayai mempunyai kepentingan dengannya membabitkan projek pembekalan yang dianggarkan bernilai RM300,000.

Media sebelum ini melaporkan lima individu termasuk anak Mohd Shukri ditahan SPRM berhubung kes membuat tuntutan palsu berjumlah hampir RM600,000 baru-baru ini.



BERITA HARIAN
01.05.2024
(RABU)

Kes rasuah RM3.3 juta: Dua pegawai atasan syarikat pembekalan air direman

JOHOR BAHRU - Dua pegawai atasan sebuah syarikat pembekalan air di negeri ini direman sehari bagi membantu siasatan kes rasuah sebanyak RM3.3 juta daripada dua pemilik syarikat kontraktor.

Perintah reman terhadap kedua-dua individu berusia 36 dan 40 tahun itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Puan Nurzihan Abdul Rehman di Mahkamah Majistret di sini, pada pagi Selasa.

Kedua-dua individu terbabit diwakili peguam Adzly Ab Manas dan Amarpreet Singh Rajwinder Singh.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki itu ditahan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Selangor kira-kira jam 2 petang, pada Isnin.

Sumber itu memberitahu, siasatan ke atas kedua-dua pegawai atasan berkenaan setelah SPRM menerima beberapa aduan sekitar tahun lalu di mana kedua-dua



Dua suspek (berbaju lokap SPRM) direman selama sehari bagi membantu siasatan kes rasuah RM3.3 juta daripada dua pemilik syarikat kontraktor.

suspek telah menerima wang rasuah daripada pemilik dua buah syarikat kontraktor.

"Ia sebagai balasan membantu syarikat kontraktor berkenaan memperoleh kerja-kerja perkhidmatan dan pembekalan daripada syarikat pembekalan air berkenaan.

"Suspek terbabit dengan kesalahan mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu berhubung dengan permohonan sumbangan bagi sebuah program berjumlah RM3.3 juta sedangkan program berkenaan tidak dilaksanakan sepenuhnya," tambah sumber berkenaan.



SINAR HARIAN
01.05.2024
(RABU)

Ipoh: Seorang pengarah syarikat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lima pertuduhan menggunakan dokumen palsu berkaitan permohonan tender perkhidmatan pembersihan bangunan dan kawasan sekolah serta institusi pendidikan di bawah Jabatan Pendidikan negeri yang dilakukannya pada 2016 hingga 2017.

Yunus Abdullah, 52, bagaimanapun mengaku tidak bersalah ketika semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ibrahim Osman.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, Yunus didakwa secara fraud menggunakan dokumen diketahui palsu sebagai tulen iaitu tiga penyata akaun CIMB Islamic Bank bertarikh 31 Mei 2017, 31 Jun 2017 dan 31 Julai 2017 milik Lembah Larut Enterprise dan mengarahkan Muhammad Sofi Salleh, 33, meminda penyata akaun CIMB Bank itu bagi permohonan Tender Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) ke sekolah/institusi pendidikan bagi zon 13 daerah Kerian di bawah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak.

Ketiga-tiga perbuatan

Didakwa guna lima dokumen palsu berkaitan mohon tender



YUNUS mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen. - Gambar NSTP/L MANIMARAN

itu dilakukan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kerian di Parit Buntar, Perak, pada September 2017.

Bagi pertuduhan keempat dan kelima pula, Yunus didakwa secara fraud menggunakan dokumen diketahui palsu sebagai tulen iaitu dua penyata akaun Maybank milik Mega MH Resources masing-masing bertarikh 31 Mei 2016 dan 30 Jun 2016 serta mengarahkan Muhammad Sofi meminda penyata akaun Maybank itu bagi permohonan Tender Perkhidmatan KBK ke sekolah/institusi pendidikan bagi zon 26

Daerah Larut, Matang dan Selama (LMS) juga di bawah JPN Perak.

Kedua-dua perbuatan itu dilakukan tertuduh di PPD Larut Matang dan Selama, Jalan Taming Sari, Taiping, dalam Daerah Larut Matang dan Selama pada Ogos 2016.

Kelima-lima kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa

Raya, Maziyah Mansor bersama Pegawai Pendakwa daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Sharul Azuan Ghazali, manakala tertuduh diwakili peguam, Nor Fatimah Ibrahim.

Sharul Azuan menawarkan jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan, selain meminta syarat tambahan supaya tertuduh melapor diri ke pejabat SPRM pada 1 hari bulan setiap bulan.

Bagaimanapun, Nor Fatimah memohon jumlah jaminan dikurangkan separuh iaitu RM5,000 bagi setiap pertuduhan, mengambil kira tertuduh bapa empat anak menyara isteri tidak bekerja serta tiga anak masih belajar.

Mahkamah membenarkan jumlah jaminan diminta Nor Fatimah iaitu RM25,000 bagi lima pertuduhan dengan seorang penjamin dan membenarkan syarat tambahan iaitu tertuduh melapor diri ke pejabat SPRM setiap bulan dan menetapkan 30 Mei depan untuk sebutan semula serta pengurusan kes



HARIAN METRO

01.05.2024

(RABU)

Pesara dituduh tipu kerajaan Perak isu tanah rizab Melayu

Ipoh: Seorang pesara awam di hadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas pertuduhan menipu jabatan kerajaan Perak sehingga menyebabkan pemecahan lot tanah rizab Melayu seluas 649.2 hektar, 12 tahun lalu.

Tertuduh, Rosli Che Mohamed, 64, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Datuk Ibrahim Osman.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh sebagai Timbalan Pendaftar Hak Milik di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak ketika itu didakwa menipu Lembaga Tanah Ladang Perak dengan memperdaya lembaga itu untuk mempercayai bahawa tanah dengan nombor hak milik PN 174770-174772, No Lot PT 17527-17529, Mukim Sitiawan, Manjung, adalah bukan tanah rizab Melayu, melalui Borang Pembetulan Data Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Perak bertarikh 25 Mac 2011.

Perbuatan itu didakwa mendorong Lembaga Tanah Ladang Perak meluluskan Permohonan Pecah Sempadan Tanah bagi hak milik PN 174772, Lot 17527 kepada 317 Plot seluas kira-kira 649.2 hektar di Mukim Sitiawan, kepada Nadi Agrobusiness Sdn Bhd, yang mana lembaga terbabit tidak akan berbuat sedemikian sekiranya ia mengetahui perkara berkenaan tidak benar.

Kertas pertuduhan itu juga menyatakan penipuan terbabit adalah dengan mengetahui ia akan menyebabkan kehilangan secara salah kepada kerajaan Perak yang mempunyai kepentingan dalam perkara berkenaan yang mana tertuduh ketika itu dengan peranannya dikehendaki oleh



Rosli di Mahkamah Sesyen Ipoh, semalam.

(Foto BERNAMA)

undang-undang untuk melindunginya.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu pada 4 Januari 2012 di Pejabat PTG Perak, di sini, mengikut Seksyen 418 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Maziyah Mansor, bersama Pegawai Pendakwa dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Sharul Azuan Ghazali, manakala tertuduh diwakili peguam, Muhamad Syahrul Nizam Mohd Rabi.

Maziyah menawarkan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tamba-

han tertuduh dikehendaki melapor diri setiap bulan di Pejabat SPRM Perak.

Bagaimanapun, Muhamad Syahrul Nizam memohon ikat jamin RM3,000 atas alasan tertuduh sudah bersara, menanggung seorang anak serta menghidap penyakit jantung yang memerlukan pemeriksaan berkala setiap enam bulan di Institut Jantung Negara (IJN), selain memberikan kerjasama amat baik sepanjang proses mengambil keterangan dan siasatan dijalankan.

Muhamad Syahrul Nizam turut memohon mahkamah mengambil kira kesalahan didakwa itu tidak membabitkan sebarang pulangan keuntungan peribadi kepada tertuduh.



BERITA HARIAN

01.05.2024

(RABU)

SPRM tak tolak mungkin panggil semula MB Perlis

Keputusan tertakluk keperluan siasatan dakwaan kes salah guna kuasa

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan memanggil semula Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli berhubung siasatan dakwaan kes salah guna kuasa.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata keputusan untuk memanggil semula Pesuruhjaya PAS Perlis itu atau sebaliknya, tertakluk kepada keperluan siasatan.

"Bergantung kepada hasil siasatan," katanya ringkas kepada *BH*, semalam ketika ditanya kemungkinan SPRM akan me-

manggil semula Mohd Shukri selepas ini.

Kelmarin, Azam mengesahkan Mohd Shukri ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 membabitkan dakwaan salah guna kuasa.

Beliau bagaimanapun, dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas hampir lapan jam diambil keterangan.

Mohd Shukri sebelum itu ditahan pada jam 11 pagi ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

Difahamkan, beliau disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 berhubung isu salah guna kuasa.

Ia membabitkan pelaksanaan projek pembangunan prasarana termasuk membaik pulih, menyelenggara, pembekalan dan perkhidmatan di seluruh Perlis sejak 2022.

Media sebelum ini melaporkan anak kepada Menteri Besar Perlis itu antara enam individu yang direman oleh SPRM bagi membantu siasatan berhubung pemalsuan dokumen tuntutan palsu

berjumlah RM600,000.

Malah, SPRM dilaporan sedang menyiasat seorang pemimpin kanan di utara tanah air, kerana disyaki melantik beberapa syarikat dipercayai mempunyai kepentingan dengannya membabitkan projek pembekalan dianggar bernilai RM300,000.

Pemimpin itu juga disyaki melantik beberapa syarikat bagi kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan jalan, yang membabitkan peruntukan Pejabat Menteri Besar kira-kira RMI juta yang dipercayai mempunyai kepentingan dengan anak pemimpin berkenaan.

Sementara itu di **Kangar**, seorang peguam, Mohd Fadhy Yaacob berkata siasatan ke atas Mohd Shukri itu tidak sepatutnya didedahkan kerana ia boleh meletakkan beliau dalam 'perbicaraan awam'.

Katanya, tindakan SPRM mendedahkan siasatan ke atas Menteri Besar Perlis itu dan enam individu, termasuk anaknya berhubung pemalsuan dokumen

untuk tuntutan palsu sebagai bahan media adalah tidak adil sama sekali.

"Saya rasa soalan ini perlu ditanyakan kepada pihak SPRM dan sebagai peguam, saya berpendapat isi kandungan siasatan tak seharusnya dijadikan bahan media.

"Ini akan menyebabkan satu *public trial* yang tidak adil untuk anak guam saya," katanya ringkas menerusi aplikasi media sosial WhatsApp ketika ditanya berhubung perincian dan butiran siasatan SPRM terhadap anak guamnya itu, semalam.

Mohd Fadhy adalah peguam kepada Mohd Shukri dan enam individu lain termasuk anak Mohd Shukri yang diminta memberikan keterangan untuk dua siasatan berasingan SPRM membabitkan salah guna kuasa serta siasatan terhadap pemalsuan dokumen untuk tuntutan palsu.

Sementara itu, meskipun timbul pelbagai spekulasi berhubung isu berkenaan, PAS Perlis tetap menaruh keyakinan siasa-

Tindakan SPRM mendedahkan siasatan ke atas Menteri Besar Perlis itu dan enam individu, termasuk anaknya berhubung pemalsuan dokumen untuk tuntutan palsu sebagai bahan media adalah tidak adil sama sekali

Mohd Fadhy Yaacob, Peguam



tan yang berlaku dilaksanakan secara adil dan telus serta bebas daripada sebarang pengaruh politik.

Ketua Penerangan PAS Perlis, Asrul Aimran Abd Jalil, berkata pihaknya menyambut baik kenyataan Mohd Shukri memberi jaminan akan memberikan kerjasama penuh kepada SPRM dalam siasatan berhubung isu rasuah membabitkan beberapa individu di negeri ini.



BERITA HARIAN

02.05.2024

(KHAMIS)



HARIAN METRO

02.05.2024

(KHAMIS)



MOHD Fadhly (kanan) mengiringi Mohd Shukri keluar dari Ibu Pejabat SPRM Putrajaya selepas siasatan terhadap Pesuruhjaya Pas Perlis itu selesai.

SIASATAN KES PEMALSUAN DOKUMEN ANAK MB PERLIS

'Siasatan SPRM tak patut jadi bahan media'

Kangar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak seharusnya menjadikan kandungan siasatan suruhanjaya itu terhadap Menteri Besar Perlis Mohd Shukri Ramli sebagai bahan media, kata peguam, Mohd Fadhly Yacob.

Katanya, ini termasuk siasatan suruhanjaya itu terhadap enam individu, termasuk anak kepada Mohd Shukri, membabitkan siasatan terhadap pemalsuan dokumen tuntutan palsu.

Mohd Fadhly turut menempelak pihak yang menjadikan isi kandungan siasatan membabitkan anak

guamnya itu sebagai bahan media.

"Saya rasa soalan ini perlu ditanya kepada SPRM dan sebagai peguam, saya berpendapat, isi kandungan siasatan tak seharusnya dijadikan bahan media.

"Ini menyebabkan *public trial* tidak adil untuk anak guam saya," katanya ringkas menerusi aplikasi WhatsApp, semalam.

Beliau sebelum itu ditanya berkaitan perincian dan butiran siasatan SPRM terhadap anak guamnya.

Mohd Fadhly, peguam kepada Mohd Shukri serta

enam individu, termasuk anak Mohd Shukri, yang diminta memberikan keterangan untuk dua siasatan berasingan SPRM membabitkan salah guna kuasa dan siasatan terhadap pemalsuan dokumen untuk tuntutan palsu.

Sementara itu, meskipun timbul pelbagai spekulasi berhubung isu berkenaan, Pas Perlis tetap menaruh keyakinan siasatan dilaksanakan secara adil dan telus serta bebas daripada sebarang pengaruh politik.

Ketua Penerangannya, Asrul Aimran Abd Jalil berkata, pihaknya menyambut baik kenyataan Mohd Shu-

kri yang juga Pesuruhjaya Pas Perlis dalam memberi jaminan memberikan kerjasama penuh kepada SPRM dalam siasatan mereka berhubung isu rasuah membabitkan beberapa individu di negeri ini.

"Walaupun timbul pelbagai spekulasi berhubung isu itu, kami (Pas Perlis) tetap menaruh keyakinan siasatan dilaksanakan secara adil dan telus serta bebas pengaruh politik.

"Pada masa sama, kami mengajak seluruh rakyat di negeri ini mendoakan yang terbaik buat Menteri Besar kita dalam menghadapi saat mencabar ini," katanya.

CEO syarikat bekalan air Johor direman tiga hari

Disyaki menerima rasuah dan buat tuntutan palsu

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI
JOHOR BAHRU

Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat pembekalan air di negeri ini dan pemilik syarikat direman tiga hari mulai Rabu kerana disyaki menerima rasuah dan tuntutan palsu, pada tahun lalu.

Perintah tahanan reman itu dibenarkan oleh Majistret Nurmadiana Mamat.

Kedua-dua suspek berusia 38 dan 35 tahun itu tiba ke Mahkamah Majistret Johor Bahru sekitar jam 9 pagi dengan diwakili peguam, Amarpreet Singh dan Ahmad Yusri.

Menurut sumber, kedua-dua suspek ditahan di pejabat SPRM Selangor sekitar jam 4 petang Isnin lalu bagi membantu siasatan.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi turut mengesahkan penahanan terbabit.

Penahanan tersebut berikutan siasatan ke atas beberapa aduan sekitar tahun 2023,



Salah seorang suspek dibawa ke mahkamah pada Rabu.

Mahkamah & Jenayah

yang menyatakan suspek telah menerima wang rasuah daripada pemilik dua syarikat kontraktor sebagai balasan membantu syarikat berkenaan memperoleh kerja-kerja perkhidmatan dan pembekalan daripada syarikat pembekalan air tersebut.

Suspek juga dipercayai terlibat dengan

kesalahan mengemukakan dokumen mengandungi butir-matan palsu berhubung permohonan sumbangan bagi sebuah program berjumlah RM3.3 juta sedangkan program tersebut tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
02.05.2024
(KHAMIS)

Pegawai kanan Kada ditahan SPRM atas tuduhan buat tuntutan palsu

Kota Bharu: Seorang pegawai kanan Lembaga Kemajuan Pertanian Kumbungu (Kada) ditahan selepas dipercayai membuat tuntutan palsu sejak tahun lalu.

Sumber berkata, lelaki berusia 40-an itu ditahan jam 9.30 malam kelmarin ketika dipanggil memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di sini.

"Lelaki terbabit dikatakan membuat beberapa tuntutan palsu tahun lalu dan tahun ini berkaitan dengan program agensi terbabit," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kelantan, Rosli Husain ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Katanya, lelaki terbabit direman selama enam hari sehingga 6 Mei ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2019.

Sementara itu, Pengerusi Kada Muhammad Husim ketika dihubungi mengesahkan penahanan pegawai kanan agensi berkenaan oleh SPRM bagi membantu siasatan.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut kerana baru mengetahui perkara berkenaan.

"Saya sendiri baru tahu selepas dimaklumkan oleh kakitangan berhubung tangkapan ini. Minta maaf saya tidak boleh komen lanjut kerana tidak tahu secara terperinci.

"Mungkin lain kali saya komen," katanya.



HARIAN METRO
02.05.2024
(KHAMIS)

Amalkan konsep *whistle blower* perangi rasuah dalam organisasi

SHAH ALAM - Setiap majikan atau pemilik syarikat disarankan untuk mengamalkan konsep *whistle blower* dalam organisasi sebagai usaha memerangi jenayah rasuah dalam kalangan pekerja.

Yang Dipertua Ikram Kuala Lumpur, Zainal Adnan Abdul Halim berkata, tindakan tersebut sangat penting supaya setiap individu atau pekerja akan sentiasa merasa mereka dilindungi setiap kali ingin membuat aduan mengenai perilaku keji itu.

"Ia perlu disusuli dengan kawalan dalaman dan sentiasa melakukan penambahbaikan kepada setiap proses kerja dan penggunaan sumber di organisasi.



ZAINAL ADNAN

"Pelaksanaan polisi yang jelas terhadap setiap pekerja perlu dilakukan. Tindakan disiplin diberi kepada mereka yang terbukti melakukan kesalahan pecah amanah atau rasuah termasuk hukuman ditamatkan perkhidmatan dan tindakan undang-undang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Tambah beliau, jika jenayah itu dibiarkan ia akan memberi kesan yang sangat buruk kepada masyarakat dan negara termasuk merosakkan nilai-nilai moral dan etika dalam kalangan rakyat Malaysia.

Ujarnya, tanpa tindakan tegas membanteras jenayah itu menerusi inisiatif dan hukuman yang setimpal, kesan jangka panjangnya adalah keruntuhan seluruh sistem keadilan masyarakat.

"Ia akan menghakis sikap jujur dan tiada lagi sifat integriti pekerja sewaktu melaksanakan tugas atau ketika berurusan dengan mana-mana pihak demi mendapatkan keuntungan peribadi.

"Kebiasaannya, individu terlibat dengan jenayah ini sudah terbiasa dengan gaya hidup mewah dan luar kemampuan. Oleh itu, mereka 'terpaksa' mencari pendapatan tambahan termasuk melalui cara yang tidak sah dan melanggar undang-undang," katanya.



SINAR HARIAN
02.05.2024
(KHAMIS)

Tender terbuka kekang gejala 'tumbuk rusuk'

Apa sahaja pemberian berselindung dianggap perbuatan rasuah

Oleh NURATIKAH ATHILYA
HASSAN
SHAH ALAM

Penggunaan sistem tender terbuka dalam sebarang perkhidmatan dilihat mampu mengekang daripada gejala 'tumbuk rusuk' daripada terus berleluasa di negara ini.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, sistem berkenaan dilihat lebih telus dan setiap urusan dilakukan mengikut perjanjian yang telah ditetapkan sahaja.

"Sebarang kontrak perkhidmatan dan projek diberikan mestilah melalui tender terbuka. Lakukan penilaian sekurang-kurangnya melibatkan tiga buah syarikat yang kompeten dalam kerja-kerja perkhidmatan dan pembekalan.

"Setiap urusan dilakukan mengikut apa yang dimeterai sahaja terutamanya apabila melibatkan agensi kerajaan dan tidak boleh

ZAIRUDIN
HASHIM



Rasuah RM3.3 juta: Dua pegawai atasan syarikat pembekalan air ditahan



Tangkap layar artikel membabitkan dua pegawai atasan sebuah syarikat pembekalan air di Johor direman disyaki menerima rasuah program berjumlah RM3.3 juta daripada dua pemilik syarikat kontraktor.

ada sebarang unsur timbal balik atau apa-apa sahaja pemberian berselindung...ia adalah rasuah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Rabu, *Sinar Harian* melaporkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai atasan sebuah syarikat pembekalan air di Johor, yang dipercayai menerima rasuah sebanyak RM3.3 juta daripada dua pemilik syarikat kontraktor.

Kedua-dua suspek lelaki berusia 36 dan 40 tahun itu telah ditahan di pejabat SPRM Selangor.

Dalam pada itu, Zairuddin berkata, setiap organisasi perlu melantik pihak lain untuk melakukan pengawasan setiap masa dalam membabitkan sebarang projek atau perjanjian yang dilaksanakan.

"Di peringkat agensi kerajaan sudah ada jabatan integriti, jadi pihak swasta juga perlu melakukan hal sama kerana apabila sudah membabitkan jenayah rasuah, ia bukan sahaja burukkan nama individu didakwa malahan imej syarikat juga.

"Jangan jadikan perbuatan ini sebagai satu tabiat kerana ia akan berlaku berulang kali dan merosakkan sistem syarikat secara keseluruhan," tegasnya.



SINAR HARIAN
02.05.2024
(KHAMIS)

Penguat kuasa 'ikan bilis' dalam agensi kerajaan boleh ancam keselamatan negara

SHAH ALAM - Peningkatan anggota dalam agensi penguat kuasa yang terlibat dengan rasuah dan curas integriti boleh mengancam ketenteraman awam serta keselamatan negara.

Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) berkata, walaupun golongan tersebut berpangkat rendah tetapi mereka diberi kuasa untuk menahan kenderaan, menggeledah dan menangkap sesiapa sahaja melakukan jenayah atau penyeludupan merentas sempadan.

"Namun, ketirisan boleh berlaku sekiranya mereka melindungi sindiket penyeludupan atau aktiviti haram untuk mendapatkan habuan suapan rasuah dan boleh dikategorikan sebagai pengkhianat kepada agama serta negara.

"Bayangkan apa akan berlaku jika anggota penguat kuasa di sempadan

dengan Thailand, bertindak melepaskan pengedar dadah, pemerdagangan manusia dan penyeludup barang larangan khususnya senjata api tanpa diperiksa atau permit sah.

"Jika barang terlarang seperti senjata api itu sampai ke tangan penjenayah di bandar utama, kes rompakan, pembunuhan dan peras ugut pasti menjadi ancaman kepada nyawa dan harta benda orang awam," kata MCW yang merujuk golongan ini sebagai penguat kuasa 'ikan bilis'.

Tambah MCW lagi, ia juga akan memberi kesan buruk kepada pendapatan negara jika pelabur asing dan pelancong takut datang kerana jenayah berlaku secara berleluasa.

"Begitu juga jika dadah diseludup masuk ke negara ini, yang kita rata-rata me-



Pintu sempadan negara perlu dikawal oleh anggota penguat kuasa yang berintegriti. - *Gambar hiasan*

ngetahui kebanyakan bekalan dadah yang masuk ke negara ini datang dari negara jiran. Kesannya amat besar apabila ada

sindiket penyeludupan dan pengedar dadah menjual dadah kepada belia serta pelajar sekolah.

"Oleh itu, tidak hairan jika pusat pemulihan dadah di negara ini selalu dipenuhi dengan belia yang terlibat dengan najis dadah," ujarnya.

Mengulas lanjut, MCW bimbang kebanyakan rakyat tidak memandang serius akibat daripada jenayah rasuah yang berleluasa kini.

Katanya, pegawai awam yang dikategorikan 'ikan bilis' oleh masyarakat adalah mereka yang terlibat dengan urusan tender terbuka atau sebut harga daripada aspek saiz nilai kontrak, bentuk dan jumlah projek diluluskan di peringkat kementerian atau agensi kerajaan tertentu.



SINAR HARIAN
02.05.2024
(KHAMIS)



Pegawai kanan KADA disyaki buat tuntutan palsu ditahan

Kota Bharu: Seorang pegawai kanan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dipercayai bagi membantu siasatan kes membuat tuntutan palsu sejak tahun lalu.

Sumber berkata, lelaki berusia 40-an itu ditahan pada jam 9.30 malam kelmarin ketika dipanggil memberi keterangan di pejabat SPRM.

"Lelaki terbabit dipercayai membuat beberapa tuntutan palsu pada tahun lalu dan tahun ini berkaitan pelbagai program anjuran KADA," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kelantan, Rosli Husain, ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan dan suspek dibawa ke Mahkamah Kota Bharu bagi mendapatkan perintah reman.

Beliau berkata, lelaki terbabit direman pagi semalam bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2019.

CEO syarikat air, pemilik syarikat direman 3 hari

Suspek dipercayai terima rasuah, buat tuntutan palsu RM3.3 juta

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Ketua pegawai eksekutif sebuah syarikat pembekalan air negeri ini dan seorang pemilik syarikat direman tiga hari mulai semalam bagi membantu siasatan berkaitan rasuah dan tuntutan palsu RM3.3 juta.

Majistret, Nurmadiana Mamat membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pagi semalam untuk mereman suspek bagi membantu siasatan.

Kedua-dua suspek berkenaan akan direman hingga Jumaat ini bagi membantu siasatan kes rasuah itu mengikut Seksyen 16 dan 18 AKTA SPRM 2009.

Terdahulu, media melaporkan ketua pegawai eksekutif syarikat pembekalan air dan seorang pemilik syarikat ditahan dipercayai menerima rasuah dan tuntutan palsu berkaitan kes RM3.3 juta, kelmarin.

Sumber SPRM dilaporkan berkata, kedua-dua suspek lelaki berusia 38 dan 35 itu telah ditahan di pejabat SPRM Selangor kira-kira jam 4 petang kelmarin



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru untuk perintah reman, kelmarin. (Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan.

Aduan diterima sekitar 2023

Penahanan itu berikutan siasatan atas beberapa aduan sekitar 2023, di mana suspek menerima wang rasuah daripada pemilik dua syarikat kontraktor sebagai balasan membantu syarikat berkenaan memperoleh kerja perkhidmatan dan pembekalan daripada syarikat pembekalan

air berkenaan.

Suspek juga dilaporkan dipercayai terbabit dengan kesalahan mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu berhubung permohonan sumbangan bagi sebuah program berjumlah RM3.3 juta sedangkan program itu tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Penahanan ketua pegawai eksekutif syarikat pembekalan air negeri dan seorang pemilik syarikat kelmarin menyusul selepas SPRM menahan dua pegawai atas sebuah syarikat pembekalan air negeri terbabit sehari sebelumnya.

Dua pegawai atasan syarikat pembekalan air itu dilaporkan dipercayai menerima rasuah sebanyak RM3.3 juta daripada dua pemilik syarikat kontraktor, sebelum direman sehari dan dilepaskan atas jaminan SPRM, kelmarin.



BERITA HARIAN
02.05.2024
(KHAMIS)

Dua termasuk pegawai kanan MB Perlis diarah bercuti



Shukri (tengah) dalam sidang akhbar pada Khamis.

KANGAR - Dua penjawat awam kerajaan negeri termasuk seorang pegawai kanan kepada Menteri Besar Perlis, diarahkan bercuti daripada tugas masing-masing.

Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, keputusan itu dibuat berikutan individu terbabit sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atas dakwaan memalsukan dokumen bagi tujuan tuntutan palsu.

Menurutnya, hanya dua daripada enam individu yang disiasat SPRM Putrajaya sejak dua minggu lalu merupakan penjawat awam kerajaan negeri, manakala selebihnya adalah kontraktor.

"Dua penjawat awam negeri ini sudah pun (diarah) bercuti daripada tugas masing-masing selepas mereka dibebaskan daripada siasatan.

"Yang lainnya bukan penjawat awam, mereka pula kemungkinan sudah pun menjalankan kerja perniagaan masing-masing," katanya kepada media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di sini pada Khamis.

Sebelum ini, enam individu termasuk seorang anak lelaki kepada Mohd Shukri direman selama dua hari bagi membantu siasatan kes itu.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman sebelum ini mengesahkan penahanan reman enam individu berhubung pemalsuan dokumen dalam membuat tuntutan palsu sedangkan kerja-kerja berkenaan tidak dilaksanakan.

Keseluruhan projek berkenaan melibatkan kerja baik pulih, penyelenggaraan, pembekalan dan perkhidmatan bermula dari 2022 sehingga kini dianggarkan bernilai RM600,000.



SINAR HARIAN

03.05.2024

(JUMAAT)

Oleh Mohd Jamil Anbia Md Denin dan Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

TANAH RIZAB MELAYU KIAN TERHAKIS

Segelintir kakitangan PTG dalam radar SPRM kerana disyaki jadi dalang ubah status tanah

Kegusaran berasas apabila wujud maklumat bahawa Tanah Rizab Melayu (TRM) bernilai berbilion ringgit di negara ini sudah berpindah milik secara haram kepada orang bukan Melayu.

Susulan itu segelintir kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) diletakkan dalam 'radar' Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menjadi dalang mengubah status asal TRM berkenaan.

Terbaru SPRM menahan dan mendakwa seorang bekas kakitangan PTG selepas disyaki menipu sebuah agensi kerajaan negeri sehingga menyebabkan pemecahan lot Tanah Rizab Melayu membabitkan kawasan seluas kira-kira 649.2 hektar di Sitiawan, Perak.

Sumber SPRM berkata, kes membabitkan status TRM tidak hanya tertumpu di negeri Perak ketika ini malah dipercayai turut 'merekab' di beberapa negeri lain di Semenanjung Malaysia.

"Berdasarkan siasatan SPRM sebelum ini, kegiatan penyelewengan atau menukar status TRM berlaku di daerah-daerah terpencil.

"Pembabitkan 'orang dalam' PTG tidak dapat dinafikan dalam kes seumpama ini. Berdasarkan kes disiasat, ada kakitangan PTG sengaja menukar status tanah TRM ini di dalam sistem jabatan.

"Akibatnya status TRM ini terbatal serta merta menyebabkan tanah rizab milik Melayu berkenaan dijual sewenang-wenang kepada pembeli bukan Melayu," katanya.

Menurutnya, dalam kes disiasat sebelum ini, ada antara TRM ini sudah 'tergada' sejak berpuluh tahun lalu tanpa disedari termasuk oleh kerajaan negeri.

"Kebanyakan TRM yang juga tanah pertanian ini kemudian dibangunkan menjadi kawasan perumahan, kilang atau pusat komersil. Keadaan ini menyukarkan pihak berwajib untuk mengambil sebarang tindakan.

"Pembabitkan 'orang dalam' PTG tidak dapat dinafikan dalam kes seumpama ini. Berdasarkan kes disiasat, ada kakitangan PTG sengaja menukar status tanah TRM ini di dalam sistem jabatan.

"Akibatnya status TRM ini terbatal serta merta menyebabkan tanah rizab milik Melayu berkenaan dijual sewenang-wenang kepada pembeli bukan Melayu," katanya.

Menurutnya, dalam kes disiasat sebelum ini, ada antara TRM ini sudah 'tergada' sejak berpuluh tahun lalu tanpa disedari termasuk oleh kerajaan negeri.

"Kebanyakan TRM yang juga tanah pertanian ini kemudian dibangunkan menjadi kawasan perumahan, kilang atau pusat komersil. Keadaan ini menyukarkan pihak berwajib untuk mengambil sebarang tindakan.

"Bayangkan jika satu ekar TRM bernilai sekitar RM20,000 hingga RM30,000 sekitar 20 tahun lalu dan kini nilai pasarnya melonjak melepasi RM100,000 satu ekar. Pustinya jumlah TRM yang 'tergada' mencecah berbilion ringgit berdasarkan angka kehilangan semasa," katanya.

"Pembabitkan 'orang dalam' PTG tidak dapat dinafikan dalam kes seumpama ini. Berdasarkan kes disiasat, ada kakitangan PTG sengaja menukar status tanah TRM ini di dalam sistem jabatan"

Menurutnya, SPRM akan mempergiatkan usaha menyasat dan membongkar kegiatan penyelewengan dan penipuan ini berdasarkan laporan-laporan diterima di setiap negeri.

Sebelum ini pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO) turut pernah membangkitkan isu sama kepada Jabatan Audit Negara berhubung isu geran tanah rizab Melayu yang dimiliki oleh bukan Melayu di Sitiawan, Perak.

Ia susulan Laporan Audit Negara 2019 (Siri 2) dikeluarkan pihak Ketua Audit Negara Malaysia mendakwa

Geran asal pemilik 'diperkudakan'

Kuala Lumpur: Sembilan penghuni kediaman lot tanah di mukim Hutan Kampung, Alor Setar, Kedah, menjadi mangsa terbaru apabila tanah Rizab Melayu dldiami mereka dipindah milik dan dijual kepada sebuah syarikat tanpa pengetahuan.

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO), Dutuk Hishamuddin Hashim mendahkan perkara itu selepas pihaknya menerima aduan dibuat mangsa.

Katanya, lot tanah itu menjadi pertikaian berikutan sebahagian tanah lot seluas 0.5228 hektar adalah Tanah Rizab Melayu atau Tanah Simpanan Melayu di Negeri Kedah.

"Mangsa mendakwa terkejut apabila mendapati 'dapat dua geran' pemilikan tanah di bumi mereka walaupun geran asal masih

dalam simpanan sejak tahun 1984.

"Mangsa turut mendakwa terdapat suatu perintah daripada mahkamah yang memberi kuasa dan hak kepada seorang individu bukan Melayu untuk meminda milik, menggadai dan memajak lot tanah itu.

"Seterusnya, individu terbabit bertindak memindahkan (nama pemilik geran) dan menjual lot tanah itu kepada sebuah syarikat yang turut dimiliki bukan Melayu," katanya.

Menurutnya, pada Mac 2014, syarikat itu mendapat satu perintah mahkamah bagi merobohkan kediaman yang dibina di lot tanah berkenaan.

Susulan itu pihak menghantar memorandum kepada Jabatan Ketua Pengarah tanah dan Galian, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam kelmarin.

wa berlaku ketidakcekapan pengurusan tanah rizab Melayu di negeri Perak.

Memorandum turut diserahkan bagi menggesa Ketua Audit Negara supaya memberi syor dan saranan kepada PTG Negeri Perak untuk mengembalikkan tanah rizab Melayu.

MHO berharap tanah rizab Melayu yang 'diperkudakan' oleh bukan Melayu dipulangkan semula mengikut proses undang-undang.

Terbaharu, pelakon Ammar Baharin turut terkejut apabila tanah milik keluarganya di Semenyih, Selangor, berpindah milik kepada individu lain secara tidak sah.

Lebih aneh apabila geran asal tanah berkenaan masih berada pada ibunya.

"Mangsa terkejut mendapati dua geran pemilikan tanah di bumi mereka"



HARIAN METRO

05.05.2024

(AHAD)

SPRM buktikan turut tangkap 'jerung', pemimpin berjawatan tinggi

- Belum ada dalam sejarah ramai bekas PM, TPM, MB, KM dan menteri sudah disiasat dan sudah didakwa agensi pencegahan rasuah
- Kesalahan jenayah boleh didakwa tanpa tempoh masa, membolehkan pihak berkuasa mengambil masa menjalankan siasatan terperinci



Datuk Seri Dr. Mohamad Khir
bhrenam@bh.com.my

Pernah dituntut hanya menangkap ikan kecil, kini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerbitkan pglan kerana menangkap jerung, malah yang paling besar.

Masa tidaknya, dua bekas Perdana Menteri (PM), seorang Timbalan Perdana Menteri (TPM), menteri Persekutuan, beberapa Menteri Besar (MB) dan Ketua Menteri (KM) sudah disiasat SPRM hingga didakwa di mahkamah.

Bekas itu dalam sejarah jumlah seramai ini yang disiasat dan didakwa agensi pencegahan rasuah kita. Semasa Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Idris Harun pernah dijatuhkan hukuman penjara enam tahun atas kesalahan rasuah.

Ragaimanapun, selepas menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun, Yang di-Pertuan Agong ketika itu Tuanku Jaafar Muhammad adalah Perdana Menteri.

Semasa perjalanan politik di Sabah pada Januari 2014, bekas Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan ditahan Biro Pencegahan Rasuah (BPR) dan dilaporkan bersalah mengahgunakan jawatannya untuk memberikan kontrak secara rasuah.

Dellau denda RM2,000 tetapi tidak perlu melupuskan jawatan sebagai Ketua Menteri kerana Perkara 17(1)(b) Perlembagaan Negara Sabah dan Perkara 48(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan kelakuan seseorang daripada memegang jawatan awam hanya boleh hilang sekiranya denda lebih RM2,000 atau penjara lebih setahun.

Semasa Datuk Seri Najib Razak menjadi Perdana Menteri, Dr. Mohamad Khir Toyo dilaporkan bersalah menggunakan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor untuk membeli dua bulang tanah dan sebuah rumah bernilai RM6.5 juta dengan hanya membayar RM3.5 juta di bawah harga pasaran.

Mohamad Khir dijatuhkan hukuman penjara 12 bulan pada 2011 oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam tetapi diberi parole selepas menjalani hukuman penjara enam bulan di Penjara Kajang.

Bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng pun didakwa pada 20 Jun 2016 mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 dan Seksyen 163 Kanun Keseksaan bertubung urus niaga pembelian rumah yang juga di bawah harga pasaran.

Namun pada 4 September 2018, pihak pendakwaan memohon untuk dilepas tanpa bebas tetapi Hakim Derek Haidar bin Syed Hamid memutuskan untuk membenarkan kedua-dua pertuduhan itu dilepas dan bebas. Kes ini berlaku ketika Dr. Mahathir dilantik semula sebagai Perdana Menteri kali kedua di bawah kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Sementara itu, dua bekas Perdana Menteri didakwa di mahkamah ialah Najib pada 4 Julai 2018, Tan Sri Muhyiddin Yassin 10 Mac 2021 dan Tun Abdul Razis Nordin, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang ketika itu berada dalam tahanan pembekuan 197 Jun 2021.

Alimat Zahid bekas 47 pertuduhan

Kes Muhyiddin kini masih berjalan di mahkamah, manakala muhakamah membebaskan Ahmad Zahid daripada semua 47 pertuduhan perub antara jenayah, rasuah dan pengubahan wang haram bertubung dana Yayasan Akalbudi.

Ketika era Muhyiddin sebagai Perdana Menteri di bawah kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada 7 Ogos 2020, Guan Eng sekali lagi didakwa

Standard Tinggi diutamakan di kebanyakan negara demokrasi tulen dengan kedaulatan undang-undang dan kepentingan awam lebih penting daripada mengesang jawatan kerajaan

kerana menipu rasuah bertubung kos teramat bawah laut bernilai RM6.3 bilion semasa menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang. Kes ini pertuduhan mendakwa beliau meminta rasuah berjumlah 10 peratus daripada keuntungan syarikat bekecuanan. Kes itu belum selesai di mahkamah.

Pada 3 Februari 2021, Mahkamah Tinggi menafikan bekas menteri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dilaporkan bersalah atas kesalahan pertuduhan rasuah melibatkan pengambilalihan Merdeka Palace Hotel & Suites oleh FELDA di Kuching, Sarawak bernilai RM3.09 juta.

Begaimanapun, pada 6 Mac 2021, Mahkamah Rayuan membenarkannya daripada tahanan rasuah bekecuanan.

Pada 16 Julai 2021, tiga hakim Mahkamah Rayuan membebaskan bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan Ahli Parlimen Putrajaya, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor daripada tahanan rasuah melibatkan RM2 juta dimasukkan ke dalam akaun syarikat dikawal oleh sendiri.

Dalam satu kes lagi pada 10 April 2022, membebaskan bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man yang sedang dibicarakan di Mahkamah Sesiyen Kangar atas lima pertuduhan menggunakan trolus paku perjalanan ke luar negara berjumlah lebih RM1.11 juta antara 2017 dan 2017.

Pada 9 November 2023, bekas Menteri Baitul Daulat, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mengesahkan jawatannya sebagai Presiden Parti Bazar Demokratik Malaysia (MUDA) selepas disalahkan dengan rasuah. Mahkamah Tinggi membatalkan persembahannya untuk menagguhkan pelaksanaan hukumannya sementara menunggu rayuan dan beliau masih Ahli Parlimen.

Terdapat beberapa kes berserta tinggi berkinerja SPRM, itu bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zaidiuddin, Dr. Mahathir dan Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Barak.

Kesalahan jenayah boleh didakwa tanpa tempoh masa, jadi ini membolehkan pihak berkuasa mengambil masa untuk melakukan siasatan terperinci.

Pada 1970-an, Menteri Besar Perak ketika itu, Datuk Seri Ahmad Said melakukan mengundi hampir RM1.2 juta dalam akaunnya. Sebanyak RM30,000 dirampas pihak berkuasa kerana dilaporkan diperoleh melalui rasuah. Beliau segera melatak jawatan.

Pada tahun sama, Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Ibrahim Fikri Muhammad dituntut mengambil cuti dua bulan, kesudahannya digantikan Datuk Mahmoed Sulaiman. Di peringkat Persekutuan, Tan Sri Khaw Kai Bala dituntut berundur daripada Kabinet.

Amanah ini menetapkan standard tinggi diutamakan di kebanyakan negara demokrasi tulen dengan kedaulatan undang-undang dan kepentingan awam lebih penting daripada memegang jawatan kerajaan.

Namun, walaupun dalam sistem terbaik, terasak yang telus, kesahibatan mutakhir tidak selalu dapat dilaksanakan. Dalam hal sedemikian, kita hanya boleh berharap akhirnya kesahibatan sebenar akan dilaksanakan Allah SWT.





BERITA HARIAN

06.05.2024

(ISNIN)

DISYAKI MINTA, TERIMA RASUAH

Tiga pegawai kanan agensi kerajaan ditahan reman

Kota Bharu: Tiga pegawai kanan termasuk seorang pengurus besar sebuah agensi kerajaan yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin, direman selama empat hari bermula semalam selepas disyaki meminta dan menerima rasuah.

Mereka direman sehingga Khamis ini untuk siasatan mengikut Seksyen 17a Akta SPRM 2009.

Seorang lagi pegawai kanan pula disambung reman tiga hari bermula hari ini sehingga Khamis ini mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 selepas disyaki

membuat tuntutan palsu sejak tahun lalu.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Hakim Nik Habri Muhamad di Mahkamah Sesyen di sini.

Terdahulu, empat pegawai kanan yang memakai baju lokap SPRM tiba jam 9.15 pagi dengan dikawal oleh pegawai SPRM.

Media kelmarin melaporkan, tiga pegawai kanan agensi kerajaan berusia 40 hingga 49 tahun ditahan kerana disyaki terlibat meminta dan menerima rasuah bagi pelbagai projek termasuk pembekalan di Kelantan.

Tiga daripada mereka dipercayai ditahan jam 7.30 malam kelmarin, ketika dipanggil memberi keterangan di pejabat SPRM Kelantan.

Mereka dipercayai terlibat dalam meminta dan menerima wang rasuah daripada beberapa individu atau syarikat, namun jumlah rasuah masih dalam siasatan SPRM.

Seorang daripada mereka ditahan pada 30 April lalu untuk siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 selepas disyaki membuat tuntutan palsu sejak tahun lalu dan direman selama enam hari.



SUSPEK yang memakai baju lokap SPRM tiba di Mahkamah Sesyen Kota Bharu dengan dikawal oleh pegawai SPRM. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



HARIAN METRO

07.05.2024

(SELASA)

Tiga pegawai KADA direman kes rasuah

Kota Bharu: Tiga pegawai kanan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin, direman empat hari bermula semalam untuk siasatan selepas disyaki meminta dan menerima rasuah.

Mereka direman sehingga Khamis ini untuk siasatan mengikut Seksyen 17a Akta SPRM 2009.

Seorang lagi pegawai kanan disambung reman tiga hari bermula hari ini mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 selepas disyaki membuat tuntutan palsu sejak tahun lalu.

Perintah reman dikeluarkan Hakim Nik Habri Muhammad di Mahkamah Sesyen di sini.

Terdahulu, empat pegawai kanan yang memakai baju lokap SPRM tiba di mahkamah pada jam 9.15 pagi dengan dikawal oleh pegawai SPRM.

Media semalam melaporkan, tiga pegawai kanan agensi kerajaan berusia antara 40 hingga 49 tahun ditahan kerana disyaki terbabit meminta dan menerima rasuah bagi pelbagai projek, ter-



Tertuduh tiba di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

masuk pembekalan di Kelantan.

Tiga daripada mereka dipercayai ditahan jam 7.30 malam kelmarin, ketika dipanggil memberi keterangan di pejabat SPRM Kelantan.

Mereka dipercayai terbabit dalam meminta dan menerima rasuah daripada beberapa individu atau syarikat, namun jum-

lah rasuah masih dalam siasatan SPRM.

Seorang daripada mereka ditahan pada 30 April lalu untuk siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 selepas disyaki membuat tuntutan palsu sejak tahun lalu dan ditahan reman selama enam hari.

Sementara itu, Pengerusi

KADA, Muhammad Husain, meminta semua warga KADA ber-tenang sehingga siasatan selesai.

"Elakkan daripada membuat spekulasi berkenaan kes yang sedang berjalan sehingga boleh menyebabkan gerak kerja dan perkhidmatan KADA kepada petani tergendala," katanya menerusi satu kenyataan di sini, semalam.

Berita Harian - 7/5/2024 - Selasa



BERITA HARIAN
07.05.2024
(SELASA)

ELAK PENYELEWENGAN
TANAH RIZAB MELAYU

Tambah baik urus tadbir PTG

Oleh Muhammad
Lokman Khairi
am@metro.com.my

Ipoh

Pejabat Tanah dan Ge-
lian (PTG) Perak me-
lakukan pelbagai
penbaharuan dalam aspek
pengurusan bagi menag-
lakan berlaku salah guna
kuasa termasuk kes pengu-
bahan status Tanah Rizab
Melayu (TRM) berselang.
Menteri Besar Perak, Da-
duk Seri Saarani Mohamad
berkata, ini termasuk pen-
gelan sistem e-Tanah
Perak dan sebagainya an-
tara usaha untuk menga-
ngkan risiko penyelew-
ngan.

Meruutnya, pendawa-
an terhadap bekas Timba-
lan Pendaftaran Hakmilik
PTG Perak di Mahkamah
Sesyen Ipoh, baru-baru ini
adalah kes lama yang perli-
menjadi sebar.

"Ini kes 2002. Selepas kes
itu, kami sudah ada e-ta-
nah. Sekarang kami laka-
kan untuk tambah baik pe-
ngurusan PTG," katanya
pada Majlis Sambutan Hari
Raya Aidilfitri 2024, di sini
semalam.

Beliau berkata demikian
sebagai mesyuaras gesaan
bekas Exco Perak Datuk
Hamidah Osman supaya
kerajaan negeri memam-
bah baik pengurusan PTG
bagi mengatasi kelemahan
dan logincangan dalam
pentadbiran tanah hingga
menggantikan rizab tanah
Melayu.

Metro Ahad sebelum ini
mendedahkan berlaku ka-
hilaran TRM kepada
kaum lain membabitkan
nilai bernilai ringgit di
sejumlah negara. Berdasar-
kan susulan Suruhanjaya
Pencegahan Rasuah Mala-
ysia (SPRM), berlaku ke-
lemahan pada sistem peri-



Kami di peringkat
(kerajaan) negeri tiada
masalah. Apabila ada
aduan dan
sebagainya, (SPRM)
tak masuk buat
siasatan itu atas
kebijaksanaan
mereka"

Suarani

sian PTG sebelum ini yang
menbolehkan status TRM
dipadamkan.

Susulan bebenza lapa-
ran diterima, SPRM melaku-
kan siasatan terhadap
kebiasaan kerajaan yang
dinyak bertabit dengan isu
penyelewengan TRM.

Dalam pada itu, Saarani
berkata, pihaknya menyok-
ong katagasan SPRM apa-
bila menjalankan siasatan
hingga individu bertanggung-
jawab dibawa ke mo-
ka pengadilan.

"Saya percaya rujuk
SPRM bukan di PTG sahaja
kerana kami nak ketelusan
bila Perdana Menteri in-
ginkan pengatkuasaan
diampunkan dengan
baik bagi menyelesaikan
berbeza masalah dan seha-
gainya.

"Kami di peringkat (ke-
rajaan) negeri tiada masa-
lah. Apabila ada aduan dan
sebagainya, (SPRM) tak
masuk buat siasatan itu
atas kebijaksanaan mere-
ka. Kami tak campur ta-
ngan," katanya.

Terdahulu, bekas Tim-
balan Pendaftaran Hakmilik
PTG Perak dihadapkan ke
Mahkamah Sesyen Ipoh
pada 30 April lalu atas tu-
duhan melupa status TRM
seluas 649.2 hektar di Mu-
kim Sitawan, Manjung, ta-
han lala.



HARIAN METRO
07.05.2024
(SELASA)

Syor tubuh Kelab Rasuah Busters di sekolah

Kempen kesedaran cegah rasuah libatkan semua peringkat umur

Oleh SITI AISYAH MOHAMAD SHAH ALAM

Salah satu cara atau langkah untuk mencegah rasuah dari terus berleluasa adalah dengan memberi kesedaran, pendidikan serta kempen secara menyeluruh dan berkesan dengan melibatkan semua peringkat umur.

Ahli Majlis Tertinggi Rasuah Busters Kedah, Mohd Syahir Ismail berkata, masyarakat sering memberi justifikasi bahawa isu rasuah hanya untuk difahami dan dibincangkan pada peringkat golongan dewasa sahaja.

Menurut beliau, sikap sedemikian menyebabkan rakyat Malaysia lambat menerima kefahaman dan penerapan nilai terhadap impak negatif akibat mengamalkan rasuah atau penyalahgunaan kuasa.

"Kempen membasmi gejala ini mungkin boleh bermula di peringkat sekolah rendah melalui medium rasmi pembelajaran dalam kelas dengan mewujudkan modul khas kefahaman berkaitan isu rasuah.

"Selain itu, boleh diterapkan juga melalui aktiviti kokurikulum dengan memperkenalkan Kelab Rasuah Busters dan melaksanakan program berkala di sekolah yang dapat menarik minat kanak-kanak serta remaja.

"Malah, ibu bapa adalah individu yang paling rapat dengan anak-anak turut memainkan peranan penting dengan memberikan contoh yang baik



Kempen kesedaran dan pendidikan benci rasuah boleh bermula dari peringkat sekolah melalui aktiviti kokurikulum. - Gambar hiasan

RASUAH BUSTERS

ketika berada di rumah,"- katanya kepada *Sinar Harian*, baru-baru ini.

Beliau berkata ketika diminta mengulas mengenai laporan media mengenai kes dua pemuda disyaki ahli sindiket penipuan pinjaman tidak wujud dalam talian dihadapkan ke Mahkamah Seksyen Ayer Keroh, Melaka, atas pertuduhan berasingan memben dan bersubahat memberi rasuah RM60,000 kepada pegawai kanan polis bagi mengelak dikenakan tindakan pada 2023.



SYAHIR

Dalam pada itu, Syahir turut menasihati kepada masyarakat agar tidak membudayakan menerima atau memberi rasuah kerana dibimbangi ia akan menjadi kebiasaan yang diamalkan dalam masyarakat di negara ini.

"Sama-sama kita terus semarakkan kempen anti-rasuah dengan memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakannya.

"Semoga Malaysia satu hari nanti akan bebas dan sifar rasuah dengan masyarakatnya terdidik serta memiliki jati diri yang tinggi," ujarnya.



SINAR HARIAN
07.05.2024
(SELASA)

Kenaikan gaji penjawat awam boleh elak rasuah

SHAH ALAM - Kenaikan gaji penjawat awam yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini dapat meringankan beban kewangan dan kos sara hidup yang dihadapi rakyat sekaligus mengurangkan gejala rasuah di negara ini.

Presiden Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram), Badlishah Sham Baharin berkata, penglibatan seseorang pekerja itu dengan rasuah kebiasaannya didorong oleh faktor luar seperti kos sara hidup dan ekonomi isi rumah.

"Kalau misalnya mereka tertekan atau terdesak dari segi kewangan itu yang mendorong mereka untuk mengambil rasuah dan sebagainya,

"InsyaALLAH kita harap dengan pengumuman kerajaan berhubung kenaikan gaji itu, ia sedikit sebanyak membantu dalam mengurangkan gejala rasuah daripada berleluasa di kalangan penjawat awam.



BADLISHAH

"Secara umumnya, saya menyokong langkah kerajaan dalam menaikkan gaji penjawat awam," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada minggu lalu, Anwar mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam lebih 13 peratus bermula Disember ini, antara tertinggi dan terbaik dalam sejarah negara dan kenaikan itu melibatkan peruntukan lebih RM10 billion.

Dalam pada itu, ujar Badlishah, penjawat awam diingatkan supaya tidak lalai, bijak menguruskan kewangan dan tidak mengambil hutang sehingga melebihi kemampuan pembayaran.

"Dalam hal ini, mereka kena banyak buat pertimbangan dan jangan ambil hutang terlalu banyak kerana risau ia menjadi beban.

"Kalau menjadi beban, maka kesudahan balik seperti asal, maknanya naik gaji tinggi macam mana pun, ia tetap tidak mencukupi sebab berbelanja lebih dari kemampuan.

"Kemudian bila gaji naik, maka produktiviti pekerja kena tingkatkan. Begitu juga dengan disiplin dan prestasi kerja," katanya.



SINAR HARIAN

07.05.2024

(SELASA)



SINAR HARIAN

07.05.2024

(SELASA)

Negara boleh runtuh jika individu miliki kuasa bersikap tamak



ABDUL RAHMAN

SHAH ALAM - Sikap tamak dan pentingkan diri sendiri oleh segelintir individu yang mempunyai kuasa tetapi disalahgunakan bagi kesenangan peribadi menyebabkan sesebuah negara itu boleh runtuh dengan mudah.

Setiausaha Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Kedah, Abdul Rahman Solehuddin Mohd Zain berkata, bagi menangani perkara tersebut, pihak kerajaan perlu lebih serius dan menetapkan polisi tegas supaya kegiatan me-

nyogok atau rasuah dapat dielakkan.

"Kemampuan kerajaan untuk melakukan reformasi dalam hal ini sangat diyakini dengan bantuan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan seperti ABIM, Rasuah Busters *Sinar Harian* dan lain-lain.

"Masyarakat juga perlu bersatu padu memberi amaran dalam pendekatan kepada orang-orang yang masih lagi tidak mahu meninggalkan budaya jijik ini.

"Tidak ada alasan mengapa

kita harus membiarkan kegiatan rasuah ini terus berkembang dan membarah," tegasnya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, media melaporkan, seorang pengurus besar Pertubuhan Peladang Kawasan Khas Rasuah di Tawau, Sabah selepas mengaku bersalah menerima suapan berjumlah lebih RM8,000 lima tahun lalu.

Hukuman itu diputuskan Hakim Jason Juga selepas menerima pe-

ngakuan bersalah tertuduh Ahmad Rudi Abd Rashid, 50.

Tambah Abdul Rahman, pihaknya mengikut secara rapat semua usaha kerajaan dalam membanteras rasuah, namun ia tidak sampai ke peringkat akar umbi.

"Masih ramai rakyat yang terpedaya dengan istilah yang mengaburi perbuatan jensyah seperti istilah dut kopi atau tumbuk rusuk kononnya bertujuan membalas budi," tambahnya.

Penjawat awam direman bantu siasatan kes terima suapan

MELAKA - Seorang penjawat awam direman selama lima hari bermula Selasa bagi membantu siasatan kes menerima suapan berjumlah RM7,500 daripada beberapa kontraktor, dua tahun lalu.

Perintah reman sehingga Sabtu ini terhadap lelaki berusia 41 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Khairunnisak Hassni di Mahkamah Majistret selepas mendapat permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menjalankan siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Menurut sumber, individu yang merupakan bekas pembantu operasi di sebuah pusat pengajian negeri ini disyaki menerima suapan dalam membantu mempercepatkan proses

bayaran kerja-kerja yang dilakukan kontraktor penyelenggaraan sekitar tahun 2022.

Terdahulu, suspek ditahan kira-kira jam 2 petang ketika hadir di Pejabat SPRM Melaka bagi tujuan membantu siasatan yang sedang dijalankan pada Isnin lalu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan ke atas suspek dan memaklumkan siasatan kes berkenaan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, seksyen ini memperuntuk hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun jika sabit kesalahan.



SINAR HARIAN
07.05.2024
(SELASA)

Gesa SPRM tegas siasat golongan atasan, berpengaruh

Putrajaya: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus berani dan tidak 'terpukau' melakukan siasatan terhadap golongan atasan, berpengaruh dan berdarjat demi menyelamatkan negara.

Menurutnya, dalam usaha memerangi gejala rasuah, golongan berkenaan akan terus menekan agensi penguatkuasaan itu agar

terlepas daripada tindakan undang-undang.

"Saya mempunyai keyakinan kepada 'keluarga' SPRM, yang diberikan mandat (menyiasat) tidak mengenal darjat dan keturunan. Rakyat perlu tahu, apa sahaja sanggahan dan lontaran kepada kita, tujuannya adalah untuk menyelamatkan nasib mereka.

"Ia tidak boleh dilakukan sekiranya ada penjawat

awam atau penguat kuasa merasakan hak mereka untuk memungkah hasil kerajaan dan menjalankan pentadbiran mengikut hukum rimba.

"Segelintir penguat kuasa mungkin akan terpukau khususnya membabitkan perasuah berpengaruh, berdarjat dan kumpulan atasan, yang akan menggunakan apa sahaja usaha termasuk media, media sosial, jentera kerajaan untuk

menyerang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Strategi Pembanterasan Rasuah (NACS) 2024-2028 di Pusat Konsvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam.

Anwar berkata, isu rasuah tidak boleh dipandang ringan dan semua pihak termasuk masyarakat perlu memainkan peranan membanteras 'penyakit' itu.

"Apabila kita meluncurkan

agenda (NACS) ini, ya tentu tonggakunya masih SPRM, tetapi ia juga melibatkan (pelbagai agensi penguatkuasaan), yang harus memastikan negara beranjak daripada ketelanjuran lalu dan lebih bertekad untuk membanteras (rasuah).

"Saya punya keyakinan kepada (Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri) Azam (Baki) dan keluarga SPRM yang diberi amanah, kepercayaan dan dukungan...tidak

kenal darjat dan kedudukan (membanteras rasuah) supaya rakyat dapat mesej yang jelas," katanya.

Beliau berkata, SPRM diberi amanah dan kepercayaan maka tugas mereka adalah menyelamatkan negara dan membela nasib rakyat.

"Nasib rakyat tidak akan terbela jika kita biarkan (rasuah) dan menjalankan pentadbiran mengikut hukum rimba," katanya.



HARIAN METRO

08.05.2024

(RABU)



PENJAWAT awam sebuah institusi pendidikan direman lima hari di Mahkamah Majistret Ayer Keroh. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

Penjawat awam makan suap direman lima hari

Melaka: Seorang penjawat awam di sebuah institusi pendidikan di Melaka direman lima hari mulai semalam bagi membantu siasatan kes menerima suapan berjumlah RM7,500 daripada beberapa kontraktor penyelenggaraan.

Perintah reman sehingga Sabtu ini terhadap lelaki berusia 41 itu dikeluarkan Majistret Khairunnisak Hassni selepas dimohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sumber berkata, suspek berusia 41 tahun itu adalah bekas pembantu operasi dan kini dipindahkan tem-

pat kerja serta disyaki menerima suapan bagi membantu mempercepatkan proses bayaran kerja-kerja yang dilakukan kontraktor penyelenggaraan berkenaan pada 2022.

Katanya, suspek ditahan pada jam 2 petang kelmarin di Pejabat SPRM Melaka bagi membantu siasatan sebelum dibawa ke Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO
08.05.2024
(RABU)

Rasuah: Negara rugi RM277 bilion

Jumlah direkodkan bagi tempoh lima tahun berdasarkan anggaran KDNK

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

Malaysia merekodkan kerugian RM277 bilion bagi tempoh lima tahun berdasarkan anggaran kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) akibat jenayah rasuah.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, angka yang besar itu sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek terutamanya pelaksanaan projek sosial seperti baik pulih hospital dan sekolah.

"Kalau dibahagi lima, puratanya lebih kurang RM55 bilion setahun. Jadi jumlah ini yang kita semua perlu selamatkan."

"Jika kita dapat selamatkan wang-wang begini ia akan dapat membahagikan kita semua," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Peluncuran Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di sini pada Selasa.

Majlis NACS 2024-2028 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu bagi menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang berakhir pada Disember 2023.

Ia menggariskan lima strategi melibatkan aspek pendidikan, kebertanggungjawaban awam, suara rakyat,

penguatkuasaan selain ganjaran dan insentif.

Ditanya mengenai sasaran NACS, beliau optimis ia boleh dicapai dengan menggariskan strategi berkaitan terutama dalam skop pengoperasian dan penguatkuasaan.

"Semua agensi, kementerian, jabatan kerajaan akan terlibat dalam sesi libat urus untuk melihat kepada pelbagai perkara tatakelola termasuk isu-isu reformasi undang-undang."

"Reformasi undang-undang ini perlu dilihat oleh semua jabatan kerana ia sebenarnya banyak melambatkan pembangunan negara berikutan banyak birokrasi," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menyifatkan usaha SPRM memerangi gejala rasuah sebagai pertarungan yang dahsyat.

"Saya percaya keluarga SPRM tahu bagaimana kadangkala mereka terpaksa hadapi serangan, tohmahan dan juga isu keselamatan dalam pertarungan ini. Ia pertarungan yang dahsyat," katanya.

Menurutnya, isu rasuah akan terus membengkak jika ia tidak dibendung dengan langkah-langkah sewajarnya.

"Sebab itu, saya hadir untuk berikan dokongan bagi pihak kedua Timbalan Perdana Menteri dan menteri yang lain menzahirkan pendirian, bukan sekadar melancarkan satu lagi strategi."

"Meskipun puluhan strategi dan pelan pembanterasannya rasuah dilancarkan sejak negara mencapai kemerdekaan, budaya rasuahnya masih berleluasa."

"Azam sebut angka yang mengemparkan kerana ia mencecah puluhan bilion ringgit setahun. Bayangkan pembasmian kemiskinan, sekolah-sekolah, prasarana rakyat, nasib nelayan dan petani, pekebun kecil getah, sawah padi, hampir semua boleh dibereskan jika kita boleh selamatkan negara daripada kerakusan serta tamak haloba orang yang



Dari kiri: Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Anwar, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof dan Azam menunjukkan buku Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 ketika Majlis Peluncuran NACS 2024-2028 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Selasa.

menggunakan kuasa mereka sama ada pemimpin politik atau perjawat awam," katanya.

Menurut Anwar, kesungguhan dan tekad ikhlas diperlukan dalam usaha memerangi rasuah memandangkan ia merupakan satu dasar yang perlu bagi menyelamatkan negara dan rakyat.

"Jadi saya yakin, sebagai tunggak SPRM bersama badan penguatkuasaan, ambil ini sebagai tanggungjawab dan satu kekuatan baharu," katanya.

Beliau berkata, anak-anak harus dididik untuk membenci rasuah dan salah guna kuasa sejak di bangku sekolah.

"Di universiti dan kalangan rakyat, mesti ada program pendidikan meluas."

"Sekarang ini, orang rasuah disebabkan dia kaya, bagi habuan, kita mesti cium

tangan kerana tidak ada kesedaran."

"Kita solat, setiap tahun umrah, tetapi soal nilai hak dan batil, amal makruf dan mungkar tak dapat dibezakan. Sebab itu saya kata, peningkatan ilmu dan kefahaman sangat penting," katanya.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai kebertanggungjawaban awam, Anwar berkata, ia bukan tanggungjawab SPRM mahupun jemaah menteri semata-mata sebaliknya kesedaran individu itu sendiri yang menolak terhadap sebarang unsur rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Beliau turut menampelak sikap segelintir yang mempertahankan individu terbabit dalam rasuah dengan pelbagai alasan termasuk mengaitkan jasa dan sumbangan diberikan.



SINAR HARIAN
08.05.2024
(RABU)

Oleh Muhaamad
Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Putrajaya

Negara kehilangan RM277 bilion akibat jenayah rasuah berdasarkan anggaran kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh lima tahun sejak 2018.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, ketirisan amat besar itu sewajarnya boleh dimanfaatkan untuk membantu rakyat terutama pelaksanaan projek sosial seperti baik pulih hospital dan sekolah.

Bagaimanapun, katanya, nilai berkenaan mengalami ketirisan akibat jenayah rasuah.

Menurutnya, justeru, bagi memastikan strategi pembanteras rasuah memberi impak maka penggabungan Strategi Pembanteras Rasuah (NACS) 2024-2028 dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan metodologi bagi mengenal pasti bidang yang terdedah kepada risiko terkini rasuah dalam negara.

"Antaranya adalah melalui dapatan penyelidikan yang cenderung kepada rasuah, salah guna kuasa, ketirisan, penyelewengan dan kelemahan pentadbiran serta tatakelola yang dibentangkan dalam Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Antirasuah pada 6 hingga 7 September 2023 lalu.

"Selain itu, kajian penanda aras (benchmarking) ke negara-negara maju seperti United Kingdom (UK) dibuat bagi mendapatkan input strategik berhubung pembangunan dan mekanisme pelaksanaan UK Anti-Corruption Strategy 2017-2022 sebagai input pembangunan NACS," katanya.

Beliau berkata demikian

Negara tiris RM277 bilion

Angka membabitkan rasuah sejak tahun 2018

YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
Perdana Menteri

7 MEI 2024 (SELASA)

PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)



PERDANA Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim berucap bersama Azam Baki selepas merasmikan Majlis Peluncuran Strategi Pembentangan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHID FADLI HAMZAH

“Melalui dapatan penyelidikan sektor-sektor yang cenderung kepada rasuah”
Azam Baki

ketika berucap pada Majlis Peluncuran NACS 2024-2028 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam, Azam berkata, input-input strategik seumpama ini menjadi antara

rujukan penting yang membantu dalam pembangunan NACS 2024-2028 seiring dengan dasar kerajaan semasa.

"NACS 2024-2028 yang dihasilkan ini menggariskan strategi penting yang tertumpu pada peningkatan integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban merentasi pelbagai sektor di Malaysia termasuk po-

litik, pentadbiran awam, perolehan kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, institusi perundangan dan kehakiman, sektor swasta, serta orang ramai.

"Ia menggabungkan lima strategi dan 60 sub strategi untuk dilaksanakan dalam tempoh lima tahun bermula dari 2024 sehingga 2028," katanya.

'Saya tidak mahu buat spekulasi...'

Putrajaya: Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki enggan mengulas sama ada tempoh perkhidmatannya akan disambung atau sebaliknya.

"Saya tidak mahu buat spekulasi... saya ada masa hingga 12 Mei ini.

"Itu tarikh birthday (hari lahir) saya... sesiapa nak bagi birthday gift (hadiah) boleh beri," katanya ketika ditemui pada Majlis Peluncuran Strategi Pembanteras Rasuah (NACS) 2024-2028, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Sebelum ini, tempoh perkhidmatan Azam sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM dilanjutkan selama setahun, tahun lalu yang akan tamat pada 12 Mei ini.

Azam dilantik mengetuai SPRM pada 9 Mac 2020 susulan peletakan jawatan Latheefa Koya.



HARIAN METRO

08.05.2024

(RABU)



HARIAN METRO

08.05.2024

(RABU)

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak berhasrat menahan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menjalankan siasatan.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, bagaimanapun pihaknya akan meneruskan siasatan ke atas Dr Mahathir.

SPRM tak berhasrat tahan Tun M

"Itu tiada lagi, kita tiada lagi hasrat untuk tahan beliau. Siasatan masih terus dijalankan," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan SPRM mengesahkan menjalankan siasatan berhubung isu pengisytiharan harta ter-

hadap Dr Mahathir dan dua anaknya.

Azam dilaporkan berkata, pihaknya tidak dapat memberikan maklumat lanjut berikutan kes berkenaan masih dalam siasatan.

Pada 18 Januari lalu,

SPRM meminta kedua-dua anak Dr Mahathir iaitu Mirzan dan Tan Sri Mohkzani, mengisytiharkan segala aset alih dan tidak alih yang berada dalam pegangan sama ada di dalam atau di luar negara dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis.

Pantau pengumuman peruntukan dana infrastruktur Kuala Kubu Baharu

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meneliti sama ada wujud unsur rasuah atau sebaliknya apabila Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming mengumumkan peruntukan dana infrastruktur ke Kuala Kubu Baharu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya belum membuka kertas siasatan, namun mengambil maklum perkara itu selepas dilaporkan dalam media.

"Kita akan melihat adakah isu yang dibangkitkan itu adalah isu rasuah ataupun tidak. Setakat ini, tiada kertas siasatan yang dibuka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Peluncuran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Terdahulu, badan bukan kerajaan (NGO) Tindak Malaysia mengkritik kerajaan kerana mengumumkan peruntukan dana infrastruktur ke Kuala Kubu Baharu.

Tindak Malaysia mendakwa pengumuman yang dibuat oleh Kor Ming itu luar biasa serta dianggap langkah tidak tepat kerana PRK Dun Kuala Kubu Baharu sedang berlangsung.



HARIAN METRO
08.05.2024
(RABU)

Peraturan tegas, tekad politik senjata perangi ketirisan

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengaku undang-undang yang tegas dan tekad politik yang kuat menjadi senjata utama dalam memerangi jenayah rasuah.

Perdana Menteri berkata, selain Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), agensi penguatkuasaan utama lain juga harus memainkan peranan bersama dalam agenda rasuah.

Isu rasuah tidak boleh dipandang ringan dan semua pihak termasuk masyarakat awam perlu memainkan peranan membantenas permasalahan itu.

"Bila kita luncurkan agenda ini (Strategi Pembantenasan Rasuah Nasional/NACS), ya tentu tonggakannya masih SPRM, tetapi ia juga membabitkan yang lain (seperti) Lembaga Hasil Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan agensi lain yang harus memastikan negara ini beranjak daripada ketelanjuran lalu dan lebih bertekad untuk membantenas (rasuah).

"Saya punya keyakinan kepada Azam (Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki) dan keluarga SPRM yang telah diberi amanah, kepercayaan dan dukungan ... tidak kenal darjat dan kedudukan (membantenas rasuah) supaya rakyat dapat me-



Anwar menunjukkan buku Strategi Pembantenasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 pada majlis peluncuran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam yang turut dihadiri Ahmad Zahid dan Fadillah, Mohd Zuki Ali dan Azam. (Foto BERNAMA)

sej yang jelas," katanya ketika berucap melancarkan Strategi Pembantenasan Rasuah (NACS) 2024-2028, semalam.

NACS 2024-2028 menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 menjadi komponen penting agenda reformasi Malaysia yang menggariskan strategi teras secara menyeluruh dalam usaha pencegahan rasuah di

Malaysia.

Anwar menjelaskan, ketirisan berbilion ringgit seperti yang dinyatakan SPRM mampu menyelamatkan dan membasmi kemiskinan rakyat.

"Bayangkan pembasmian kemiskinan, sekolah, nelayan, petani, pesawah mampu diselesaikan apabila negara diselamatkan dari kerosakan, tamak haloba sa-

ma ada oleh kumpulan penjawat awam dan swasta," katanya.

Anwar turut ingatkan SPRM terus berani dan tidak 'terpu-kau' ketika menjalankan siasatan terhadap golongan atasan, berpengaruh dan berdarjat.

Katanya, dalam usaha memerangi gejala rasuah, golongan berkenaan akan terus menekan agensi penguatkuasaan itu untuk

terlepas dari undang-undang.

"Saya mempunyai keyakinan kepada keluarga SPRM yang diberikan mandat (menyiasat) tidak mengenal darjat dan keturunan.

"Rakyat perlu tahu, apa sahaja sanggahan dan lontaran kepada kita, tujuannya adalah untuk menyelamatkan nasib mereka," katanya.



BERITA HARIAN

08.05.2024

(RABU)

Pelancaran Strategi Pembanterasan Rasuah 2024-2028

Negara hilang RM277 bilion dalam 5 tahun angkara rasuah

Nilai terlalu besar wajar diguna bangunkan projek untuk rakyat

Oleh Hah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Negara kehilangan RM277 bilion bagi tempoh lima tahun lalu akibat jenayah rasuah dan ketirisan.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata angka itu berdasarkan anggaran kumulatif Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh 2018 sehingga 2023.

"Angka yang terlalu besar itu sepatutnya boleh dimanfaatkan untuk membantu rakyat dalam pelbagai aspek terutama pelaksanaan projek sosial seperti baik

pulih hospital dan sekolah, malangnya nilai ini tiris akibat jenayah rasuah.

"Kalau dibahagi lima, puratanya lebih kurang RM55 bilion setahun. Kalau kita dapat selamatkan wang begini ia akan dapat membahagiakan kita semua," katanya pada Majlis Pelancaran Strategi Pembanterasan Rasuah (NACS) 2024-2028 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, semalam.

Yang turut hadir, dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Menurut Azam, jumlah berkenaan merupakan angka yang boleh diselamatkan, bukannya pendapatan negara.

Sehubungan itu, beliau berkata, bagi memastikan strategi pembanterasan rasuah benar-benar memberi impak, penggabungan NACS dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai pendekar-

tan dan metodologi bagi mengenal pasti bidang yang terdedah kepada risiko terkini rasuah dalam negara.

Antaranya, melalui dapatan penyelidikan sektor yang cenderung kepada rasuah, salah guna kuasa, ketirisan, penyelewengan dan kelemahan pentadbiran serta tatakelola yang dibentangkan dalam Persidangan Penyelidikan Governans, Integriti dan Anti-rasuah, tahun lalu.

"Selain itu, kajian penanda aras ke negara negara maju seperti United Kingdom (UK) bagi mendapatkan input strategik berhubung pembangunan dan mekanisme pelaksanaan UK Anti-Corruption Strategy 2017-2022 sebagai input pembangunan NACS turut dilaksanakan pada 16 hingga 21 Oktober 2023 yang lalu," katanya.

Azam turut berkata, input strategik seumpama ini menjadi antara rujukan penting yang membantu dalam pembangunan NACS, seiring dengan dasar kera-

jaan semasa.

"NACS menggariskan strategi penting yang tertumpu pada peningkatan Integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban merentasi pelbagai sektor di Malaysia termasuk politik, pentadbiran awam, perolehan kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, institusi perundangan dan kehakiman, sektor swasta, serta orang ramai.

"Ia menggabungkan lima strategi dan 60 substrategi untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula dari 2024 sehingga 2028," katanya.

Tak tahan bekas PM

Sementara itu ketika ditemui pemberita, Azam memberitahu siasatan SPRM terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad masih berjalan, namun bekas Perdana Menteri itu tidak akan ditahan dalam masa terdekat.

"Tidak lagi... kita tidak berhasrat untuk menahan beliau," katanya.

Sebelum ini, Azam mendedahkan Dr Mahathir antara individu berprofil tinggi yang disiasat SPRM berhubung isu pengisytiharan harta.

Berikutan itu, dua anak Dr Mahathir, Mirzan dan Tan Sri Mokhzani, juga diberi notis untuk mengisytiharkan harta dalam tempoh dinyatakan dalam notis mengikut Seksyen 36 Akta SPRM 2009.

Ditanya sama ada tempoh perkhidmatannya disambung, Azam bagaimanapun enggan mengulas.

"Saya tidak mahu buat sebarang spekulasi, saya ada masa hingga 12 Mei ini.

"Itu tarikh *birthday* (hari lahir) saya... sesiapa nak bagi *birthday gift* (hadiah) boleh beri," katanya.

Sebelum ini, tempoh perkhidmatan Azam sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM dilanjutkan setahun yang akan tamat 12 Mei ini.

Azam dilantik mengetuai SPRM pada 9 Mac 2020 susulan peletakan jawatan Latheefa Koya.



BERITA HARIAN

08.05.2024

(RABU)

Strategi Pembanterasannya Rasuah (NACS) 2024-2028

RM277b patut digunakan biayai projek infrastruktur

Nilai ketirisan luar biasa mampu tampung STR selama 28 tahun

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dana negara bernilai RM277 bilion yang hilang dalam tempoh lima tahun lalu akibat rasuah dan ketirisan sepatutnya boleh digunakan untuk menyediakan pelbagai projek infrastruktur dan bantuan rakyat, termasuk membiayai Sumbangan Tunai Rahmah (STR) selama 28 tahun.

Kerajaan memperuntukkan RM10 bilion untuk STR pada tahun ini berbanding RM8 bilion sebelum ini.

Nilai ketirisan luar biasa itu juga hampir menyamai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ba-

gi Johor dan Pulau Pinang bagi tahun 2022 seperti didedahkan dalam dokumen Strategi Pembanterasannya Rasuah (NACS) 2024-2028 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin.

KDNK Johor pada 2022 adalah RM142 bilion, manakala Pulau Pinang RM121 bilion.

Mengikut perkiraan *BH*, dengan RM277 bilion itu kerajaan juga dapat membina 3,077 sekolah menengah dengan kos purata RM90 juta setiap satu (anggaran dalam Belanjawan 2024), dan membiayai pembinaan 692 hospital dilengkapi 304 katil, lapan bilik bedah, 16 bilik bersalin serta 65 bilik konsultasi rawatan pesakit luar dengan kos purata RM400 setiap satu (berdasarkan anggaran kos pembinaan Hospital Sultanah Aminah 2 di Johor).

Selain itu, wang berkenaan juga boleh digunakan untuk membiayai pembinaan 61 jambatan menyamai Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang menghubungkan Pulau Pinang

dan Seberang Perai sepanjang 24 kilometer (km) atau lima projek kereta api berkelajuan tinggi menghubungkan Jakarta-Bandung sejauh 142 km yang bernilai bernilai RM34.9 bilion.

Malah, sebanyak lima Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang sepanjang 665 km yang setiap satu menelan kos RM50.27 bilion juga dapat dibina.

Rasuah beri kesan negatif

Dokumen NACS 2024-2028 juga menegaskan, kesan rasuah pada skala makroekonomi Malaysia adalah sangat besar dengan rasuah dalam politik serta tatakelola bukan hanya membantutkan pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup, malah melebarkan lagi jurang pendapatan, kekayaan dan mobiliti sosial.

"Kesannya dialami seluruh masyarakat. Misalnya, peningkatan kos sara hidup, kuasa beli yang mengecil, kuasa yang tidak selimbang, jurang gaji, pertumbuhan yang terbantut, bertam-

bah kegiatan jenayah serta menyebabkan kehilangan nyawa.

"Menangani rasuah sangat penting bagi menjaga kemakmuran negara dan membina masyarakat yang adil dan saksama," menurut dokumen itu lagi.

Menurut NACS, bukti kesan buruk rasuah kepada kesejahteraan negara sangat ketara kerana pada 2017, Transparency International Malaysia (TI-M) mendedahkan Malaysia kerugian hampir RM46.9 bilion akibat rasuah.

Laporan Global Financial Integrity (GFI) menunjukkan aliran wang haram terkait dengan perdagangan menyebabkan kerugian hampir RM1 trilion (AS\$279 bilion) di antara 2009 dan 2018, sebahagian besar dikaitkan dengan amalan rasuah.

"Kerugian itu bersamaan keseluruhan saiz ekonomi Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Kuala Lumpur, iaitu RM971 bilion pada 2022," menurut laporan itu.

Menurut dokumen itu, sejak 2016, Malaysia konsisten berada

Negara hilang RM277b akibat rasuah, ketirisan

Keratan akhbar *BH*, semalam.



BERITA HARIAN
09.05.2024
(KHAMIS)

Pelbagai strategi disyor banteras kegiatan rasuah

Kuala Lumpur: Strategi Pembanteraan Rasuah (NACS) 2024-2028 dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin, mengesyorkan beberapa strategi dalam usaha membanteraan rasuah di Malaysia.

Ia antara lain berkaitan prosedur pelantikan dan pemecatan ketua pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), memperkenalkan Akta Perolehan Kerajaan, selain mempertingkatkan prosedur saringan pengambilan penjawat awam dan semakan semula Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

NACS turut menggariskan li-

ma strategi baharu berteraskan Pendidikan, Kebertanggungjawaban Awam, Suara Rakyat, Penguatkuasaan dan Insentif, selain 54 substrategi yang dicadag dilaksanakan dalam tempoh lima tahun ini, membabitkan tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang.

Strategi kedua, Kebertanggungjawaban Awam mengandungi substrategi terbanyak dengan 19 inisiatif, diterajui agensi utama kerajaan seperti SPRM, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Selain itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Parlimen Malaysia.

Ia mengesyorkan MOF disokong AGC memperkenalkan Akta Perolehan Kerajaan, manakala BHEUU disokong Parlimen Ma-

laysia untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen.

SPRM menerajui substrategi bagi meneliti syarat dalam pelantikan dan pemecatan ketua pesuruhjayanya, manakala inisiatif bagi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM pula akan disokong oleh BHEUU dan AGC.

Malah, SPRM juga dipertanggungjawabkan menjalankan kajian kebolehlaksanaan pengubalan Rang Undang-Undang (RUU) (GSCO) Tatakelola, CGSO pula akan menjalankan inisiatif bagi meningkatkan sistem saringan dalam pengambilan penjawat awam.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pula diberi tanggungjawab untuk menyemak peruntukan berkaitan penggunaan jentera kerajaan dalam kempen bagi calon dan parti politik pada pilihan raya untuk dimasukkan dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].

NACS turut fokus kepada strategi Pendidikan yang bermula awal peringkat sekolah. Ia akan membabitkan 13 substrategi melalui dua tempoh pelaksanaan, iaitu jangka pendek dan jangka sederhana.

Strategi jangka pendek membabitkan pengukuhan kegiatan kokurikulum di sekolah dengan

pembabitkan individu dan entiti swasta serta memasukkan minggu tema mengenai etika, nilai murni dan antirasuah dalam kalendar akademik di sekolah.

Selain itu, memperkenalkan pelaksanaan modul atau kursus integriti dan antirasuah kepada pelatih di institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Tingkat kesedaran, etika

Bagi jangka sederhana, mempertingkatkan etika, nilai murni dan antirasuah di prasekolah dengan bantuan institusi latihan perguruan serta menyemak dan menambah baik elemen etika, nilai murni dan antirasuah dalam buku teks sekolah rendah dan menengah serta kaji selidik keberkesanan inisiatif integriti dan pendidikan antirasuah di sekolah.

Pelaksanaan Strategi Pendidikan membabitkan agensi penyokong paling banyak dalam NACS, iaitu Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Kementerian Pertahanan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Bu-

daya, Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perlindungan dan Komoditi, Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Bagi strategi Suara Rakyat, antara inisiatif adalah kaji selidik nasional mengenai bidang yang terdedah terhadap rasuah serta penilaian tahunan di peringkat nasional untuk mengenal pasti tahap rasuah dalam kalangan rakyat Malaysia.

Dalam strategi Penguatkuasaan, NACS akan meminda Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan memperkenalkan RUU pembiayaan politik, menyemak Bahagian III (Amalan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), selain memperkenalkan Ombudsman Malaysia dan perundangan kawal selia pintu masuk bagi menjamin keselamatan sempadan negara.

Bagi strategi Insentif pula disyor substrategi rebat cukai untuk individu dan syarikat yang mengambil bahagian dan menyumbang dalam program pencegahan rasuah, semakan elan saksi dalam kes perbicaraan rasuah, tawaran insentif kepada pemberi maklumat serta pengurangan cukai untuk galak penyertaan entiti yang menganjur-



NACS 2024-2028 menyarankan SPRM menerajui substrategi bagi meneliti syarat dalam pelantikan dan pemecatan ketua pesuruhjayanya.



BERITA HARIAN
09.05.2024
(KHAMIS)

RASUAH TIDAK PERIKSA TRAK BARANG BASAH 2 penjawat awam direman 6 hari

Labuan: Dua penjawat awam sebuah agensi penguatkuasaan direman empat hari bagi membantu siasatan berkaitan meminta dan menerima rasuah berjumlah antara RM4,800 dan RM15,000.

Kedua-dua lelaki berusia 39 dan 44 tahun itu ditahan selepas diperca-

yai menerima rasuah supaya tidak memeriksa trak membawa muatan barang basah.

Mereka ditahan pada jam 6.30 petang kelmarin selepas diambil keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Labuan.

Berdasarkan siasatan awal, perbuatan berkenaan disyaki dilakukan antara 2021 dan 2022.

Majistret Kasyfurrhman Abang Ahmad membenarkan perintah reman terhadap suspek hingga 12 Mei ini selepas menerima permohonan daripada pihak SPRM.



HARIAN METRO
09.05.2024
(KHAMIS)

Pengarah, pemilik firma guaman disyaki menipu ditahan SPRM

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah syarikat dan seorang pemilik firma guaman yang disyaki mengemukakan butiran palsu berkaitan pelaburan mata wang asing berjumlah kira-kira RM38 juta.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki berusia lingkungan 50-an itu dipercayai mengemukakan pelan pelaburan, skim perlindungan insurans dan laporan mingguan yang

mengandungi butiran palsu pada 2020.

Kedua-dua suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM dan Pejabat SPRM Seberang Prai, Pulau Pinang pada kira-kira 5 petang Selasa lalu.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO

10.05.2024

(JUMAAT)

Polis minta lesen, suspek hulur RM70

Batu Pahat: Polis menahan seorang lelaki warga asing kerana cuba merasuah polis dengan wang tunai RM70 agar tidak dikenakan tindakan berikutan menunggang motosikal tanpa lesen.

Suspek berusia 41 tahun bertindak sedemikian ketika ditahan di Jalan Pantai, di sini, pada jam 12 tengah hari kelmarin.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat Asisten Komisioner Ismail Dollah berkata, ketika menjalankan rondaan cegah jenayah, anggotanya terserempak dengan suspek dalam keadaan yang mencurigakan.

Beliau berkata, polis ke-

mudian memperkenalkan diri dan meminta suspek menunjukkan lesen memandu.

"Namun suspek tiba-tiba mengeluarkan wang RM70 agar dia tidak dikenakan tindakan saman," katanya dalam kenyataan, semalam.

Suspek diserahkan kepada Pegawai Penyiasat SPRM Ismail

Menurutnya, suspek kemudian ditahan atas kesalahan menawarkan rasuah kepada penjawat awam yang menjalankan tugas.

"Suspek yang bekerja di sebuah kedai runcit diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut," katanya.



HARIAN METRO
10.05.2024
(JUMAAT)



HARIAN METRO
10.05.2024
(JUMAAT)

Ipoh: Seorang peguam direman empat hari bagi membantu siasatan kes sogokan berjumlah RM1.6 juta daripada seorang usahawan.

Perintah reman dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Ipoh, Noor Azreen Liana Mohd Darus di lokap mahkamah, Wisma Wan Mohamed di sini, semalam selepas mendapat permohonan yang dibuat

Terima sogokan RM1.6 juta: Peguam direman empat hari

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lelaki berusia 30-an itu direman sehingga Ahad ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, media melaporkan SPRM Perak me-

nahan seorang peguam yang dipercayai menerima sogokan berjumlah RM1.6 juta daripada seorang usahawan di sebuah restoran di Jalan Kuala Kangsar, kelmarin.

Difahamkan, wang sogokan itu sebagai dorongan

membantu menutup kes jenayah penipuan pelaburan usahawan terbabit. Peguam itu ditahan selepas menerima wang tunai RM100,000 serta dua keping cek bernilai RM 1.5 juta daripada usahawan berkenaan.

Dibayar RM1,500 sebulan bocor maklumat operasi

KUALA LUMPUR - Lima anggota penguatkuasa sebuah agensi kerajaan ditahan kerana meminta suapan RM29,000 untuk bocor maklumat operasi pihak berkuasa.

Menurut sumber, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perlis menahan kesemua suspek yang merupakan anggota penguat kuasa kerana disyaki meminta dan menerima rasuah.

Sumber berkata, mereka yang terlibat meminta dan menerima sebanyak RM29,000 daripada sebuah syarikat perikanan sebagai dorongan untuk membocorkan maklumat berkaitan operasi penguatkuasaan.

Sumber memberitahu, kesemua suspek lelaki berusia lingkungan 30-an hingga 50-an.

"Dipercayai mereka telah ditahan antara jam 12 tengah hari hingga 2.45 petang pada Khamis di pejabat SPRM Perlis ketika diminta hadir memberi keterangan," katanya pada Jumaat.

Katanya, kesemua suspek telah ditahan kerana dipercayai menerima wang rasuah berjumlah RM500 hingga RM1,500 secara bulanan melalui pindahan akaun orang tengah.

Tambahnya, siasatan awal mendapati kelima-lima suspek disyaki terlibat dengan perbuatan itu antara tahun 2022 dan 2023.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani mengesahkan tangkapan tersebut dan menyatakan kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
11.05.2024
(SABTU)

Jenayah wang haram, pembiayaan keganasan

AML, SPRM hadapi pelbagai kekangan laksana siasatan

Isu teknikal, akaun keldai, kepincangan integriti pegawai bank antara cabaran dihadapi

Oleh Bah Hafiz Aziz
bahnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Siasatan aktiviti jenayah wang haram dan pembiayaan keganasan di negara ini berdepan pelbagai halangan, termasuk isu teknikal yang merumitkan, kewujudan banyak keldai akaun serta kepincangan integriti pegawai dalam institusi kewangan.

Antara isu teknikal dihadapi Bahagian Pencegahan Penggunaan Wang Haram (AML) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sewaktu menjalankan siasatan ialah pembekalan dokumen melebihi tempoh penyediaan dan pemindahan Transaksi Yang Mencurigakan (STR) yang diberikan institusi kewangan atau institusi pelapor.

Mendebatkan perkara itu, Pengarah Bahagian Pencegahan Wang Haram dan Pencegahan Rasuah SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zamri Abidin, mengakui disebabkan pemilihan wajar terhadap pelanggan/customer due diligence (CDD) yang kurang ketat mengakibatkan kewujudan banyak akaun keldai dan pinjaman kepada pelanggan tidak layak, sekali gus ia dikesan memunculkan lagi aktiviti jenayah itu di negara ini.

“Ia antara cabaran utama yang dihadapi sewaktu siasatan dijalankan dengan sebahagian in-

Eksklusif

terkait dengan negara sehingga menyebabkan kegiatan jenayah wang haram dan pembiayaan keganasan semakin terdedah dan berleluasa di negara ini.

Kesalahan itu adalah berkaitan kemampuan institusi kewangan menjalankan CDD dan seringnya sekatan (sanctions screening) pada saat penerimaan pelanggan. Kedua-dua langkah ini, kata BNM harus dilakukan institusi pelapor supaya penilaian risiko berkaitan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT) tidak berlaku atau mungkin ditimbulkan oleh pelanggan kepada perniagaan atau organisasi.

Mohamad Zamri membentangkan isu pembekalan dokumen yang melebihi tempoh penyediaan atau retention period atau tidak menjadi halangan kepada siasatan yang lebih berkesan.

“Isu berhubung pemindahan STR juga kritikal dalam siasatan jenayah kewangan. Institusi pelapor seperti pegawai, pengurus wang, akauntan, ejen hartanah dan usahawan syarikat serta institusi seperti termaktub dalam Jadual Pertama Akta Pencegahan Penggunaan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2009 (AMLA/PPUAA), perlu memfalkan STR mengikut kehendak obligasi yang diperintahkan dalam akta itu.

“Rasional kepada keperluan memenuhi obligasi ini adalah kerana profesion ini merupakan barisan hadapan yang mampu untuk membuat pengesanan awal terhadap sebarang aktiviti yang mencurigakan dan menjadi penyemai maklumat yang berkesan kepada agensi pengastuasaan,” katanya.

Dalam laporan muka depan *BH* terdahulu, Bank Negara Malaysia (BNM) mengesan sekurang-kurangnya dua masalah utama yang sering ditimbulkan in-

terkait dengan negara sehingga menyebabkan kegiatan jenayah wang haram dan pembiayaan keganasan semakin terdedah dan berleluasa di negara ini.

Kesalahan itu adalah berkaitan kemampuan institusi kewangan menjalankan CDD dan seringnya sekatan (sanctions screening) pada saat penerimaan pelanggan.

Kedua-dua langkah ini, kata BNM harus dilakukan institusi pelapor supaya penilaian risiko berkaitan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT) tidak berlaku atau mungkin ditimbulkan oleh pelanggan kepada perniagaan atau organisasi.

Mohamad Zamri turut mengesahkan kegagalan institusi kewangan dalam melaksanakan CDD terhadap identiti pelanggan yang membuat permohonan pembukaan akaun membuka barisak ruang kepada jenayah itu.

Beliau berkata, isu integriti sebilangan pegawai daripada institusi kewangan itu sendiri yang membawa kepada kewujudan akaun keldai yang berleluasa.

“Dapatan siasatan Ops SAMBA oleh Bahagian AML, baru-baru ini mengesan peragawati keldai akaun yang melibatkan kecurian, membiak kepada pegawai daripada agensi pengastuasaan yang dibayar.”

“Ia ini juga tidak terhad kepada isu akaun keldai sahaja tetapi turut dikaitkan dengan kewujudan pinjaman kewangan kepada individu dan syarikat yang tidak berleluasa.”

“Sebagai balasan terhadap kewujudan pinjaman ini, pegawai ini akan menyertai komisyen yang dibayar melalui pihak ketiga yang menguruskan pinjaman berkenaan.”

“Tindakan ini secara langsung membawa kepada kerugian terhadap institusi kewangan apabila bayaran bulat pinjaman gagal dibayarkan oleh individu yang tidak berleluasa,” katanya.

Sehubungan itu, Mohamad Zamri menekankan kerjasama oleh Bahagian Pencegahan Rasuah dan Bahagian Pencegahan Penggunaan Wang Haram dan Pencegahan Rasuah SPRM serta agensi pengastuasaan untuk mendapatkan maklumat ketika menjalankan siasatan.

“Institusi pelaporan ini juga bukan hanya bertumpu kepada institusi kewangan, tetapi turut melibatkan institusi lain seperti dalam Jadual Pertama AML/PPUAA,” katanya.



Isu integriti sebilangan pegawai dari institusi kewangan itu sendiri yang membawa kepada kewujudan akaun keldai yang berleluasa

Mohamad Zamri Zamri Abidin, Pengarah Bahagian Pencegahan Wang Haram dan Pencegahan Rasuah SPRM



BERITA HARIAN

13.05.2024

(ISNIN)

Kerajaan Perlis, SPRM jalin kerjasama wujudkan Unit Integriti

KANGAR - Kerajaan Perlis akan menjalin kerjasama bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam mewujudkan Unit Integriti di pejabat menteri besar.

Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, SPRM Perlis menyatakan komitmen untuk memberikan kerjasama baik dalam merealisasikan hasrat itu selain memastikan pengurusan kerajaan negeri dapat diurus tadbir dengan lebih baik.

Menurutnya, diharap kerjasama itu dapat membimbing pengurusan negeri daripada terjebak dalam aktiviti salah guna kuasa mahupun rasuah.

"Saya bersyukur SPRM Perlis menerima baik cadangan saya untuk mewujudkan Unit Integriti dalam Pejabat Menteri Besar Perlis. Moga ALLAH SWT pandu kami semua," katanya dalam kenyataan di laman Facebook miliknya pada Isnin.

Mohd Shukri memaklumkan perkara itu selepas menerima kunjungan hormat SPRM Perlis yang diketuai Pengarahnya, Mohd Nor Adha Ab Ghani.



Mohd Nor Adha menandatangani buku pelawat sambil disaksikan oleh Mohd Shukri di pejabat Menteri Besar Perlis.

"Pelbagai perkara yang kami bincangkan terutamanya yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran kerajaan," jelas beliau.

Menurutnya, antara topik yang menjadi perbincangan termasuk kaedah pencegahan salah laku yang terbaik dalam melibatkan pengurusan kerja.

Pada 2 Mei lalu, Mohd Shukri memaklumkan hasrat kerajaan negeri mempertimbangkan untuk mewujudkan Unit Integriti di pejabat Menteri Besar bagi me-

astikan urus tadbir negeri cepak dan bersih.

Menurutnya, ia susulan perkembangan dalam pentadbiran kerajaan negeri itu yang dikaitkan dengan salah guna kuasa dan rasuah.

"Insya-ALLAH, kita melihat kelemahan yang ada, kita perbaiki sebaiknya, jika tiada halangan kita akan wujudkan Unit Integriti dalam pejabat Menteri Besar dengan meletakkan Pegawai SPRM," katanya.



SINAR HARIAN
15.05.2024
(RABU)

Sarjan, koperal direman kes rasuah

MELAKA - Dua anggota polis berpangkat sarjan dan koperal direman selama tujuh hari bermula Selasa bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima suapan berjumlah RM2,500 daripada seorang kontraktor.

Perintah reman terhadap suspek berusia 58 dan 37 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Mazana Sinin bagi membolehkan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, anggota polis terbabit ditahan SPRM Melaka pada Isnin.

Sumber SPRM memaklumkan, kedua-dua lelaki itu di-

tahan pada kira-kira jam 11.30 malam di Jasin.

Difahamkan, anggota polis itu menerima suapan daripada seorang kontraktor sebagai dorongan supaya tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas dua pekerjanya yang tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan ke atas dua suspek itu dan jika sabit kesalahan mereka boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun.



Dua anggota polis direman selama tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung kes menerima suapan RM2,500.



SINAR HARIAN
15.05.2024
(RABU)

Melaka: Bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ledang, Tangkak, Johor didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, semalam, atas dua tuduhan membuat tuntutan palsu dan meminta serta menerima suapan berjumlah keseluruhan RM64,550 berkaitan projek tanaman lengkuas.

Tertuduh, Mohd Zairey Yahya, 42, dari Seremban, Negeri Sembilan bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan terhadap kedua-dua pertuduhan dalam prosiding didengar Hakim Elezabet Paya Wan.

Bekas Pengurus Besar PPK Ledang dituduh buat tuntutan palsu, rasuah

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh sebagai ejen Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Johor didakwa menggunakan suatu sijil perakuan kesempurnaan projek berkaitan kerja-kerja Pembekalan Dan Menghantar Alatan Serta Input Pertanian Projek Lengkuas No. Rujukan: 2j-003312 bertarikh 20 Januari 2021.

Sijil perakuan itu mengandungi pernyataan

palsu iaitu mengenai pembekalan bagi anak benih lengkuas sebanyak sembilan tan metrik bernilai RM44,550 dikemukakan kepada Unit Kewangan LPP Johor antara Januari dan Mac 2020 bagi tujuan tuntutan, walhal kerja-kerja sebenarnya tidak dilaksanakan.

Dia dituduh mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Akta 694) dan bo-

leh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta sama, sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan didenda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa meminta dan menerima wang tunai RM20,000 daripada seorang kontraktor pembersihan sebagai balasan memperakukan kesempurnaan projek kerja-kerja

pembersihan, penyediaan tapak serta infra ladang bagi projek tanaman lengkuas.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di parkir kereta Medan Selera Pekan Selangor, Jasin pada 5 Mac 2021, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga dua tahun atau didenda atau denda kedua-duanya berpandukan Seksyen 165 Kanun Keseksaan.

Timbalan Pendakwa Ra-

ya Mohammad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan RM30,000 bagi kedua-dua pertuduhan, namun peguam, Datuk Hanif Hassan merayu jumlah itu dikurangkan atas alasan tertuduh penjawat awam dan bakal penjamin iaitu isterinya juga penjawat awam.

Selepas meneliti hujah kedua-dua pihak, mahkamah menetapkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin selain pasport tertuduh diserahkan ke mahkamah, jika ada, dan melaporkan diri di pejabat SPRM Seremban sebulan sekali sehingga kes selesai.



HARIAN METRO

15.05.2024

(RABU)

Pegawai JKDM kena 43 tuduhan rasuah

Seremban: Pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dituntut di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas 43 pertuduhan menerima rasuah RM69,350 sebagai balasan tidak memeriksa lori milik sebuah syarikat di pintu keluar Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tertuduh, Mohammad Zyed Ibrahim, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan selepas dibacakan di hadapan Hakim Meor Su-

laiman Ahmad Tarmizi. Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai seorang Penguasa Kastam Gred WK41 yang bertugas di JKDM KLIA, secara rasuah memperoleh untuk dirinya satu suapan iaitu wang berjumlah keseluruhan RM69,350 daripada pemilik sebuah syarikat melalui pemindahan dalam talian ke akaun bank tertuduh.

Ia sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipal tertuduh tidak memeriksa

lori-lori milik sebuah syarikat yang membawa keluar barang dari Kargo KLIA.

Perbuatan itu dilakukan daripada 16 September 2017 hingga 6 Januari 2022 di sebuah cawangan bank dekat Jalan Besar. Nilai.

Dengan itu, tertuduh telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23 hendaklah apabila orang berkenaan disabitkan, boleh dipenjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun.

Boleh juga didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi perkara kesalahan itu, jika suapan itu boleh dinilai atau bersifat kewangan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.



ZYED dituntut di Mahkamah Sesyen atas 43 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM69,350.



HARIAN METRO
16.05.2024
(KHAMIS)

GUNA PENYATA WANG PALSU

Bekas pengerusi syarikat nafi bersubahat

Kuala Lumpur: Bekas pengerusi syarikat pengeluaran getah, GIIB Holdings Berhad, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan bersubahat dengan mengarahkan setiausaha syarikatnya untuk menggunakan penyata kewangan palsu. Mei tahun lalu.

Tai Boon Wee, 64, didakwa secara tidak jujur mengarahkan Mak Chooi Peng, 54, menggunakan dokumen palsu iaitu *Interim Financial Statement for the Period Ended 31st March 2023 (3rd Quarter)* bagi syarikat GIIB Holdings Berhad sebagai tulin yang mana kesalahan tersebut telah dilakukan hasil persubahatannya.

Kesalahan itu didakwa dilakukan pada 29 Mei tahun lalu di Pejabat Bursa Malaysia Berhad, Exchange Square, Bukit Kewangan, di sini, mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Anis Najwa Nazari menawarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebulan sekali dan passport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.



TAI

"Tai sepatutnya dituduh lebih awal akan tetapi beliau sering berada di luar negara dan sukar bagi pihak pendakwaan untuk mengetahui keberadaannya. Oleh yang demikian, kami merasakan beliau adalah seorang yang berisiko untuk melarikan diri. Mohon syarat tambahan berkenaan passport dibenarkan," katanya.

“**Tai dituduh lebih awal tapi sering berada di luar negara**”
Anis Najwa

Peguam Wan Shahrizal Wan Ladin yang mewakili tertuduh memohon jumlah ikat jamin yang lebih rendah atas alasan anak guamnya telah memberikan kerjasama yang baik kepada pihak SPRM sepanjang siasatan dijalankan selain pendapatan dan saham syarikatnya dalam pasaran turut terjejas teruk sepanjang dua tahun beliau disiasat," katanya.

Hakim Azura Alwi membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin serta passport diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai selain menetapkan 5 Julai untuk sebutan semula kes.



HARIAN METRO

16.05.2024 (KHAMIS)

Kertas siasatan dijangka siap minggu depan

SPRM nafi lima
ADUN Perlis
akan ditahan
bantu siasatan

Oleh Suraya Ali
dan Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kertas siasatan berhubung dakwaan salah guna kuasa dan penyelewengan membabitkan anak Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli dan beberapa individu lain, dijangka siap minggu depan.

Memaklumkan perkembangan itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Azmi Kamaruzaman, berkata pihaknya sedang melengkapkan siasatan yang hasilnya dijangka selewat-lewatnya Rabu depan.

"SPRM sedang lengkapkan siasatan, saya harap akan ada keputusan minggu depan, mungkin selewat-lewatnya Rabu depan," katanya.

Azmi, seperti dilaporkan *Sinar Harian* semalam, turut menafi-

Anak MB
Perlis antara
enam kena
reman SPRM



Keratan akhbar
BH 25 April lalu.

kan lima Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perlis akan ditahan SPRM bagi membantu siasatan kes terbabit.

Beliau juga menafikan dakwaan sekumpulan pegawainya dari Putrajaya berada di Perlis sejak beberapa hari lalu, kononnya selepas mendapat maklumat baharu berhubung kes berkenaan.

Pada 24 April lalu, media melaporkan anak Menteri Besar Perlis antara enam individu ditahan reman bagi membantu siasatan SPRM berkait dakwaan pemalsuan dokumen tuntutan palsu berjumlah RM600,000.

Tuntutan palsu

Tuntutan palsu itu antaranya didakwa membabitkan projek pembangunan prasarana seperti membaik pulih, menyelenggara, perbekalan dan perkhidmatan di seluruh Perlis sejak 2022.

Dua hari kemudian, anak Men-

SPRM sedang
lengkapkan siasatan,
saya harap akan ada
keputusan minggu
depan, mungkin
selewat-lewatnya
Rabu depan

Azmi
Kamaruzaman,
Pengarah Kanan
Bahagian Operasi
Khas SPRM



teri Besar Perlis bersama empat individu lain dilepaskan dengan jaminan SPRM dan pada 30 April, Mohd Shukri pula hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya.

Di **Kangar**, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dalam jawapan ringkas menerusi aplikasi WhatsApp memberitahu *BH*, dakwaan kononnya SPRM akan menahan lima ADUN Perlis adalah tidak benar.

"Khabar angin," jawabnya ringkas.



BERITA HARIAN
16.05.2024
(KHAMIS)

Pegawai kastam hadapi 43 dakwaan terima rasuah 'lepas' lori di KLIA

Seremban: Pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dituduh di Mahkamah Sesyen semalam atas 43 pertuduhan menerima rasuah RM69,350 sebagai balasan tidak memeriksa lori sebuah syarikat di pintu keluar Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tertuduh, Mohammad Zyed Ibrahim, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan selepas dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai seorang penguasa kastam Gred WK41 yang bertugas di JKDM KLIA, telah secara rasuah memperoleh untuk dirinya satu suapan iaitu wang berjumlah keseluruhan RM69,350 daripada pemilik sebuah syarikat melalui pemindahan dalam talian ke akaun bank tertuduh.

Ia sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung hal ehwal prinsipal tertuduh tidak memeriksa lori milik sebuah syarikat yang membawa keluar barang dari kargo KLIA.

Perbuatan itu dilakukan dari 16 September 2017 hingga 6 Januari 2022 di sebuah cawangan

bank dekat Jalan Besar, Nilai.

Dengan itu tertuduh telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 20, 21, 22 dan 23 hendaklah apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun.

Boleh juga didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi perkara kesalahan itu, jika suapan itu boleh dinilai atau bersifat kewangan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Jejas imej kastam

Pasukan pendakwaan yang dibarisi Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muhammad Asraf Mohamed Tahir, Nurul Atiqah Mohamad Alias dan Mohd Afif Ali membantah sebarang jaminan diberikan kepada tertuduh.

"Jelas tindakan tertuduh menerima suapan suatu pengkhianatan kepada masyarakat dan imej negatif kepada kastam.



Mohammad Zyed dibawa ke di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam. (Foto Azrul Edham/BH)

"Kesalahan rasuah juga merupakan kesalahan serius selain tertuduh juga mempunyai risiko untuk melarikan diri," katanya.

Ini kerana katanya, tertuduh tidak pernah menghubungi atau menyerah diri kepada SPRM walaupun iklan pencariannya telah dibuat di media tempatan, malah mengambil masa selama 65 hari untuk mengesan tertuduh sebelum ditahan di Bintulu, Sarawak, pada 7 Mei lalu.

Peguam tertuduh, Muhamad Aizat Fakri merayu supaya anak guamnya diberikan jumlah jami-

nan yang berpatutan atas alasan dia adalah bapa tunggal kepada seorang anak berusia lima tahun.

Katanya, tertuduh sanggup dikenakan syarat tambahan dan memohon dikenakan jaminan sebanyak RM10,000.

Mahkamah kemudiannya memutuskan untuk tidak memberikan sebarang jaminan kerana mengambil kira risiko tertuduh melarikan diri berdasarkan rekod perjalanan siasatan.

Sebutan semula kes pada 14 Jun depan.



BERITA HARIAN

16.05.2024

(KHAMIS)

Dua pegawai badan berkanun disyaki seleweng RM1.2b ditahan

Suspek salah guna kuasa babit dana pinjaman daripada kerajaan

Oleh Mohd Ishtandar Ibrahim dan Hidayati Dayu Razali
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai kanan badan berkanun kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan dana kerajaan mencecah RM1.2 bilion.

Difahamkan, dana yang diseleweng itu membolehkan peruntukan pinjaman daripada Kementerian Kewangan bagi projek pembangunan.

Menurut sumber, kedua-dua suspek berusia 50-an itu yang ditahan kelmarin disyaki menyalahgunakan dana peruntukan pinjaman daripada kerajaan dengan memindahkan sebahagian pinjaman wang yang diterima daripada Kementerian Kewangan.

Katanya, wang terbabit dipercayai dipindahkan kepada syarikat kontraktor dan perunding yang tidak berkaitan dalam kos pembangunan seperti dinyatakan dalam permohonan pinjaman kerajaan itu.

"Penyelewengan peruntukan ini amat serius memandangkan ia membolehkan dana daripada kerajaan Malaysia," katanya.

Kedua-dua suspek direman empat hari sehingga Sabtu ini menerusi perintah dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin.

Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek tetapi enggan mengulas lanjut.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk perintah reman, semalam. (Foto ihsan SPRM)

Kos bina telaga jejari

Sementara itu, di **Kota Bharu**, SPRM menahan empat individu, termasuk dua bekas pegawai kanan syarikat air di Kelantan bagi membantu siasatan berkaitan pembinaan telaga jejari yang tidak berfungsi untuk membekalkan air kepada penduduk.

Menurut sumber, keempat-empat lelaki berusia antara 40 hingga 60-an itu ditahan berasingan di sini, antara jam 7 hingga 10 pagi semalam.

Katanya, dua lagi yang ditahan adalah pemilik syarikat yang diberi tanggungjawab sebagai perunding bagi menyiapkan pembinaan telaga jejari itu.

"Telaga jejari ini sepatutnya berfungsi untuk membekalkan air yang mencukupi kepada penduduk, namun siasatan awal mendapati ia tidak menghasilkan kuantiti air secara optimum," katanya, semalam.

Menurut sumber, SPRM menyiasat amalan rasuah dan penyelewengan dalam pelaksanaan projek pembinaan telaga jejari itu berikutan rungutan daripada penduduk.

Katanya, SPRM turut menyita beberapa barang suspek seperti dokumen dan telefon bimbit.

"Semua suspek dibawa ke Pejabat SPRM Kelantan bagi dirakamkan keterangan," katanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Katanya, semua mereka akan dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Bharu, hari ini bagi proses permohonan reman untuk siasatan lanjut.



BERITA HARIAN
16.05.2024
(KHAMIS)



Dua pegawai kanan badan berkanun yang ditahan SPRM kerana disyaki menyalah guna kuasa dan menyeleweng dana peruntukan pinjaman.

Dua pegawai kanan badan berkanun direman disyaki seleweng dana RM1.2 bilion

PUTRAJAYA - Dua pegawai kanan badan berkanun ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki salah guna kuasa dan menyeleweng dana peruntukan pinjaman daripada Kementerian Kewangan bagi projek pembangunan bernilai RM1.2 bilion.

Kedua-dua suspek yang

berusia 50 tahun itu dipercayai menyalahgunakan dana berkenaan dengan memindahkan sebahagian pinjaman wang kepada syarikat kontraktor dan perunding yang tidak berkaitan dalam kos pembangunan seperti mana dinyatakan dalam permohonan.

Suspek direman empat hari bermula Rabu (15 Mei) selepas Majistret Irza Zulaikha

Rohanuddin membenarkan permohonan reman yang dikemukakan SPRM.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman terhadap dua suspek dan berkata, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
16.05.2024
(KHAMIS)

Tiga anggota penguat kuasa direman disyaki lindungi rumah urut

SUNGAI PETANI - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah menahan reman tiga anggota penguat kuasa daripada dua agensi kerajaan yang berbeza selepas disyaki meminta dan menerima rasuah kira-kira RM36,000 bagi melindungi kegiatan rumah urut di negeri ini.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Khairatul Animah Jelani kepada semua suspek lelaki berusia sekitar 30-an hingga 40-an itu selama tiga hari bermula Rabu sehingga 18 Mei ini di Mahkamah Majistret Sungai Petani, di sini.

Menurut sumber SPRM, semua suspek telah ditahan pada Selasa antara jam 8 hingga 12 tengah malam ke-

tika hadir bagi memberi keterangan di Pejabat SPRM cawangan Sungai Petani.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut pada Januari tahun lalu dan menerima bayaran secara bulanan yang mencecah sehingga kira-kira RM6,000 bagi melindungi pekerja rumah urut yang tidak mempunyai permit kerja yang sah.

"Siasatan dipergiatkan dan tidak menolak kemungkinan terdapat dalang lain yang terlibat," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah SPRM Kedah, Ahmad Nizam Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
16.05.2024
(KHAMIS)

Pegawai kastam hadapi 43 pertuduhan rasuah

Jurubahasa mahkamah ambil masa hampir sejam baca tuduhan

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
SEREMBAN

Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu mengambil masa hampir sejam untuk membacakan 43 pertuduhan terhadap seorang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang didakwa menerima rasuah bernilai hampir RM70,000 antara tahun 2017 hingga 2022.

Tertuduh, Mohammad Zyed Ibrahim, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi kesemua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sebagai Penguasa Kastam Gred WK41 yang bertugas di Kastam KLIA, secara rasuah memperoleh suapan untuk dirinya wang keseluruhan bernilai RM69,350.

Wang tersebut diperoleh daripada pemilik sebuah syarikat melalui cara pemindahan dalam talian sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya iaitu tidak memeriksa lori-lori milik syarikat terbabit yang membawa keluar barang dari kargo KLIA.

Berikutan itu, tertuduh telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen



Mohammad Zyed (tengah) diiring pegawai SPRM ketika hadir di Mahkamah Sesyen Seremban pada Rabu.

17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama. Kesalahan itu dilakukan antara 16 September 2017 hingga 16 Januari 2022 di sebuah bank di Nilai.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Muhammad Asraf Mohamed Tahir berkata, pihak pendakwaan membantah jaminan diberikan terhadap tertuduh kerana tindakannya menerima suapan suatu pengkhianatan kepada masyarakat dan memberi imej negatif kepada kastam.

"Kesalahan rasuah juga merupakan kesalahan serius selain tertuduh juga mempunyai risiko untuk melarikan diri.

"Ini kerana tertuduh tidak pernah menghubungi atau menyerah diri kepada SPRM walaupun iklan pencariannya te-

lah dibuat di media tempatan," katanya.

Tambahnya, tertuduh hanya dapat ditahan selepas proses pencarian dilakukan selama 65 hari yang jelas menunjukkan tertuduh tidak memberi kerjasama kepada SPRM dan tertuduh ditahan di Bintulu, Sarawak pada 7 Mei lalu di rumah ibunya.

Peguam tertuduh, Muhamad Aizat Fakri merayu supaya anak guamnya diberikan jumlah jaminan yang berpatutan atas alasan dia merupakan bapa tunggal kepada seorang anak berusia lima tahun.

Katanya, sebelum ditahan tertuduh bekerja sebagai pemandu grab dengan pendapatan antara RM70 ke RM100 selain perlu menanggung ibu dan abang yang mempunyai penyakit mental.

Hakim kemudian tidak membenarkan tertuduh mendapatkan jaminan.



SINAR HARIAN
16.05.2024
(KHAMIS)

Staf awam disyaki salah guna jawatan direman

SEREMBAN - Seorang penjawat awam direman tujuh hari bermula Rabu kerana disyaki menyalahgunakan jawatannya memohon dan meluluskan dana berjumlah RM12,000 untuk kepentingan dirinya, tahun lalu.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 44 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Fairuz Syuhada Amran di Mahkamah Majistret Sivil di sini selepas menerima permohonan Pegawai Pendakwa, Zainab Yahya.

Reman terhadap suspek bermula 15 Mei hingga 21 Mei dan akan ditempatkan di lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Menurut sumber, suspek ditahan pada malam Selasa ketika hadir di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Suspek ditahan kerana disyaki menyalah guna kedudukannya dengan membuat permohonan dan meluluskan pinjaman wang pada 2023.

"Ia untuk tujuan pendahuluan bagi kerja membaik pulih Pusat Mengumpul Getah (PMG) sebanyak RM12,000 melalui dana daripada Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Rancangan (JKKR) untuk kepentingan dirinya," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan terhadap suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



SINAR HARIAN
16.05.2024
(KHAMIS)

Telaga jejari tidak berfungsi!

SPRM tahan empat individu termasuk dua bekas pegawai kanan syarikat air di Kelantan

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Empat individu termasuk dua bekas pegawai kanan syarikat air di Kelantan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbahit dalam pembinaan telaga jejari yang tidak berfungsi untuk membekalkan air kepada penduduk.

Menurut sumber, keempat lelaki berusia antara 40 hingga 60-an itu ditahan serasingan di sini, antara jam 7 hingga jam 10 pagi semalam.

Katanya, dua lagi yang ditahan adalah pemilik syarikat yang diberi tanggungjawab sebagai konsultan bagi menyiapkan pembinaan telaga terbahit.

"Telaga jejari ini sepatutnya berfungsi untuk membekalkan air yang mencukupi kepada penduduk, namun siasatan awal mendapati ia tidak menghasilkan kuantiti air secara optimum," katanya, semalam.

Menurut sumber, ia di-



SUSPEK yang ditahan SPRM.

perceyai disebabkan berlakunya amalan rasuah dan penyelewengan dalam pelaksanaan projek pembinaan telaga jejari itu.

Katanya, SPRM turut menyita beberapa barangan daripada suspek seperti dökumen dan telefon bimbit.

"Kesemua suspek dibawa ke Pejabat SPRM Kelantan bagi dirakamkan keterangan.

Difahamkan, siasatan terbahit dipercayai hasil rungutan dan aduan da-

ripada penduduk yang tidak berpuas hati dengan isu masalah air di Kelantan.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terbahit dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Menurutnya, semua mereka itu akan dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Bharu pada esok bagi proses permohonan reman untuk siasatan lanjut.



SPRM siasat 28 telaga jejari

Kota Bharu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat siasatan terhadap 28 telaga jejari yang dibina menerusi Projek Pembinaan Telaga Jejari (HCW).

Ia membabitkan 10 projek pembinaan serta membaik pulih loji rawatan air (LRA) dianggarkan berjumlah lebih RM300 juta yang dibina Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) kerana gagal berfungsi bagi membekalkan air kepada penduduk.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, projek berkenaan dibina antara 2008 hingga 2015.

Menurutnya, susulan itu empat lelaki ditahan bagi membantu siasatan terhadap pembinaan HCW di Kelantan kerana gagal berfungsi bagi membekalkan air kepada penduduk.

"HCW berkenaan sepatutnya berfungsi untuk membekalkan air mentah kepada LRA sebelum disalurkan kepada pengguna.

"Pembinaan HCW berlainan kapasiti ini adalah alternatif untuk mengatasi masalah air di negeri itu terutama pada musim kemarau.

"Tetapi sebahagian besar telaga yang dibina ini gagal menghasilkan kuantiti sumber air pada tahap optimum," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, siasatan awal yang dijalankan dipercayai terdapat pegawai di AKSB yang menerima wang rasuah daripada syarikat konsultan yang dilantik dalam projek pembinaan telaga air terbahit.

"SPRM percaya terdapat manipulasi membabitkan proses kelulusan projek ini pada 2015," katanya.



HARIAN METRO
16.05.2024
(KHAMIS)



HARIAN METRO

16.05.2024

(KHAMIS)

DAKWAAN LIMA ADUN PERLIS KENA TAHAN

Hanya khabar angin: Azam

Kangar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan penahanan lima Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di Perlis untuk siasatan hanya khabar angin.

Ketua Pesuruhjaya

SPRM Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi berkata, laporan sebuah portal berita adalah khabar angin sahaja.

"Khabar angin," katanya ringkas ketika dihubungi menerusi aplikasi WhatsApp, semalam apabila di-

tanya berhubung dakwaan berkenaan.

Kelmarin, sebuah portal berita melaporkan SPRM akan menahan lima Adun dari negeri itu dalam masa terdekat untuk tujuan siasatan.



PEGAWAI SPRM mengiringi penjawat awam di Mahkamah Majistret Sivil, Seremban. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

Seremban: Seorang penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menyalahgunakan jawatannya bagi memohon dan meluluskan dana berjumlah RM12,000 untuk kepentingan dirinya.

Menurut sumber, lelaki berusia 44 tahun itu ditahan jam 7 malam kelmarin, ketika hadir ke pejabat SPRM Negeri Sembilan, di sini.

"SPRM menahan seorang penjawat awam kerana disyaki menyalahguna kedudukannya dengan membuat permohonan

Ditahan lulus dana RM12k untuk kepentingan diri

dan meluluskan pinjaman wang pada 2023.

"Ia untuk tujuan pendahuluan bagi kerja membaik pulih Pusat Mengumpul Getah (PMG) iaitu sebanyak RM12,000 melalui dana daripada Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Rancangan (JKKR) untuk kepentingan dirinya," katanya, semalam.

Tambah sumber, permohonan reman terhadap lelaki itu dibuat di Mahkamah Majistret Sivil, di sini,

semalam.

"Dia direman tujuh hari bermula hari ini (semalam) sehingga 21 Mei dan ditempatkan di lokap SPRM Negeri Sembilan sementara siasatan dijalankan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO
16.05.2024
(KHAMIS)

Bekas CEO pula ditahan

SPRM berkas
suspek ketika
hadir beri
keterangan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah badan berkanun selepas disyaki terbabit dalam salah guna dan penyelewengan dana bernilai RM1.2 bilion.

Penahanan itu menjadikan tiga suspek ditahan SPRM sehingga ini berhubung siasatan kes penyelewengan itu.

Sumber berkata, suspek terbabit ditahan kira-kira jam 8 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di sini.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan terbabit antara 2019 hingga 2021 dan menyalahgunakan dana peruntukan pinjaman membabitkan projek pembangunan di sekitar ibu negara.

"Suspek dipercayai menyalahgunakan dana peruntukan pinjaman dengan memindahkan sebahagian pinjaman wang yang diterima dari Kementerian Kewangan kepada syarikat kontraktor serta perunding

Dua pegawai badan berkanun
disyaki seleweng RM1.2b ditahan



Keratan akhbar
BH semalam.

yang tidak berkaitan dalam kos pembangunan seperti yang dinyatakan dalam permohonan peruntukan pinjaman kerajaan," katanya.

Direman dua hari

Katanya, suspek sudah dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam dan dikenakan perintah reman selama dua hari sehingga esok.

BH semalam melaporkan SPRM menahan dua pegawai kanan badan berkanun kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan dana bernilai RM1.2 bilion.

Penyelewengan dana itu membabitkan peruntukan pinjaman daripada Kementerian Kewangan bagi projek pembangunan dan kedua-dua suspek kini direman empat hari sehingga Sabtu ini.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



Bekas ketua pegawai eksekutif badan berkanun dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.
(Foto Ihsan SPRM)



BERITA HARIAN

17.05.2024

(JUMAAT)

Kota Bharu: Empat individu termasuk dua bekas pegawai kanan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin, direman tiga hari bermula semalam.

Perintah tahanan reman sehingga Sabtu ini dikeluarkan oleh Majistret Rais Imran Hamid.

Penahanan reman itu bagi membolehkan kesemua individu berusia 40 hingga 60-an itu disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Terdahulu, ketiga-tiganya yang memakai baju lokap SPRM tiba di Kompleks Mahkamah Kota Bharu, jam 8.30 pagi.

Semalam, Harian Metro melaporkan, SPRM menahan empat individu, masing-masing dua bekas pegawai kanan AKSB dan dua pemilik syarikat yang diberi tanggungjawab sebagai konsultan, di empat lokasi



EMPAT individu termasuk dua bekas pegawai kanan AKSB tiba di Kompleks Mahkamah Kota Bharu untuk perintah tahanan reman.

SKANDAL PEMBINAAN TELAGA JEJARI

Empat termasuk dua bekas pegawai AKSB direman tiga hari

berasingan jam 10 pagi.

Kesemuanya ditahan kerana disyaki terbabit dalam pembinaan telaga jejari yang tidak dapat berfungsi membekalkan air kepada penduduk.

Ketua Pesuruhjaya SPRM

Tan Sri Azam Baki dipetik berkata, pihaknya menjalankan siasatan terhadap 28 telaga jejari yang dibina menerusi Projek Pembinaan Telaga Jejari (HCW).

Katanya, ia membabitkan 10 projek pembinaan

serta membaik pulih loji rawatan air (LRA) dianggarkan berjumlah lebih RM300 juta yang dibina Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) kerana gagal berfungsi bagi membekalkan air kepada penduduk.



HARIAN METRO

17.05.2024

(JUMAAT)



SINAR HARIAN

17.05.2024

(JUMAAT)

Projek Telaga Jejari: Empat termasuk dua bekas pegawai kanan syarikat air direman



Empat individu termasuk dua bekas pegawai kanan syarikat air direman di Mahkamah Majistret Kota Bharu pada Khamis.

KOTA BHARU - Dua bekas pegawai kanan syarikat air dan dua konsultan pembinaan telaga direman tiga hari bagi membantu siasatan Projek Pembinaan Telaga Jejari membabitkan nilai lebih RM300 juta.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Rais Imran Hamid selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kota Bharu di sini pada Khamis bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Menurut sumber, kesemua suspek lelaki berusia 40-an hingga 60-an direman bagi membantu siasatan berhubung pembinaan telaga yang gagal berfungsi bagi

membekalkan air mentah kepada loji rawatan air membabitkan projek bernilai lebih RM300 juta.

Kesemua suspek ditahan di beberapa lokasi berbeza sekitar Kota Bharu antara jam 7 hingga 10 pagi Rabu.

"Telaga ini sepatutnya berfungsi untuk membekalkan air yang mencukupi kepada penduduk, namun siasatan awal mendapati telaga-telaga ini tidak dapat menghasilkan kuantiti air secara optimum," kata sumber itu.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan penahanan kesemua suspek dan berkata, kes berkenaan di-siasat di bawah Seksyen 16 Akta

SPRM 2009.

Sementara itu, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohamed Fadzli Hassan berkata, kerajaan negeri akan memberi kerjasama penuh kepada SPRM berkaitan kes itu.

"Saya menyerahkan kes berkenaan kepada SPRM untuk menyiasat kes ini seadil-adilnya. Kerajaan Kelantan juga ingin menasihatkan orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar Kelantan, Datuk Dr Izani Husin berkata, SPRM harus menyiasat kes berkenaan secara profesional dan telus. - *Bername*

Bantu siasatan salah guna dana peruntukan pinjaman projek pembangunan bernilai RM1.2 bilion

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**



Laporan Sinar Harian pada Khamis.

Selepas pegawai kanan, CEO badan berkanun pula ditahan

Selepas dua pegawai kanan diberkas, kini giliran seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) agensi badan berkanun menerima nasib sama.

Suspek ditahan setelah disyaki menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng dana peruntukan pinjaman daripada Kementerian Kewangan (MoF) bagi projek pembangunan di sekitar ibu negara yang bernilai RM1.2 bilion.

Menurut sumber, suspek lelaki berusia sekitar 60-an itu telah ditahan pada jam 8 malam Rabu ketika hadir bagi memberi keterangan di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini.

Suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut antara tahun 2019 hingga 2021 dan

telah menyalahgunakan dana peruntukan pinjaman dengan memindahkan sebahagian wang yang diterima daripada MoF kepada syarikat kontraktor serta perunding yang tidak berkaitan dalam kos pembangunan seperti yang dinyatakan dalam permohonan.

Susulan penahanan itu, suspek telah dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya bagi permohonan reman.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan perintah tahanan reman selama dua hari bermula Khamis.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman pada Khamis.

Mahkamah & Jenayah



SINAR HARIAN
17.05.2024
(JUMAAT)

Dua ditahan buat tuntutan palsu RM77k

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menahan seorang wanita yang juga pengarah sebuah syarikat dan seorang lelaki selepas disyaki membuat tuntutan mengandungi butiran palsu bernilai kira-kira RM77,000.

Sumber berkata, tuntutan dibuat bagi kerja-kerja pembekalan kepada sebuah institusi pendidikan di Selangor walaupun projek itu tidak dilaksanakan sepenuhnya.

"Kedua-dua mereka yang berumur dalam lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 6 petang kelmarin, ketika hadir bagi memberi keterangan di

pejabat SPRM Selangor.

"Kedua-dua suspek dipercayai melakukan perbuatan itu tahun lalu, dengan masing-masing mengemukakan dua tuntutan bayaran daripada dua syarikat berbeza bernilai kira-kira RM36,000 dan RM41,000. Ia tuntutan bagi pembekalan makan minum, dobi serta bahan latihan dan promosi, tetapi semuanya tidak dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Kedua-dua suspek kini ditahan reman lima hari selepas Majistret Farah Rosnan membenarkan permohonan reman yang dikemukakan SPRM di Mahkamah Majistret Shah Alam, pagi kelmarin.



HARIAN METRO
18.05.2024
(SABTU)

BEKAS CEO BADAN BERKANUN DITAHAN

SELEWENG DANA MOF RM1.2 BILION

Bernama

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah badan berkanun kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan menyeleweng dana peruntukan pinjaman daripada Kementerian

an Kewangan (MOF) bagi projek pembangunan bernilai RM1.2 bilion.

Sumber berkata, suspek lelaki berusia sekitar 60-an itu ditahan ketika hadir memberi keterangan pada jam 8 malam kelmarin di ibu pejabat SPRM di Putrajaya.

"Susulan penahanan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya dan direman," katanya.

Sumber berkata, suspek dipercayai menyalahgunakan dana peruntukan pinjaman daripada kerajaan dengan memindahkan sebahagian pinjaman wang yang diterima daripada MOF kepada syarikat kontraktor dan perunding yang tidak berkaitan dalam kos pembangunan seperti yang dinyatakan dalam permohonan peruntukan pinjaman kerajaan dan

perbuatan itu dipercayai dilakukan antara 2019 hingga 2021.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan penahanan dan kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.

Khamis lalu, SPRM menahan reman dua orang pegawai kanan sebuah badan berkanun atas kes sama.



HARIAN METRO
18.05.2024
(SABTU)

SPRM teliti kontrak projek badan berkanun

Agensi dapat maklumat sebahagian dana RM500j tak digunakan dalam pembangunan mega



Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menyemak secara terperinci kontrak projek pembangunan oleh sebuah badan berkanun yang mendapatkan pinjaman kira-kira RM500 juta daripada Kementerian Kewangan.

Agensi penguatkuasaan itu sedang mendapatkan maklumat cara penyaluran sebahagian dana itu berlaku, sama ada seperti yang termaktub dalam kontrak berkenaan.

Sumber berkata, pegawai

penyiasat juga difahamkan sedang mengesan sebahagian dana yang berpotensi diseleweng dan tidak digunakan dalam pembangunan mega bernilai RM1.2 bilion di ibu negara.

Dana disalur tempat lain

"SPRM sebelum ini mendapat maklumat terdapat sebahagian daripada jumlah pinjaman RM500 juta itu tidak digunakan dalam pembangunan itu. Siasatan awal menunjukkan dana disalurkan ke tempat lain.

"Kemungkinan perjanjian dalam kontrak itu membenarkan 'penyaluran' dana. Disebabkan

Dua pegawai badan berkanun disyaki seleweng RM1.2b ditahan



Keratan
akhbar BH,
Khamis lalu.

itu, pasukan siasatan ketika ini sedang berusaha untuk melihat dengan terperinci dokumen berkenaan projek pembangunan bercampur itu," katanya, di sini semalam.

Beberapa hari lalu, SPRM menahan dua pegawai kanan

badan berkanun kerana disyaki menyalahgunakan kuasa dan penyelewengan dana bernilai RM1.2 bilion.

Penyelewengan dana itu mem-babitkan peruntukan pinjaman daripada Kementerian Kewangan bagi projek pembangunan.

Susulan itu, SPRM menahan seorang bekas ketua pegawai ek-sekutif sebuah badan berkanun selepas disyaki terbabit dalam salah guna dan penyelewengan dana bernilai RM1.2 bilion.

Penahanan itu menjadikan tiga suspek ditahan SPRM sehingga ini berhubung siasatan kes penyelewengan itu.

Sementara itu, BH difahamkan, sebahagian projek bercampur itu di sebuah tanah milik kerajaan, di ibu negara sudah disiapkan.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika dihubungi mengesahkan, SPRM kini sedang mengkaji secara terperinci dokumen penting dalam projek berkenaan.

Beliau enggan mengesahkan dokumen yang sedang diteliti memandangkan, siasatan masih lagi berjalan.

Katanya, semua suspek yang ditahan SPRM sudah dibebaskan, kelmarin.



BERITA HARIAN
19.05.2024
(AHAD)



SINAR HARIAN
22.05.2024
(RABU)



Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen di Seremban pada Selasa.

Pegawai imigresen didakwa 10 pertuduhan rasuah

SEREMBAN-Pegawai imigresen didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas 10 pertuduhan menerima rasuah dengan jumlah keseluruhan RM7,600 pada 2018 hingga 2022.

Tertuduh Razali Ahmad, 41, yang kini bertugas sebagai Penolong Penguasa Imigresen KP 32 di Unit Persenjataan, Bahagian Penguatkuasaan bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh sebagai penjawat awam iaitu Penolong

Penguasa Imigresen Gred KP29 dan Gred KP32 di Bahagian Operasi, Siasatan dan Pendakwaan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Putrajaya telah menerima untuk dirinya suatu benda berharga iaitu wang daripada seorang lelaki yang mana mengetahui individu terbabit mempunyai hubungan dengan tugas rasminya ketika itu.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh antara 25 Disember 2018 hingga 7 Jun 2022 di sebuah bank cawangan di Nilai bernilai RM500 hingga RM1,000 melalui pindahan wang ke dalam akaun bank

PENJAWAT AWAM DITANGKAP KES RASUAH 2024	
JANUARI	27
FEBRUARI	46
MAR	73
APRIL	12

SUMBER: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

milikinya.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Anak MB Perlis didakwa hari ini

Bekas setiausaha politik turut dituduh kes tuntutan palsu RM600,000

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Anak dan bekas setiausaha politik kepada Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli, masing-masing akan didakwa di mahkamah di Kangar dan ibu negara hari ini berhubung kes mengemukakan tuntutan palsu bernilai RM600,000.

Difahamkan, anak Menteri Besar Perlis yang juga pemilik syarikat, akan dituduh di Mahkamah Sesyen Kangar pada jam 8 pagi, manakala bekas setiausaha politik itu di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, jam 8.30 pagi.

"Dia (anak Menteri Besar Perlis) akan didakwa di mahkamah mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. Maklumat lanjut mengenai pertuduhan akan dimaklumkan SPRM nanti," kata sumber.

Mengenai kes membolehkan Mohd Shukri pula, sumber memaklumkan, siasatan lanjut masih dijalankan SPRM.

Pada 24 April lalu, media

Anak MB Perlis antara enam kena reman SPRM

Keratan akhbar BH, 25 April lalu.



Keratan akhbar BH, 25 April lalu.

melaporkan anak Mohd Shukri antara enam individu direman SPRM bagi membantu siasatan pemalsuan dokumen tuntutan palsu berjumlah RM600,000. Turut direman, pegawai kanan pejabat Menteri Besar Perlis.

Dilaporkan 26 April

Suspek berusia antara 27 hingga 37 tahun ditahan bagi membantu siasatan berkaitan pelaksanaan projek pembangunan prasarana seperti membaik pulih, menyelenggara, perbekalan dan perkhidmatan di seluruh negeri itu sejak 2022.

Individu berkenaan bersama empat lagi kemudian dipaparkan pada 26 April dengan jaminan sebaik tempoh reman tamat.

Susulan siasatan yang dijalankan, SPRM pada 30 April menahan Mohd Shukri bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 membolehkan isu salah guna kuasa.

Beliau ditahan kira-kira jam 11 pagi ketika hadir ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, sebelum dibebaskan dengan jaminan kira-kira jam 7 malam hari sama.



BERITA HARIAN

23.05.2024

(KHAMIS)

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Projek tak ikut spesifikasi

4 suspek dipercayai kemuka tuntutan palsu RM86k bagi projek laluan pejalan kaki

Empat individu dari agensi kerajaan Pulau Pinang termasuk jurutera direman di Mahkamah Majistret di sini, semalam bagi membantu siasatan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan projek laluan pejalan kaki di Taman Bandaraya pada 2020.

Majistret Nadratun Naim Mohd Saidi mengeluarkan perintah reman empat hari bermula kelmarin terhadap mereka selepas mendengar permohonan yang dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

Menurut sumber, jurutera berusia 34 tahun serta tiga kontraktor berusia 30-an itu ditahan kelmarin selepas mereka hadir ke pejabat SPRM bagi memberi keterangan.

"Kesemua suspek dipercayai mengemukakan tuntu-

tan palsu bernilai kira-kira RM86,000 bagi projek laluan pejalan kaki di Taman Bandaraya di sini.

"Bagaimanapun, projek itu tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan," katanya.

Terdahulu, semua suspek yang memakai baju lokap SPRM tiba jam 9.30 pagi dengan diiringi pegawai SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Mohd Fuad Bee Basrah mengesahkan penahanan itu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda lima kali ganda nilai suapan jika didapati bersalah," katanya.

“
Projek itu tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan
Sumber



EMPAT individu termasuk jurutera direman bagi membantu siasatan mengemukakan tuntutan palsu pada 2020. - Gambar NSTP/ZUHAINY ZULKIFFLI



HARIAN METRO
23.05.2024
(KHAMIS)

Kes tuntutan palsu RM19,505.10

Anak MB Perlis mengaku tak salah

Tuduhan berkait perkhidmatan sedia minuman untuk kegunaan Raja Perlis

Oleh Aizat Sharif dan Nourazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kangar: Anak kepada Menteri Besar Perlis, Mohd Syafeeq Mohd Shukri, 35, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam, atas pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu RM19,505.10.

Tuntutan berkenaan berkaitan perkhidmatan menyediakan minuman untuk kegunaan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar. Selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norsalha Hamzah, tertuduh yang juga pemilik syarikat hanya mengangguk faham sebelum membuat pengakuan tidak bersalah dan minta dibicarakan.

Mengikut kertas pertuduhan, dia didakwa dengan niat mem-

perdayakan Pembantu Tadbir Bahagian Pentadbiran Daerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Perlis, Nurul Nabilah Mohd Sukri di pejabat bahagian berkenaan, di sini, pada 19 Februari lalu.

Mohd Syafeeq dituduh memberikan satu dokumen Pesanan Kerajaan (Bekalan/Perkhidmatan) Kerajaan Negeri Perlis bertarikh 14 Februari 2024, berjumlah RM19,505.10 atas nama Mohd Farid Abdul Hamid.

Dokumen terbabit berkaitan perkhidmatan menyediakan minuman untuk kegunaan Tuanku Raja Perlis di HTF yang didapati mempunyai butiran palsu.

Mohd Syafeeq yang juga me-

nantu Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (2) akta sama.

Ikat jamin RM20,000

Sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butiran palsu atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Rehab Abdul Shukur, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd



Mohd Syafeeq tiba di Kompleks Mahkamah Kangar, semalam.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Fadhly Yaacob.

Rehab memohon mahkamah mengenakan ikat jamin RM30,000 dengan seorang penjamin, selain syarat tambahan menyerahkan pasport kepada

mahkamah dan melapor diri di Pejabat SPRM Kangar setiap bulan.

Bagaimanapun, Mohd Fadhly memohon ikat jamin antara RM5,000 hingga RM7,000 dengan alasan tertuduh hanya berpendapatan sekitar RM1,500 sebagai petani dan penjual gas sejak 2014.

Mahkamah kemudian menetapkan ikat jamin RM20,000 dan membenarkan syarat tambahan dimohon pihak pendakwaan serta 28 Jun depan untuk sebutan semula kes bersama serahan dokumen. Tertuduh membayar ikat jamin yang dikenakan.

Terdahulu, Mohd Syafeeq tiba di Kompleks Mahkamah Kangar, kira-kira jam 8 pagi sebelum memasuki ruang perbicaraan sambil diiringi peguamnya dan dua pegawai SPRM.

'Biar mahkamah bicara anak saya'

Arau: Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli menyerahkan kepada mahkamah untuk membicarakan anak lelakinya, Mohd Syafeeq, 35, yang didakwa oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam.

"Anak saya dihadapkan ke mahkamah dengan satu pertuduhan. Saya pun tak pasti apa pertuduhannya, selebihnya kita serah kepada mahkamah untuk dia dibicarakan. Dia belum didapati bersalah, kita tunggu prosedur mahkamah.

"Saya tak jumpa dia pagi tadi (semalam), dia duduk rumah dia, saya duduk di rumah saya," katanya ketika ditemui media pada Majlis Pengisytiharan Sekolah Menengah Kebangsaan Syed Hussein, di sini semalam.

Menteri Besar menjelaskan, beliau juga tidak berhubung dengan Mohd Syafeeq melalui telefon untuk bertanya mengenai pertuduhan SPRM dan menyerahkan kepada anaknya itu serta peguam untuk menguruskan kes berkenaan.



BERITA HARIAN

24.05.2024

(JUMAAT)

Nafi 38 pertuduhan rasuah

Pegawai JKDM mengaku tidak bersalah terima RM14,950 bermula antara 2017 hingga 2021

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Seorang pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah terhadap 38 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM14,950, antara 2017 hingga 2021 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini, semalam.

Tertuduh, Wan Azmany Wan Ali @ Wan Abdul Aziz, 46 membuat pengakuan itu di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh bertugas sebagai Pembantu Kastam Kanan Gred WK22 di JKDM Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), menerima suatu benda berharga dengan tiada balasan iaitu wang tunai bernilai antara RM100



WAN Azmany ketika hadir di Mahkamah Sesyen Johor Bahru. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

hingga RM3,000 daripada pemilik ejen perkhidmatan pengangkutan kargo, Kalos Enterprise, [Jehatis ke akaun peribadi miliknya.

Ia sebagai balasan melancarkan urusan pemilik ejen perkhidmatan pengangkutan kargo berkenaan yang mempunyai per-

hubungan dengan kerja rasmi seseorang penjawat awam iaitu Pengarah [KDM KLIA yang mana di bawahnya tertuduh bekerja.

Kesalahan itu didakwa dilakukan tertuduh di sebuah cawangan bank di Taman Kebun Teh di sini antara 27 Mac 2017 hingga 2 September 2021.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Muhammad Asraf Mohamed Tahir, manakala tertuduh diwakili peguam Jamaluddin Abdul Jalil.

Muhammad Asraf dalam hujahannya memohon jaminan RM30,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin warga tempatan.

Namun, Jamaluddin dalam pembelaannya memohon mahkamah mempertimbangkan jumlah jaminan diminta pihak DPP ke-

rana Wan Azmany mempunyai penyakit buah pinggang kronik sejak 2019 dan perlu menjalani rawatan itu sepanjang hayat, malah buah pinggang tertuduh sebelah kiri juga sudah dibuang menerusi pembedahan pada tahun sama.

Tertuduh yang kini bertugas di bahagian cukai juga berkemungkinan berdepan tindakan gantung tugas, turut menanggung isteri yang bekerja, lima anak yang masih belajar di peringkat rendah, menengah dan universiti berusia antara sembilan hingga 20 tahun, selain menanggung dua ibu tiri berusia 62 dan 64 tahun di Kelantan.

Jamaluddin memohon jaminan RM5,000 untuk kesemua pertuduhan.

Mahkamah kemudian menetapkan RM5,000 jaminan dengan seorang penjamin warga tempatan.

Sebutan kes ditetapkan pada 9 Julai depan sebagai tarikh serahan dokumen.



HARIAN METRO

24.05.2024

(JUMAAT)

Kuala Lumpur: Bekas Setiausaha Politik Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan menerima rasuah RM350,000 bagi membantu sebuah syarikat mendapatkan tender perkhidmatan penyelenggaraan dan pembekalan alat ganti peralatan Polis Diraja Malaysia (PDRM), empat tahun lalu.

Bagaimanapun, Sayed Amir Muzzakkir Al Sayed Mohamad, 42, (*gambar*) mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

"Faham, mohon dibicarakan," katanya.

BEKAS SETIAUSAHA POLITIK KETUA PEMBANGKANG DIDAKWA *Terima rasuah RM350k bantu dapatkan tender*

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa menerima rasuah RM350,000 daripada Pengarah Urusan Syarikat Nexiscorp Group Sdn Bhd, Wan Azhar Mohamed Yusof.

Ia sebagai upah membantu syarikat berkenaan mendapatkan tender perkhidmatan penyelenggaraan serta pembekalan alat ganti untuk peralatan infrastruktur, *server*, perisian serta radio pengguna sistem RMPNET PDRM bernilai RM381,112,042.44.

Kesalahan itu didakwa

dilakukan di pejabat Yayasan Tanah Aku, Solaris Dutamas di sini, jam 4 petang, 4 Disember 2020 dan 3.30 petang 16 Disember tahun sama.

Pendakwaan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 me-

ngikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Zander Lim Wai Keong berkata, memohon tertuduh diikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan melaporkannya di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap bulan, menyerahkan pasport kepada mahkamah serta tidak mengganggu saksi pendakwaan terutama Wan Azhar sehingga kes selesai.

"Tertuduh didakwa di

Mahkamah Shah Alam esok, oleh itu risiko tertuduh melarikan diri masih wujud," katanya dan menambah kesalahan dilakukan tertuduh adalah berat dan serius.

Peguam Md Yunos Shariff mewakili Sayed Amir Muzzakkir memohon anak guamnya diikat jamin RM40,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh bersetuju menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melaporkan diri di pejabat SPRM sehingga kes selesai.



HARIAN METRO

24.05.2024

(JUMAAT)

Anak Menteri Besar Perlis didakwa

Mengaku tidak bersalah kemuka tuntutan palsu

Oleh **ROSHILA MURNI ROSLI**
KANGAR

Anak Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis kerana mengemukakan tuntutan palsu bernilai RM19,505.10 pada Februari lalu.

Tertuduh, Mohd Syafeeq Mohd Shukri, 35, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Norsal-

ha Hamzah.

Mengikut pertuduhan, pada 19 Februari lalu, di Pejabat Bahagian Pentadbiran Daerah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis di dalam daerah Kangar, tertuduh telah memberi kepada seorang ejen iaitu Nurul Nabilah Mohd Sukri yang bertugas sebagai Pembantu Tadbir di Bahagian Pentadbiran Daerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya, satu dokumen iaitu Pesanan Kerajaan (Bekalan Perkhidmatan) Kerajaan Negeri Perlis No. Dokumen 24AYPT0300022 bertarikh 14 Februari berjumlah RM19,505.10 atas nama Mohd Farid Abdul Hamid.

Dokumen terbabit berkaitan perkhidmatan menyediakan minuman untuk kegunaan DYMM Tuanku Raja Perlis di Hospital

Tuanku Fauziah.

Dokumen berkenaan mempunyai kepentingan dan tertuduh mempunyai sebab untuk mempercayai ia mengandungi butiran palsu, yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

Oleh yang demikian, tertuduh didakwa mengikut seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 6940 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(2) akta sama.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwaraya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rehab Abdul Shukur manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Fadhiy Yaacob.

Dalam rayuan, peguam tertuduh memohon jumlah jaminan RM30,000 dikurangkan dengan mengambil kira pendapatan tertuduh sebanyak RM1,500 sebu-



Mohd Syafeeq (kanan) mengaku tidak bersalah mengemukakan tuntutan palsu di Mahkamah Sesyen Kangar pada Khamis.

lan dari hasil berniaga gas petroleum cecair (LPG) dan mengerjakan sawah.

Mahkamah kemudiannya menetapkan wang jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin manakala tertuduh perlu

menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan setiap bulan.

Tertuduh membayar wang jaminan dan tarikh sebutan semula kes ialah pada 28 Jun depan.



SINAR HARIAN
24.05.2024
(JUMAAT)



SPRM menahan 34 anggota dan pegawai (JKM dari Grad 19 hingga 44, bersama 27 individu dan pemilik syarikat dalam Ops Samba 2.0.

Hasil cukai tiris RM2 bilion

Ops Samba 2.0 cekup penjawat awam, individu dan pemilik syarikat terlibat

Oleh HSYAMUDDIN AYUB PUTRAJAYA

Ops Samba 2.0 yang dilaksanakan pada 11 Mac 2024 oleh SPRM bersama dua unit kawangan negara berjaya mengesan ketirisan hasil cukai sebanyak RM2 bilion.

SPRM dalam satu kenyataannya pada Khamis memaklumkan, Bahagian Pencegahan

Pengubahan Wang Haram (AWH) SPRM bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Bank Negara Malaysia (BNM) melaksanakan Ops Samba 2.0 bermula 11 Mac lalu.

Menurut kenyataan itu, operasi berakhir 25 Mac lalu itu menumpukan siasatan kepada anggota dan pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertugas di bahagian kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menurut SPRM, hasil siasatan berjaya mengesan ketirisan hasil cukai sebanyak RM2 bilion, membabitkan 61 pegawai JKDM dan pemilik syarikat.

"Ini merupakan satu kerugian hasil negara yang amat besar dan memberi impak negatif berterusan kepada ekonomi naga-

ra sekiranya tidak dibendung. "Dalam operasi ini, SPRM menahan 34 anggota dan pegawai dari Grad 18 hingga 44, bersama 27 individu dan pemilik syarikat.

"Mereka bersekongkol dengan sindiket menyeludupkan pengimportan dan penjualan rokok bertapak seludup," menurut kenyataan tersebut.

Bahagian AML SPRM merampas telefon bimbit, komputer riba serta lesen kenderaan motor milik sindikat itu.

SPRM juga membekukan 221 akaun bank milik individu, syarikat dan 'akaun keldai' berjumlah RM18 juta.

"Setakat ini, dua pegawai Kastam telah dituduh dan oelama 23 anggota serta pegawai Kastam akan didakwa di enam Mahkamah Sesyen berasingan sehingga 6 Jun ini di bawah kesalahan Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009 dan Seksyen 165 Kanun Keseksaan," kata SPRM.

Sementara itu, menurut sumber, sindiket tersebut dipercayai melakukan perbuatan penyeludupan dan memarah pegawai agensi pengutip cukai terbahagi sejak 2017 hingga 2024.

Sindikat juga dikesan terlibat aktiviti pengubahan wang haram dengan mencuci duit menggunakan akaun perniagaan 'syarikat hantu', pengumpul wang, kegiatan judi atas talian serta melaloi syarikat perantara wang berlesen.

OPS SAMBA 2.0

- Ketirisan hasil cukai sebanyak RM2 bilion
- Dilaksanakan SPRM bersama LHDN dan BNM
- Bermula 11 hingga 25 Mac 2024
- 61 individu ditahan (pegawai JKDM, pemilik syarikat)
- Rampasan telefon bimbit, akaun komputer riba
- 221 akaun bank individu, syarikat dan akaun keldai berjumlah kira-kira RM18 juta dibekukan

MODAL OPERANDU SINDIKAT

- Sindiket menggunakan khidmat kawadang agensi sebagai orang tengah bagi membuat transaksi pembayaran rasmi untuk memastikan proses karnavalisasi dan penyeludupan kargo berisik barang tidak terdeteksi
- Kawadang agensi menggunakan wang yang dibekalkan sindiket dengan membuat perantara melalui akaun keldai kepada pegawai agensi pengutip cukai
- Pegawai keldai yang beroperasi di bawah perniagaan malitrikus memastikan kargo tanpa cukai masuk ke pasaran dan dari perniagaan
- Sindiket menggunakan hanya penyeludupan dengan membuat perantara haram

TINDAKAN

- Sekyen 17(a) Akta SPRM 2009 dan Seksyen 165 Kanun Keseksaan



Sebahagian kenderaan mewah dirampas dalam Ops Samba 2.0.



SINAR HARIAN

24.05.2024

(JUMAAT)

Bekas Setiausaha Politik Hamzah Zainudin didakwa minta rasuah RM350,000

SHAH ALAM - Bekas Setiausaha Politik kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin yang didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah pada Khamis, dituduh lagi di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas satu kes meminta suapan RM350,000 berhubung tender pembekalan alat baiki berjumlah RM381 juta, empat tahun lalu.

Sayed Amir Muzzakkir Ai Sayed Mohamad, 42, mengaku tidak bersalah, selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Awang Kerisnada Awang Mahmud.

"Faham, saya mohon dibicarakan," katanya.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa meminta suapan RM350,000 daripada Pengarah Urusan, syarikat Nexuscorp Group, Wan Azhar Mohamed Yusof di pejabat syarikat itu di Kawasan Perindustrian Seksyen 7, di sini pada jam 4 petang, Disember 2020.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Timbalan Pendakwa Raya, Fatin Farhana Ismail memohon mahkamah mengguna pakai ikat jamin yang ditetapkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis iaitu RM60,000 dengan seorang penjamin.

"Ia termasuk syarat tambahan, menyerahkan pasport kepada mahkamah, tidak mengganggu saksi pendakwaan dan melaporkan diri di pejabat SPRM Kuala Lumpur sekali setiap bulan. Kami juga memohon untuk memindahkan kes ini ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur," katanya.

Selepas mendengar permohonan kedua-dua pihak, Awang Kerisnada membenarkan permohonan berkenaan termasuk penetapan tarikh sebutan semula kes, di Kuala Lumpur pada 12 Julai depan.



SINAR HARIAN
25.05.2024
(SABTU)

'REMBAT' RM2,000 SEBULAN

Penguat kuasa PBT di Selangor disyaki terima rasuah RM12,000 daripada pemilik restoran

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pegawai penguat kuasa pihak berkuasa tem-

patan (PBT) di Selangor kerana disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM12,000.

Suapan itu sebagai balasan tidak mengambil tindakan kepada seorang pemilik restoran yang meletakkan meja dan kerusi tambahan di kawasan par-

kir berhampiran restoran.

Sumber berkata, suspek lelaki berusia 40-an dipercayai ditahan petang kelmarin di sekitar Selangor.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan itu sejak November 2023 hingga kini. Dia meminta serta

Suapan itu sebagai balasan tidak mengambil tindakan kepada seorang pemilik restoran yang meletakkan meja dan kerusi tambahan di kawasan parkir berhampiran

menerima bayaran tunai secara bulanan RM2,000.

"Siasatan mendapati suspek dipercayai sering menghantar mesej melalui aplikasi WhatsApp pada setiap bulan kepada pemilik restoran terbabit," katanya.

Sementara itu, Pengarah

SPRM Putrajaya, Azizul Ahmad Sarkawi mengesahkan tangkapan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, suspek dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan.



HARIAN METRO

26.05.2024

(AHAD)

SAYED AMIR DIDAKWA LAGI!

Dituduh meminta suapan
wang tunai RM350,000 sebagai
upah dapatkan tender pembekalan

Shah Alam

Bekas setiasua politik kepada bekas Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hamzah Zaidudin didakwa lagi di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan rasuah berkaitan tender perkhidmatan penyelenggaraan dan pembekalan alat ganti peralatan untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sayed Amir Muzakkir Al Sayed Mohamed, 42, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Awang Kerimudin Awang Mahmud.

Dia didakwa meminta suapan wang tunai RM350,000 daripada Wan Azhar Mohamed Yusof selaku Pengarah Urusan Syarikat Nexucorp Group Sdn Bhd sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan tender perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Pembekalan Alat Ganti Bagi Peralatan Infrastruktur, Server, Perisian Dan Radio Pengguna Sistem RMPNet untuk PDRM bernilai RM38,112,042.44.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat Nexucorp Group Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Sekoyen 7, Shah Alam, Selangor pada 4 petang, awal Disember 2020.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Penerimaan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Fatim Farhana Ismail memohon mahkamah mengguna paku jumlah dan syarat seperti yang ditetapkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur kelmarin dan turut memohon supaya kes di mahkamah ini dipindahkan ke mahkamah Kuala Lumpur untuk dibicarakan.

Peguam Md Yunus Shariff yang mewakili tertuduh tidak membantah permohonan itu.

Mahkamah membenarkan permohonan berkenaan dan menetapkan 12 Julai untuk sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh dilikat jamin RM60,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapokan diri di pejabat SPHJ Kuala Lumpur setiap bulan sehingga kes selesai.

Kelmarin Sayed Amir Muzakkir mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas dua pertuduhan menerima suapan wang tunai berjumlah RM350,000 daripada Wan Azhar sebagai upah membantu syarikat Nexucorp mendapatkan tender bagi kerja penyelenggaraan dan pembekalan alat ganti untuk PDRM.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat Yayasan Tarah Aki, di Solaris Dutamas di sini, pada jam 4 petang, 4 Disember 2020 dan jam 3.30 petang, 16 Disember 2020.



SAYED Amir didakwa sekali lagi di Mahkamah Sesyen, Shah Alam atas pertuduhan menerima suapan berjumlah RM350,000, empat bulan lalu. - Gambar NST/PIC ANUAR



HARIAN METRO

26.05.2024

(AHAD)

Penguat kuasa PBT ditahan minta suapan daripada pemilik restoran

PUTRAJAYA - Seorang penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) ditahan pada Jumaat dipercayai terlibat dalam kes rasuah bernilai RM12,000.

Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), suspek dipercayai bertindak meminta dan menerima rasuah sebagai balasan tidak mengambil tindakan kepada seorang pemilik restoran yang meletakkan meja dan kerusi tambahan di kawasan parkir kereta

di restoran tersebut.

Sumber berkata, suspek lelaki berumur 40-an itu dipercayai ditahan petang Jumaat di sekitar Selangor.

"Suspek dipercayai melakukan perbuatan tersebut sejak November 2023 hingga kini dan meminta serta menerima bayaran tunai secara bulanan kira-kira RM2,000.

"Siasatan juga mendapati suspek dipercayai sering menghantar mesej melalui

aplikasi WhatsApp pada setiap bulan kepada pemilik restoran tersebut," katanya pada Sabtu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Putrajaya, Azizul Ahmad Sarkawi ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata, suspek akan dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan.



SINAR HARIAN
26.05.2024
(AHAD)

Kontrak DRT diberi kerajaan Selangor, tiada kaitan Hannah

SPRM jelaskan projek berkenaan tidak berkaitan tugas rasmi kementerian

Oleh Hazwan Faisal Mohamad dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak mengesan sebarang percanggahan kepentingan

dalam pemberian kontrak Projek Rintis Demand Responsive Transit (DRT) oleh kerajaan Selangor kepada syarikat milik bersama suami Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Baki berkata, berdasarkan pemerhatiannya dalam pemberitaan di media, projek berkenaan diberikan oleh entiti lain yang tidak mempunyai kena-mengena dengan Hannah.

Suami Hannah, Ramachandran Muniandy adalah Ketua Pegawai Eksekutif Asia Mobility, satu daripada dua syarikat yang dipilih untuk projek perintis DRT yang mana kedua-duanya sudah mendapat kelulusan Agen-

si Pengangkutan Awam Darat (APAD).

"Saya hari ini tidak mengetahui lanjut mengenai kes itu, tetapi apa yang ingin saya katakan sekiranya satu kontrak yang tiada kena-mengena dengan tugas (pihak yang dibangkitkan) ia bukanlah satu kesalahan.

"Saya tidak nampak ia mempunyai kaitan antara kerajaan negeri Selangor dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Tetapi ia berlainan sekiranya KBS yang memberi kontrak itu kepada syarikat berkenaan," katanya ketika sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Laporan Penambahbaikan Tatakelola Penyelarasan dan Penguru-

san Aset Tenaga Elektrik Malaysia, di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Datuk Abdul Razib Dawood dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan.

Terdahulu, Asia Mobility mempertahankan pembabitannya dalam perkhidmatan DRT baharu Selangor, dengan menyatakan hanya dua syarikat di negara ini layak menyediakan perkhidmatan diberikannya.

Tender terbuka

Dalam satu kenyataan, Asia Mobility berkata, tender terbuka dalam proses pelantikan bagi prog-

ram Mobility Selangor, 'perkhidmatan baharu yang sangat khusus' akan mewujudkan monopoli di negeri itu.

Dalam perkembangan berasingan, Azam berkata SPRM belum menerima notis pengisytiharan harta oleh dua anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, namun mengesahkan berlaku perbincangan antara pihaknya bersama peguam kepada Tan Sri Mohkzani dan Mirzan.

Januari lalu, SPRM mengeluarkan perintah notis mengikut Seksyen 36(1)(b) Akta SPRM 2009 terhadap Mirzan dan Mokhzani dan mereka turut dipanggil sebelum ini untuk bantu siasatan.



BERITA HARIAN

28.05.2024

(SELASA)

Tiga penjawat awam ditahan disyaki minta rasuah RM25,000

KEMAMAN - Tiga penjawat awam direman selama enam hari kerana disyaki meminta dan menerima rasuah bernilai kira-kira RM25,000 bagi memudahkan urusan permohonan tanah E-Haram di Terengganu.

Kesemua suspek direman bermula Isnin hingga 1 Jun depan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Shariffuddin selepas menerima permohonan daripada SPRM di Mahkamah Sesyen Kemaman di sini pada Isnin.

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek lelaki berusia lingkungan 30-an dan 40-an itu ditahan lewat petang Ahad ketika hadir memberikan keterangan di pejabat

SPRM Kemaman.

Jelasnya, siasatan awal mendapati kesemua suspek melakukan kesalahan itu sekitar tahun 2022 hingga 2023.

Selain itu, suspek turut terlibat secara langsung dalam menjalankan siasatan, membuat pengukuran sempadan serta menyediakan ulasan teknikal bagi tanah yang dimohon.

Difahamkan, sepanjang 2022 hingga 2023 didapati wujud beberapa transaksi wang ke akaun salah seorang suspek sehingga mencecah kira-kira RM25,000 dan kesemua suspek turut disyaki menerima RM500 hingga RM800 mengikut tugas pemohon.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu, Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan tersebut.



Suspek dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kemaman pada Isnin.



SINAR HARIAN
28.05.2024
(SELASA)

Minta RM25k mudah urusan mohon tanah

Chukai: Tiga penjawat awam ditahan reman enam hari bermula semalam, disyaki terbabit meminta dan menerima rasuah kira-kira RM25,000 bagi memudahkan urusan berkaitan permohonan tanah.

Perintah reman sehingga 1 Jun berkenaan dikeluarkan Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Shafuddin selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu.

Ketiga-tiganya yang berusia 30 hingga 40-an ditahan kelmarin selepas hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Kemaman.

Sumber berkata, suspek didakwa melakukan kesalahan itu dalam tempoh

antara 2022 hingga 2023 dan turut terbabit secara langsung dalam menjalankan siasatan, membuat pengukuran sempadan serta menyediakan ulasan teknikal bagi tanah yang dimohon.

“Sepanjang tahun 2022 hingga 2023 itu juga didapati wujud beberapa transaksi wang ke akaun salah seorang suspek sehingga mencecah nilai RM25,000 dan kesemua suspek turut disyaki menerima antara RM500 hingga RM800 mengikut tugas daripada permohonan,” kata sumber.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Akta 17 (a) Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO
28.05.2024
(SELASA)

Alor Setar: Seorang inspektor polis didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat pertuduhan meminta dan menerima wang suapan sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan berhubung kes dadah tiga tahun lalu.

Tertuduh, Mohammad Kassim Mamas, 36, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik keempat-empat pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim N Priscilla Hemamali.

Mengikut pertuduhan pertama, Mohammad Kassim didakwa cuba memperoleh suapan wang tunai sebanyak RM20,000 daripada seorang lelaki berusia 33 tahun sebagai dorongan untuk tidak melaporkan penahanan individu terbabit yang disyaki memiliki dadah jenis syabu.

Tertuduh yang ketika itu bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bandar Baharu dituduh melakukan perbuatan itu di dalam sebuah kereta Proton Persona di Kampung Kenangan, Serdang di Bandar Baharu jam 10.15

Inspektor tak mengaku ambil suapan RM20,000

malam pada 21 Jun 2021.

Bagi pertuduhan kedua, bapa kepada dua anak itu dituduh bersetuju untuk menerima suapan RM15,000 daripada lelaki terbabit atas dorongan sama di dalam kereta Proton Persona di Sungai Tengah, Serdang jam 10.30 malam hari yang sama.

Sementara pertuduhan ketiga, Mohammad Kassim didakwa memperoleh suapan RM2,000 daripada seorang lelaki lain berusia 30 tahun yang merupakan ahli keluarga kepada individu disyaki terbabit kesalahan dadah itu

atas dorongan sama di dalam Proton Persona di kampung sama pada jam 11 malam hari yang sama.

Tertuduh dalam pertuduhan keempat didakwa bersetuju untuk menerima suapan RM7,000 daripada individu disyaki terbabit kesalahan dadah terbabit menerusi perbualan telefon kira-kira jam 5.40 petang, 22 Jun 2021.

Pendakwaan bagi setiap pertuduhan itu dilakukan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang

daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah Mohd Zulfadli Azharudin, manakala tertuduh diwakili Burhanudeen Abdul Wahid dan Muhammad Adam Burhanudeen.

Sebelum itu, Mohd Zulfadli mencadangkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan itu.

Bagaimanapun, Burhanudeen memohon ikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin atas alasan anak guamnya sudah berkahwin dan mempunyai tanggungan keluarga.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain tertuduh perlu menyerahkan passport kepada mahkamah serta melaporkan diri ke pejabat SPRM setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 23 Julai depan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.



KASSIM didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar.



HARIAN METRO

29.05.2024

(RABU)



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam atas pertuduhan menerima rasuah dengan nilai keseluruhan RM39,750.

Suap **RM39,750** tak periksa kargo

Empat pembantu penguasa kastam tidak mengaku salah

Shah Alam

Empat pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima rasuah dengan nilai keseluruhan berjumlah RM39,750.

Rahi Shamudin Ishak, 51; Mat Hafizan Abdullah, 42; Ahmad Shahremy Ahmad Damanhuri, 40; dan Mohd Sufian Hashim, 38, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Rahi didakwa atas 42 pertuduhan menerima rasuah sebanyak RM400 sehingga RM2,000 antara 1 Disember 2017 dan 4 April 2023, manakala Mat Hafizan berdepan empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM300 antara 3 Julai 2020 dan 3 Jun 2021.

Ahmad Shahremy pula didakwa atas satu pertu-

duhan menerima rasuah berjumlah RM5,000 pada 4 Mei 2018, manakala Mohd Sufian didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM850 dan RM400 masing-masing dilakukan pada 30 Jun 2018 dan 24 April 2021.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di kawasan bank terletak di Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA), Sepang, Taman Sri Serdang dan Bandar Baru Salak Tinggi.

Kesemua mereka didakwa secara rasuah memperoleh suapan daripada pemilik syarikat Kalos Enterprise berusia 38 tahun, melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori-lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barangan dari Kargo KLIA.

Mereka didakwa mengikut Seksyen

17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694), yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda.

Prosiding semalam dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Afif Ali manakala Rahi, Mat Hafizan dan Mohd Sufian diwakili Mohd Hezri Shaharil, sementara Ahmad Shahremy pula diwakili peguam Muhammad Alzat Fakri.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan kepada Rahi sebanyak RM30,000, Mat Hafizan (RM10,000) dan Ahmad Shahremy serta Mohd Sufian masing-masing sebanyak RM8,000 oleh seorang penjamin.

Kesemua tertuduh turut diperingatkan menyera-

pasport kepada mahkamah dan laporan polis bertubung kehilangan pasport bagi Rahi, selain keempat-empat mereka perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM di Putrajaya setiap awal bulan dan tidak dibenarkan berhubung atau mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah juga menetapkan sebutan semula bagi pengurusan kes dan penyerahan dokumen bagi kesemua tertuduh pada 11 Julai depan.

Di samping itu, sebekum ini, SPRM memaklumkan seramai 23 pegawai dan anggota kastam akan didakwa di enam mahkamah sesyen seluruh negara sehingga 6 Jun depan selepas ditahan menerusi Ops Samba 2.0.

Operasi yang bermula pada 11 hingga 25 Mac itu, menumpukan siasatan ke atas mereka yang bertugas di kargo KLIA dan berjaya mengesan ketirisan hasil cukai berjumlah RM2 bilion.

Tertuduh didakwa dapat suapan daripada pemilik Kalos Enterprise



HARIAN METRO

29.05.2024

(RABU)

RASUAH RM1.25J TUTUP KES PEMBELIAN SENJATA API OLEH WARGA ISRAEL

2 pegawai mengaku tak salah

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Dua pegawai kanan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas tuduhan menerima rasuah RM1.25 juta untuk menutup siasatan kes membabitkan pembelian senjata api oleh warga Israel, bulan lalu.

Ketua Penolong Pengarah Siasatan Perakaunan Forensik Asisten Komisyoner Chin Khiam Kong, 54, dan Ketua Unit Siasatan Jenayah Cryptocurrency Deputy Superintendan Suhairon Abdullah, 42, mengaku tidak bersalah sebak per-tuduhan dibacakan di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut kedua-dua per-tuduhan, mereka didakwa bersama-sama sebagai pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersetuju dan menerima rasuah wang tunai sebanyak RM1 juta daripada ahli perniagaan, Khoo Zixian, 28, sebagai dorongan bagi membantu menutup siasatan ke atas lelaki itu berkaitan kesalahan mengikut Seksyen 120 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Kesalahan itu didakwa

dilakukan di Bilik Mesyuarat, Bahagian Siasatan Perakaunan Forensik/Cryptocurrency JSJK di Menara KPJ, Jalan Tun Razak, di sini, antara jam 12 hingga 1 tengah hari pada 8 April lalu dan di ruang letak kereta menara sama antara 4.29 petang hingga 4.40 petang.

Pertuduhan itu dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Di mahkamah sama, Chin turut mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan lain iaitu bersetuju menerima rasuah dan menerima rasuah RM250,000 bagi membantu menutup siasatan ke atas Khoo yang membabitkan kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Kesalahan itu didakwa



DUA pegawai kanan PDRM diringi Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

dilakukan di pejabat Ketua Penolong Pengarah Siasatan Perakaunan Forensik, Menara KPJ, di sini, pada 12.30 tengah hari, 18 April lalu dan di tempat letak kereta berbayar menara berkenaan antara 10.30 pagi hingga 1 tengah hari 19 April lalu.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya Syed Faisal Syed Amir mencadangkan kedua-dua tertuduh dikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin dan pas-

port diserahkan kepada mahkamah.

"Kesalahan dilakukan tertuduh membabitkan jumlah melebihi RM1 juta dan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan jika sabit kesalahan denda lima kali ganda nilai suapan sehingga RM5 juta.

"Jaminan dan syarat dicadangkan adalah sesuai dan munasabah," katanya.

Namun, peguam Jacky Loi yang mewakili Chin memohon mahkamah mempertimbangkan jami-

mukakan bahawa anak guamnya akan menghidupkan diri jika tidak menyerahkan pasport.

Peguam Suhairon, Ridha Abdah Subri pula mencadangkan jaminan RM15,000 dengan dua penjamin terhadap anak guamnya.

"Anak guam sudah berkhidmat lebih 20 tahun dengan PDRM dan memberi kerjasama sepanjang siasatan. Tiada sebab untuk melarikan diri kerana isteri, anak dan keluarga terdekat berada di Malaysia.

"Suhairon mempunyai empat anak yang masih bersekolah dengan yang bongsu berusia tujuh tahun, manakala ibu bapanya berusia 80 tahun dalam keadaan uzur di kampung.

"Keluarga hanya mampu mengumpul RM15,000 (wang jaminan) dan percaya amaun itu adalah selari serta konsisten untuk memastikan kehadiran di mahkamah," katanya.

Mendengar hujah kedua-dua pihak, Azura kemudian membenarkan jaminan RM40,000 dengan seorang atau dua penjamin kepada setiap tertuduh, selain syarat tambahan seperti dicadangkan pihak pendakwa.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 30 Julai ini.



HARIAN METRO

29.05.2024

(RABU)

Bekas Pengerusi MPKK didakwa terima rasuah

SEREMBAN - Bekas Pengerusi Majlis Pembangunan Komuniti Kampung (MPKK) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas dua pertuduhan menerima suapan RM10,000 daripada seorang kontraktor sebagai balasan bagi mendapatkan kerja pembaikan fasiliti, empat tahun lalu.

Tertuduh, Baharuddin Mian, 61, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan yang dibacakan berasingan, tertuduh secara rasuah menerima suapan iaitu cek bank bernilai keseluruhan RM10,000 daripada seorang kontraktor.

Ia sebagai dorongan bagi mendapatkan kerja pembaikan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Surau Kampung Gelam serta kerja naik taraf Balai Raya Kampung Air Meleleh dan longkang Taman

Bukit Tuan Sheikh masing-masing di Port Dickson.

Perbuatan itu dilakukan pada 7 dan 13 Oktober 2020.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Azriff Firdaus Mohammad menawarkan jaminan RM10,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan satu syarat tambahan.

Peguam, Aswawi Ismail memohon mahkamah menetapkan wang jaminan paling minimum terhadap anak guamnya kerana warga emas itu kini hanya bekerja sebagai nelayan dengan pendapatan sekitar RM750 sebulan.

Mahkamah membenarkan jaminan RM5,000 beserta seorang penjamin dengan syarat tambahan perlu melapor diri pada Sabtu pertama setiap bulan di Pejabat SPRM Port Dickson.

Sebutan semula bagi serahan dokumen pada 27 Jun depan.

Rasuah tidak akan berakhir selagi ada penawaran, permintaan

SHAH ALAM - Jenayah rasuah tidak akan pernah berhenti selagi wujud penawaran dan permintaan daripada golongan yang tidak bertanggungjawab.

Pengerusi Gabungan Rasuah Busters Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel M Sharib berkata, rasuah bukan perkara baharu sehinggakan banyak negara runtuh dan ekonomi pincang akibat jenayah tersebut.

"Saya tidak terkejut dengan berita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman penjawat awam kerana

disyaki meminta dan menerima rasuah kerana jelas membuktikan bahawa ia (rasuah) seolah-olah sudah sebati dengan masyarakat kita.

"Apabila jenayah itu berlaku walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim begitu menekankan perihalan membanteras jenayah, ia menunjukkan tahap integriti penjawat awam masih lagi rendah," katanya pada Selasa.

Sebelum ini media melaporkan, SPRM Terengganu menahan reman tiga penjawat awam sebuah jabatan berkaitan urusan tanah



HAMDAN DANIEL

kerana disyaki meminta dan menerima rasuah bernilai kira-kira RM25,000.

Mengulas lanjut, Hamdan Daniel berkata, pihak berkuasa perlu memainkan peranan dalam membendung jenayah berkenaan dengan mencari punca 'virus' terlebih dahulu bagi mendapatkan penawarnya.

"Jika punca berjaya diketahui, sudah tentu kita menyelidik kelompok dalam institusi sehingga ada yang bertindak memberi atau menerima rasuah.

"Berulang kali saya nyatakan bahawa selagi ada penawaran maka selagi itu ada permintaan rasuah dan perkara lain yang harus dilihat ialah jati diri kurang mantap atau goyah apabila disogok dengan material seperti wang ringgit, harta serta sebagainya," tegas beliau.

Selain itu, beliau berkata, pihak atasan yang berkepentingan harus senada dengan usaha kerajaan untuk membanteras kegiatan rasuah.

Ujar Hamdan Daniel, jumlah denda dan hukuman penjara perlu dikaji semula agar dapat memberi impak dan kesedaran kepada masyarakat Malaysia bahawa amalan rasuah membawa padah bukan sahaja pada diri sendiri malah keluarga dan masyarakat.

**RASUAH
BUSTERS**



SINAR HARIAN
29.05.2024
(RABU)

Ubah status tanah rizab, pengarah urusan direman

Bantu siasatan kes pecah lot
649.2 hektar tanah rizab Melayu
di Manjung

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

**Mahkamah
& Jenayah**

Seorang pengarah urusan sebuah syarikat hartanah direman empat hari bermula Selasa oleh Mahkamah Majistret di sini bagi membantu siasatan kes pemecahan lot membabitkan kira-kira 650 hektar tanah rizab Melayu di Manjung.

Perintah reman sehingga Jumaat itu dikeluarkan Majistret Noor Azreen Liana Mohd Darus selepas membenarkan permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Lelaki berusia 44 itu ditahan sekitar jam 7 malam pada Isnin ketika hadir memberikan keterangan di Pejabat SPRM Perak.

Siasatan awal mendapati suspek dipercayai membayar wang rasuah kepada seorang penjawat awam yang bekerja di pejabat tanah di sebuah negeri di utara tanah air.

Wang tersebut bertujuan mengubah status tanah rizab Melayu kepada bukan rizab Melayu yang menyebabkan pemecahan lot di mukim berkenaan menjadi tanah bukan Melayu, seterusnya dipindah milik kepada syarikat dan individu bukan Melayu.

Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan mengenai penahanan tersebut.

"Kes diasas di bawah akta 16(b)(B) Akta SPRM 2009," jelasnya.

Pada 30 April lalu media melaporkan, bekas Timbalan Pendaftar Hakmilik di Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan menipu agensi kerajaan negeri sehingga menyebabkan pemecahan lot tanah rizab Melayu melibatkan kawasan seluas 649.2 hektar di Sitiawan, 12 tahun lalu.

Tertuduh, Rosli Che Mohamed, 64, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya.

Petugas media dikasari ketika buat liputan



Beberapa individu dipercayai peguam dan pengawal peribadi OKS terbabit meminta supaya diberikan laluan dengan menolak jurugambar yang mahu menjalankan tugas.

IPOH - Suasana pekarangan Mahkamah Majistret Ipoh pada Selasa kecoh apabila petugas media dihalang merakam gambar seorang pengarah urusan sebuah syarikat hartanah yang direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi siasatan kes tanah rizab Melayu.

Kejadian sekitar jam 11.45 pagi itu berlaku selepas beberapa individu dipercayai peguam dan pengawal peribadi orang kena siasat (OKS) terbabit meminta supaya diberikan laluan

dengan menolak jurugambar yang mahu menjalankan tugas.

Mereka turut menjerit "jangan ambil gambar, itu bos kami" dan melakukan cubaan menutup lensa kamera petugas media dengan tangan dan badan.

Situasi itu terjadi ketika OKS dibawa keluar dari pekarangan mahkamah menuju ke kenderaan SPRM.

Susulan kejadian itu, satu laporan telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh berhubung kekasaran yang berlaku.



SINAR HARIAN
29.05.2024
(RABU)

Najib cuba sekat siasatan SPRM terhadap 1MDB - Pegawai penyiasat

KUALA LUMPUR - Mahkamah Tinggi di sini diberitahu bahawa Datuk Seri Najib Tun Razak telah cuba menyekat siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Pegawai Penyiasat SPRM, Penguasa Kanan Nur Aida Ariffin, 37, berkata, Najib telah mengarahkan beberapa tindakan yang didakwa dilakukan untuk menyekat siasatan agensi antirasuah itu semasa beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri termasuk menutup kes berhubung 1MDB.

Beliau berkata demikian ketika di-soal balas peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib semasa perbicaraan bekas Ahli Parlimen Pekan itu berhubung penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.3 billion.

Bagaimanapun, Muhammad Shafee berkata, Nur Aida tidak mempunyai sebarang bukti untuk menunjukkan Najib mengeluarkan arahan-arahan tersebut.

Muhammad Shafee: Setuju atau tidak semasa siasatan oleh polis dan SPRM (terhadap 1MDB) tiada sekatan daripada Najib?

Nur Aida: Untuk SPRM, ada sekatan. Contoh tindakan yang diambil semasa Najib menjadi PM antaranya menukar Ketua Pesuruhjaya SPRM, membuat tangkapan ke atas pegawai SPRM dan akhir sekali, Tan Sri Mohamed Apandi Ali (bekas Peguam Negara) menutup kes itu walaupun SPRM mengesyorkan tindakan selanjutnya.

Muhammad Shafee: Mari kita lalui ini satu-persatu. Saya akan tunjukkan ini hanyalah tanggapan salah kamu. Kamu katakan arahan untuk Mohamed Apandi tutup kes Tiada Tindakan Lanjut (NFA) datang daripada Najib?

Nur Aida: Berdasarkan nota-nota dirampas daripada Datuk Amhari Efendi Nazaruddin (bekas pegawai khas Najib), ada dokumen iaitu nota percakapan disediakan oleh ahli perniagaan dalam buruan Low Taek Jho (Jho Low) berhubung penutupan kes.

Muhammad Shafee: Soalan saya, kamu tiada bukti yang mengatakan ini arahan terus daripada Najib.

Nur Aida: Amhari Efendi pegawai khas Najib. Bagi saya keterangan itu cukup, semua dalam nota itu (yang SPRM rampas daripada Amhari Efendi) dan antara perkara yang dikatakan dalam nota itu adalah pertukaran Ketua Pesuruhjaya selain siasatan kes perlu ditutup.

Pada peringkat ini, Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah berkata, memandangkan Nur Aida tetap dengan pendiriannya, Muhammad Shafee boleh membangkitkan perkara itu dalam hujahannya nanti. - *Bernama*



SINAR HARIAN

29.05.2024

(RABU)

Ops Samba 2.0: Empat anggota kastam didakwa

SHAH ALAM - Seramai empat anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang ditahan dalam Ops Samba 2.0 mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas pertuduhan menerima suapan antara RM1,200 hingga RM32,300 berhubung kes melepaskan lori barangan tanpa sebarang pemeriksaan, bermula tujuh tahun lalu.

Rahi Shamudin Ishak, 51; Mat Hafizan Abdullah, 42; Ahmad Shahremy Ahmad Damanhuri, 40, dan Mohd Sufian Hashim, 38, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Rahi Shamudin berdepan 42 pertuduhan berjumlah RM32,300 manakala Mat Hafizan (empat pertuduhan - RM1,200); Mohd Sufian (dua pertuduhan - RM1,250)

dan Ahmad Shahremy (satu pertuduhan - RM5,000).

Mengikut pertuduhan, mereka sebagai pembantu penguasa kastam didakwa menerima suapan secara pemindahan dalam talian ke akaun bank masing-masing daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun.

Ia sebagai balasan tidak memeriksa lori-lori milik syarikat tersebut yang membawa keluar barang dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kesalahan didakwa dilakukan antara 1 Disember 2017 hingga 24 April 2023.

Mahkamah kemudiannya membenarkan Rahi Shamudin diikat jamin sebanyak RM30,000 manakala Mat Hafizan (RM10,000) dan masing-masing RM8,000

untuk dua lagi tertuduh dengan seorang penjamin.

Ia termasuk syarat tambahan, menyerahkan passport kepada mahkamah bagi Rahi Shamudin selain melaporkan diri ke pejabat SPRM Putrajaya sekali setiap awal bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan bagi setiap tertuduh.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 11 Julai.

Sebelum ini, SPRM bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Negara Malaysia berjaya mengesan ketirisan hasil cukai sebanyak RM2 bilion selepas melaksanakan Ops Samba 2.0 bermula 11 Mac lalu.

Operasi berakhir 25 Mac lalu menumpukan siasatan kepada pegawai dan anggota kastam bertugas di bahagian kargo KLIA.



SINAR HARIAN
29.05.2024
(RABU)

Dua pegawai kanan JSJK didakwa rasuah RM1.25 juta

Bayaran tutup kes ahli perniagaan membabitkan pembelian senjata api oleh warga Israel

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
KUALA LUMPUR

Dua pegawai kanan polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas tuduhan menerima rasuah RM1.25 juta untuk menutup kes jenayah ahli perniagaan membabitkan pembelian senjata api oleh warga Israel.

Tertuduh, Ketua Penolong Pengarah Siasatan Perakaunan Forensik, Asisten Komisioner Chin Kham Kong, 54, dan Ketua Unit Siasatan Jenayah Cryptocurrency, Deputy Superintenden Suhairon Abdullah, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejujur pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, Kham Kong dan Suhairon didakwa bersama-sama bersetuju dan menerima suapan RM1 juta daripada Khoo Zixian, 28.



Kham Kong (kiri) dan Suhairon (tengah) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Selasa.

Mahkamah & Jenayah

Wang dilaporkan untuk membantu menutup siasatan jenayah ke atasnya berkaitan kes di bawah Seksyen 120 Kanun Keseksaan (kes keselamatan negara).

Kesalahan didakwa dilakukan pada jam 12 tengah hari hingga 4.40 petang, 8 April lalu.

Sementara itu, Kham Kong didakwa atas dua lagi pertuduhan iaitu bersetuju untuk memperoleh rasuah dan menerima suapan RM250,000 daripada Zixian sebagai dorongan serupa, berkaitan kesalahan di bawah Seksyen 420 Kanun

Keseksaan (kes menipu).

Kesalahan didakwa dilakukan pada jam 12.30 tengah hari, 18 April dan 10.30 pagi keesokan hari.

Hakim membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM40,000 dengan seorang atau dua penjamin selain menetapkan 30 Julai untuk sebutan semula kes.

Pada Jumaat lepas, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain berkata, tiga pegawai berpangkat Asisten Komisioner, Deputy Superintenden dan Inspektor dari JSJK Bukit Aman ditahan bagi membantu siasatan kes pemerasan berjumlah RM1.25 juta.



SINAR HARIAN
29.05.2024
(RABU)

Inspektor polis minta dibicarakan kes rasuah

ALOR SETAR - Seorang pegawai polis berpangkat Inspektor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas empat pertuduhan meminta dan menerima suapan sebagai balasan tidak mengambil tindakan berhubung kes dadah pada 2021.

Bagaimanapun tertuduh, Mohammad Kassim Mamas, 36, mohon dibicarakan terhadap kesemua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohammad Kassim yang bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bandar Baharu cuba untuk memperoleh suapan wang tunai sebanyak RM20,000 daripada seorang individu sebagai dorongan tidak mengambil tindakan melaporkan penahanan lelaki itu yang disyaki memiliki dadah jenis syabu.

Perbuatan itu dilakukan dalam sebuah kereta Proton Persona di Kampung Kenangan, Serdang di daerah Bandar Baharu pada jam 10.15 malam, 21 Jun 2021.



Pegawai polis terbabit (kiri) didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar pada Selasa.

Berdasarkan pertuduhan kedua, tertuduh didakwa bersetuju menerima wang tunai RM15,000 dari lelaki sama sebagai dorongan tidak mengambil tindakan ke atasnya yang disyaki memiliki dadah jenis syabu pada jam 10.30 malam, 21 Jun 2021 di Sungai Tengah, Serdang dalam daerah sama.

Bagi pertuduhan ketiga pada tarikh sama kira-kira jam 11 malam dalam kenderaan sama di Kampung Sungai Tengah, Serdang, Bandar Baharu, Mohammad Kassim didakwa memperoleh suapan wang

tunai RM2,000 daripada individu lain sebagai dorongan tidak mengambil tindakan melaporkan penahanan individu pertama.

Dalam pertuduhan keempat tertuduh didakwa bersetuju menerima wang tunai RM7,000 daripada individu pertama melalui perbualan telefon sebagai dorongan tidak mengambil tindakan pada jam 5.40 petang, 22 Jun 2021 di Sungai Petani.

Mahkamah menetapkan 23 Julai depan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.



SINAR HARIAN
29.05.2024
(RABU)

Tipu visa haji

SPRM tetap pantau kes

Tabung Haji turut gesa mangsa buat aduan rasmi

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memantau perkembangan kes sindiket penipuan membabitkan jemaah yang dijanjikan visa haji dan didakwa 'terkandas' di Tanah Suci.

Bagaimanapun Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini, tiada kes berkaitan 'scam haji' sedang disiasat badan itu.

Katanya, difahamkan, setakat ini terdapat satu kes sedang dalam peringkat siasatan dikendalikan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kita (hanya buka siasatan) jika ada aduan diterima. Setakat ini tidak ada aduan kepada pihak kami. Tahun ini masih ada kes berkaitan penipuan haji, satu kes telah dilaporkan kepada polis. Jadi, dari segi siasatan (di pihak SPRM), tiada. Biarlah polis yang menjalankan tindakan lanjut, tetapi kami memantau perkembangan ini.

"Kes penipuan baru-baru ini (yang dilaporkan kepada PDRM) membabitkan jemaah kita yang diperdaya untuk menunaikan haji menggunakan visa pelancong. Malangnya masih ada yang tertipu, sedangkan kita tahu bila masuk musim haji, visa umrah atau visa pelancong adalah dilarang sama sekali dan kerajaan Arab

Saudi akan sekat (kemasukan) mereka," katanya kepada *BH*.

Beliau ditemui selepas melancarkan Antologi Puisi Antirasuah Cerita Bawah Meja di Pentas Utama Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), semalam.

Media sebelum ini melaporkan ribuan jemaah Malaysia terkandas di Tanah Suci akibat diperdaya pihak tertentu yang menjanjikan visa haji bagi musim haji kali ini.

Terus beri kesedaran

Lembaga Tabung Haji (TH) turut menggesa rakyat Malaysia yang dikatakan terkandas di Makkah membuat aduan atau laporan rasmi kepada agensi itu dan Kedutaan Malaysia di Jeddah, Arab Saudi dengan segera bagi membolehkan siasatan lanjut dilakukan. Azam berkata, setakat ini belum

ada satu kaedah pemantauan khusus bagi mengawal selia kes berkaitan 'scam' haji dan umrah yang terus dilaporkan dalam kalangan jemaah tanah air.

"Setakat ini belum ada kaedah pemantauan (khusus) cuma kita teruskan beri kesedaran supaya masyarakat jangan tertipu. Masyarakat Malaysia ini mudah percaya perkara yang mereka tidak tahu lagi (kebenarannya). Saya sarankan supaya ikutlah peraturan mengerjakan haji yang biasa, yang diiktiraf kerajaan.

"Saya melihat untuk tahun ini, masih ada kes penipuan haji dan umrah, tetapi tidak begitu besar. Saya percaya (ada sebahagian) masyarakat yang sedar mereka perlu berhubung dengan ejen yang berdaftar di bawah Lembaga Tabung Haji (TH) untuk mengelakkan daripada ditipu," katanya.



BERITA HARIAN

29.05.2024

(RABU)



BERITA HARIAN 29.05.2024 (RABU)

Kes terima rasuah RM39,750

Empat Pembantu Penguasa JKDM mengaku tak salah

Shah Alam: Empat Pembantu Penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menerima rasuah dengan nilai keseluruhan berjumlah RM39,750.

Rahi Shamudin Ishak, 51; Mat Hafizan Abdullah, 42; Ahmad Shahremy Ahmad Damanhuri, 40; dan Mohd Sufian Hashim, 38, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Rahi didakwa atas 42 pertuduhan menerima rasuah sebanyak RM400 sehingga RM2,000 antara 1 Disember 2017 dan 4 April 2023, manakala Mat Hafizan berdepan empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM300 antara 3 Julai 2020 dan 3 Jun 2021.

Ahmad Shahremy pula didakwa atas satu pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM5,000 pada 4 Mei 2018, manakala Mohd Sufian didakwa atas dua pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM850 dan RM400 masing-masing dilakukan pada 30 Jun 2018 dan 24 April 2023.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di cawangan bank di Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA), Sepang, Taman Sri

Serdang dan Bandar Baru Salak Tinggi.

Semua mereka didakwa secara rasuah memperoleh suapan daripada pemilik syarikat Kalos Enterprise berusia 38 tahun, melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barangan dari Kargo KLIA.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda.

Mahkamah benar jaminan

Prosiding semalam dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Afif Ali, manakala Rahi, Mat Hafizan dan Mohd Sufian diwakili Mohd Hezri Shaharil, sementara Ahmad Shahremy pula diwakili peguam Muhammad Aizat Fakri.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan kepada Rahi sebanyak RM30,000, Mat Hafizan (RM10,000) dan Ahmad Shahremy serta Mohd Sufian masing-masing RM8,000 oleh



Empat anggota JKDM dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

seorang penjamin.

Semua tertuduh turut diperingatkan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan laporan polis berhubung kehilangan pasport bagi Rahi, selain keempat-empat mereka perlu melaporkan diri ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Putrajaya setiap awal bulan dan tidak di-

benarkan berhubung atau mengganggu saksi pendakwa.

Mahkamah juga menetapkan sebutan semula bagi pengurusan kes dan penyerahan dokumen bagi semua tertuduh pada 11 Julai depan.

Sebelum ini, SPRM memaklumkan seramai 23 pegawai dan anggota kastam akan didakwa

di enam mahkamah sesyen seluruh negara sehingga 6 Jun depan selepas ditahan menerusi Ops Samba 2.0.

Operasi yang bermula pada 11 hingga 25 Mac itu, menumpukan siasatan ke atas mereka yang bertugas di kargo KLIA dan berjaya mengesan ketirisan hasil cukai berjumlah RM2 bilion. BERNAMA

Kes lelaki Israel miliki senjata api

2 pegawai polis didakwa terima rasuah RM1.25j bagi tutup kes

Tertuduh mengaku tak bersalah ambil suapan sebagai dorongan bantu menutup siasatan ahli perniagaan

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua pegawai kanan polis berpangkat Asisten Komisioner dan Deputy Superintendan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menerima rasuah RM1.25 juta untuk menutup kes jenayah seorang ahli perniagaan berkaitan pembelian senjata api oleh warga Israel.

Bagaimanapun, Ketua Penolong Pengarah Siasatan Peraksaan Forensik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Asisten Komisioner Chin Khiam Kong, 54, dan Ketua Unit Siasatan Jenayah Cryptocurrency JSJK Bukit Aman, Deputy Superintendan Suhairon Abdullah, 42, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan terhadap mereka di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, Khiam Kong dan Suhairon didakwa bersama-sama sebagai pegawai badan awam Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersetuju dan menerima wang suapan RM1 juta daripada Khoo Zixian, 28, sebagai dorongan membantu menutup siasatan kes jenayah lelaki itu bagi



Khiam Kong (kiri) dan Suhairon hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Jalan Duta semalam.

(Foto Azeuddin Saad/BH)

kesalahan di bawah Seksyen 120 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bilik Mesyuarat, Bahagian Siasatan Peraksaan Forensik/Cryptocurrency, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Menara KPJ, di Jalan Tun Razak di sini, antara 12 tengah hari hingga 1 tengah hari, 8 April lalu dan di ruang letak kereta menara sama antara 4.29 petang hingga 4.40 petang.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan (Akta 574) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta SPRM 2009.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda daripada jumlah atau

nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Di mahkamah sama, Khiam Kong turut mengaku tidak bersalah atas dua pertuduhan lain iaitu menerima rasuah RM250,000 bagi membantu menutup siasatan jenayah ke atas Zixian di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Kesalahan itu didakwa dilakukan di pejabat Ketua Penolong Pengarah Siasatan Peraksaan Forensik, Menara KPJ di sini, pada 12.30 tengah hari, 18 April lalu dan di tempat letak kereta berbayar menara berkenaan antara 10.30 pagi hingga 1 tengah hari, 19 April lalu.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Syed Faisal Syed Amir, mencadangkan jaminan berjumlah RM100,000 dengan seorang

penjamin bagi setiap tertuduh.

"Syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah. Kesalahan dilakukan kedua-dua tertuduh adalah serius dan memabitkan amaun lebih RM1 juta.

"Saya percaya cadangan jaminan dan syarat pasport adalah munasabah," katanya.

Mohon jaminan RM20,000

Namun, peguam bela Khiam Kong, Jacky Loi Yap Loong, memohon anak guam dikenakan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin tanpa sebarang syarat tambahan serahan pasport.

"Anak guam saya sudah berkhidmat selama 29 tahun dengan PDRM dan mempunyai empat anak berusia 18, 23, 25 dan 27 tahun.

"Anak berusia 18 tahun itu masih belajar dan saya dimaklum-

kan anak guam bakal menghadiri sesi perjumpaan dengan ibu bapa di luar negara hujung Jun ini," katanya.

Peguam bela Suhairon, Ridha Abdah Subri pula mencadangkan jaminan RM15,000 dengan dua penjamin terhadap anak guamnya.

"Anak guam sudah berkhidmat lebih 20 tahun dengan PDRM dan memberi kerjasama sepanjang siasatan. Tidak sebab untuk melarikan diri kerana isteri, anak dan keluarga terdekat berada di Malaysia.

Hakim kemudian membenarkan jaminan RM40,000 dengan seorang atau dua penjamin kepada setiap tertuduh, selain syarat tambahan seperti dicadangkan pihak pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan 30 Julai ini.

Pada 21 Mei lalu, lelaki warga Israel, Avitan Shalom dituduh di Mahkamah Sesyen di sini, atas tuduhan memperdagang enam pucuk pistol pelbagai jenis dan memiliki 200 peluru di sebuah hotel di ibu negara, Mac lalu.

Sebelum itu, pada 8 April, seorang wanita yang disyaki membeli senjata api di Thailand untuk dijual kepada lelaki warga Israel, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Klang, atas pertuduhan memiliki pistol jenis LUGER yang menyalahi undang-undang.

Suaminya pula didakwa atas pertuduhan bersama yang menimbulkan anggapan munasabah bahawa dia mengetahui isterinya memiliki pistol itu.

Sharifah Faraha Syed Husin, 41, dan Abdul Azim Mohd Yasin, 48, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan berkenaan.



BERITA HARIAN
29.05.2024
(RABU)

Kes pecah lot 650 hektar Tanah Rizab Melayu

SPRM tahan pengarah urusan syarikat hartanah

Kuala Lumpur: Seorang pengarah urusan sebuah syarikat hartanah ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk membantu siasatan kes pemecahan lot membabitkan kira-kira 650 hektar Tanah Rizab Melayu kepada tanah bukan Melayu di Mukim Manjong, Setiawan, Perak, kelmarin.

BH difahamkan, suspek berusia 44 tahun melalui syarikatnya dipercayai melakukan pemecahan lot tanah di mukim

berkenaan menjadi tanah bukan Melayu sebelum dijual menjadi lot rumah dan banglo.

Difahamkan, siasatan SPRM juga mendapati sejumlah 317 lot yang dipecahkan kepada individu serta syarikat yang sebahagian besarnya adalah bukan Melayu.

Rasuah kakitangan awam

Penahanan itu rentetan kepada tangkapan seorang bekas Timbalan Pendaftar Hakmilik di Pejabat Tanah dan Galian (PTG)

Perak yang sudah dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh, bulan lalu.

Satu sumber berkata, siasatan mendapati, syarikat itu disyaki membayar rasuah kepada kakitangan kerajaan untuk mengubah status Tanah Rizab Melayu kepada bukan Melayu di Setiawan.

"Selepas pengubahan status tanah itu, ia dipecahkan lot untuk pelbagai kegunaan seperti lot kediaman dan dijual kepada bukan Melayu untuk dijadikan

hartanah mereka.

"SPRM setakat ini dapat mengesan sejumlah 317 daripada 650 hektar tanah Rizab Melayu sudah ditukar hak milik," katanya kepada *BH*, semalam.

Sumber juga berkata, SPRM ketika sedang menyiasat kejadian jenayah yang berlaku beberapa tahun lalu, membabitkan ahli keluarga suspek yang sudah meninggal dunia.

Sementara, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Da-

tuk Seri Hishamuddin Hashim mengesahkan tangkapan itu dan memberitahu, penahanan suspek dilakukan mengikut Akta SPRM 2009 kerana memberi rasuah.

April lalu, *BH* melaporkan seorang bekas PTG Perak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menipu agensi kerajaan negeri sehingga menyebabkan pemecahan lot Tanah Rizab Melayu melibatkan kawasan seluas 649.2 hektar di Sitiawan, 12 tahun lalu.



BERITA HARIAN

29.05.2024

(RABU)

Empat Pembantu Penguasa Kastam didakwa rasuah

Tertuduh mengaku tak salah terima RM39,800 sebagai dorongan tidak periksa lori kargo

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Empat Pembantu Penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 49 pertuduhan menerima rasuah dengan nilai keseluruhan RM39,800.

Tertuduh, Mohd Rizal Othman, 43; Mohd Hanafie Che Mat, 39; Mohd Shahril Mohd Sukaimi, 39

dan Alias Mat Yusop, 48 mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Mohd Rizal didakwa dengan sembilan pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM15,350 antara 16 Februari 2017 hingga 10 April 2017, manakala Mohd Hanafi didakwa dengan 10 pertuduhan iaitu menerima suapan keseluruhan berjumlah RM12,600 antara 14 Jun 2020 hingga 23 Januari 2023.

Mohd Shahril pula didakwa dengan 26 pertuduhan menerima suapan berjumlah keseluruhan RM8,450 antara 9 April 2018 hingga 22 April 2023 dan Alias didakwa dengan empat pertuduhan berjumlah keseluruhan RM3,400 antara 16 Jun 2019 hingga 20 Julai 2022.

Semua kesalahan itu didakwa

dilakukan di cawangan sebuah bank di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2); Bandar Puchong Jaya, Bandar Baru Salak Tinggi dan Kajang.

Tidak periksa lori kargo

Semua mereka didakwa secara rasuah memperoleh suapan daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun, melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barangan dari Kargo KLIA.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau



Tertuduh dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

(Foto Norzamira Che Noh/BH)

denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi.

Mohd Rizal diwakili peguam Ridha Abdah Subri, manakala Mohd Hanafie; Mohd Shahril dan Alias diwakili peguam Muhammad Aizat Fakri.

Mahkamah kemudian membenarkan Mohd Rizal dan Mohd Hanafie masing-masing dijamin dengan RM15,000 manakala Mohd Shahril dengan RM10,000 dan Alias sebanyak RM8,000.

Semua tertuduh turut diperintah menyerahkan pasport kepada mahkamah, selain keempat-empat mereka perlu melaporkan diri ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Putrajaya se-

tiap awal bulan dan tidak dibenarkan berhubung atau mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah juga menetapkan sebutan semula bagi pengurusan kes dan penyerahan dokumen bagi pada 11 Julai depan.

Sebelum ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan seramai 23 pegawai dan anggota kastam akan didakwa di enam mahkamah sesyen seluruh negara sehingga 6 Jun depan selepas ditahan menerusi Ops Samba 2.0.

Operasi yang bermula pada 11 hingga 25 Mac itu, menumpukan siasatan ke atas mereka yang bertugas di kargo KLIA dan berjaya mengesan ketirisan hasil cukai berjumlah RM2 bilion.



BERITA HARIAN

30.05.2024

(KHAMIS)

SPRM minta mangsa segera lapor jika berlaku penyelewengan lot tanah rizab Melayu

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
KUALA LUMPUR

Ubah status tanah rizab, pengarah urusan direman



Laporan Sinar Harian pada Rabu.

Ubah status tanah rizab kesalahan jenayah

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggesa pihak yang percaya mereka telah menjadi mangsa kes pemecahan lot tanah rizab Melayu kepada tanah bukan rizab Melayu untuk segera membuat laporan kepada agensi itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki bagaimanapun berkata, setakat ini laporan diterima hanya melibatkan kejadian di Perak.

Menurutnya, SPRM belum ada maklumat lain kes sedemikian membabitkan negeri lain.

"Kes ini terpencil berlaku di Perak.

"Sekiranya ada laporan dan maklumat yang diterima berhubung penyelewengan hal ber-

kaitan tukar status rizab Melayu kepada *freehold*, ini merupakan kesalahan jenayah dan sudah tentu kita akan jalankan siasatan," katanya selepas Majlis Prapelancongan Projek Kerjasama Penerbitan dan Program Penerimaan Nilai Integriti (Antirasuah) Usaha Sama SPRM dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini pada Rabu.

Turut hadir Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Azman Adnan.

Sinar Harian pada Selasa melaporkan pengarah urusan



AZAM

sebuah syarikat hartanah berusia 44 tahun direman empat hari untuk siasatan disyaki memberi rasuah pegawai kerajaan berkait tanah rizab Melayu di Perak seluas kira-kira 650 hektar yang ditukar status kepada bukan rizab Melayu.

Tanah itu kemudian dipindah milik kepada 317 individu serta syarikat bukan Bumiputera di mukim Setiawan, Manjung, Perak.

Dalam kes berasingan pula, Azam turut memaklumkan tiada tindakan diambil SPRM berhubung dua pegawai kanan polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman berhubung kes rasuah

melibatkan RM1.25 juta.

"Saya nak maklumkan itu adalah kes yang disiasat pihak polis.

"Tindakan proaktif itu adalah amat disanjung dan mereka (dua pegawai) telah dituduh di mahkamah. SPRM tidak akan ambil apa-apa siasatan lanjut berhubung perkara itu," ujarnya.

Pada Selasa, dua pegawai kanan JSJK iaitu Asisten Komisioner Chin Khiam Kong, 54, dan Deputy Superintenden Suhairon Abdullah, 42, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mengenai kes terbabit.

Perbuatan itu dipercayai bagi menutup siasatan kes seorang ahli perniagaan berhubung mata wang kripto bagi pembelian senjata api oleh warga Israel, bulan lalu.



SINAR HARIAN
30.05.2024
(KHAMIS)

Dipenjarakan dua tahun dan denda sebanyak RM400,000

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN
PUTRAJAYA

Hukuman kes rasuah Allahyarham Zailan kekal

Hukuman penjara dua tahun dan denda RM400,000 terhadap Allahyarham Zailan Jauhari dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan di sini pada Rabu, berhubung kes menerima suapan RM80,000 pada 10 tahun lalu.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Hadhariah Syed Ismail memutuskan demikian selepas menolak rayuan akhir pihak pembelaan mewakili bekas pegawai khas bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein untuk mengetepikan sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadapnya.

Pada 27 Disember 2018, Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda itu selepas didapati bersalah menerima suapan.

Mahkamah membenarkan penangguhan hukuman penjara tersebut dengan syarat tertuduh membayar denda serta memfailkan rayuan kes ke Mahkamah Tinggi dan menaikkan jumlah jaminan daripada RM30,000 kepada RM50,000 dengan seorang penjamin.

Zailan kemudian memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut di Mahkamah Tinggi Shah Alam, namun pada 17 Februari

2022 mahkamah mengekalkan keputusan itu.

Bagaimanapun, dia meninggal dunia pada usia 54 tahun, Januari tahun lalu.

Ketika membaca keputusan sebulat suara itu, Hadhariah yang bersidang bersama Hakim Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim dan Datuk Azmi Ariffin berkata, terdapat keterangan yang melimpah ruah (memihak) kepada pihak pendakwaan.

Susulan itu, beliau berkata, rayuan bekas pegawai khas kepada bekas menteri Kabinet terhadap sabitan dan hukuman, ditolak.



ALLAHYARHAM ZAILAN

"Jaminan sebanyak RM60,000 dikembalikan kepada penjamin," kata hakim itu.

Mengikut pertuduhan, Zailan didakwa menerima suapan bagi mana-mana orang lain iaitu wang tunai sebanyak RM20,000 dan satu cek bernilai RM60,000

sebagai upah kerana membantu dua syarikat mendapatkan tender bagi kerja-kerja pembersihan sekolah dalam daerah Kuala Selangor.

Dia yang pertama kali dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Februari 2014 didakwa melakukan kesalahan

itu di sebuah restoran di Kuala Selangor, antara jam 7.30 dan 8 malam, pada 8 Januari tahun sama.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan dihukum mengikut Seksyen 24 Akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Dalam prosiding berkenaan, peguam, PG Cyril hadir bagi pihak Zailan selaku perayu sementara responden diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Fairuz Johari.

Mahkamah & Jenayah



SINAR HARIAN
30.05.2024
(KHAMIS)

Seramai empat lagi pembantu penguasa Kastam didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam pada Rabu.



Empat lagi anggota kastam didakwa terima rasuah

SHAH ALAM – Seramai empat lagi pembantu penguasa Kastam didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas tuduhan rasuah mencecah RM39,800 berhubung kes melepaskan lori barangan tanpa pemeriksaan dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang, bermula tujuh tahun lalu.

Alias Mat Yusop, 48; Mohd Rizal Othman, 43 dan Mohd Shahril Mohd Sukaimi, 39 dan Mohd Hanafi Che Mat mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Anita Harun.

Mohd Rizal didakwa atas sembilan pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM15,350 manakala Mohd Hanafi, 10 suapan (RM12,600), Mohd Shahril, 26 suapan (RM8,450) dan Alias, empat suapan (RM3,400).

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menerima rasuah mengikut jumlah itu, daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun sebagai dorongan tidak memeriksa lori-lori milik syarikat itu yang membawa

barangan dari kargo KLIA.

Suapan diterima menerusi pemindahan dalam talian ke akaun masing-masing di cawangan bank sekitar KLIA2 di Sepang, Kajang, Puchong dan Salak Tinggi antara Februari 2017 hingga April 2023.

Pendakwaan dikendalikan Muhammad Asraf Mohamed Tahir; Nurul Atiqah Mohamad Alias dan Maziah Mohaide.

Mahkamah membenarkan jaminan sebanyak RM15,000 kepada Mohd Rizal dan Mohd Hanafie manakala Mohd Shahril dan Alias, masing-masing RM10,000 serta RM8,000 serta dikehendaki menyerahkan pasport.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan semula kes ini, pada 11 Julai depan.

Pada Selasa, *Sinar Harian* melaporkan, seramai empat anggota Kastam yang ditahan dalam Ops Samba 2.0 didakwa di mahkamah sama atas pertuduhan menerima suapan antara RM1,200 hingga RM32,300 berhubung kes serupa.



SINAR HARIAN
30.05.2024
(KHAMIS)

RM39,800 lepas lori kargo

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Empat pembantu penguasa JKDM didakwa atas 49 pertuduhan rasuah

Shah Alam

Empat Pembantu Penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 49 pertuduhan menerima rasuah dengan nilai keseluruhan RM39,800.

Tertuduh, Mohd Rizal Othman, 43, Mohd Hanafie Che Mat, 39, Mohd Shahril Mohd Sukaimi, 39, dan Alias Mat Yusop, 48, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Mohd Rizal didakwa dengan sembilan pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM15,350 antara 16 Februari hingga 10 April 2017 manakala Mohd Hanafi didakwa dengan 10 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM12,600 antara 14 Jun 2020 hingga 23 Januari 2023.

Mohd Shahril pula didakwa dengan 26 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM8,450 antara 9 April 2018 hingga 22 April 2023

dan Alias didakwa dengan empat pertuduhan rasuah berjumlah keseluruhan RM3,400 antara 16 Jun 2019 hingga 20 Julai 2022.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di cawangan sebuah bank di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2, Bandar Puchong Jaya, Bandar Baru Salak Tinggi dan Kajang.

Mereka didakwa secara rasuah memperoleh suapan daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu yang membawa keluar barangan dari Kargo KLIA.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.



EMPAT pembantu penguasa JKDM didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

Mahkamah kemudian membenarkan Mohd Rizal dan Mohd Hanafie masing-masing dijamin RM15,000 manakala Mohd Shahril dengan RM10,000 dan Alias RM8,000.

Semua tertuduh diperintahkan menyerahkan pasport kepada mahkamah selain

perlu melaporkan diri ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Putrajaya setiap awal bulan dan tidak dibenarkan berhubung atau mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah juga menetapkan sebutan semula bagi pengurusan kes dan pe-

nyerahan dokumen bagi semua tertuduh pada 11 Julai depan.

Sebelum ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan 23 pegawai dan anggota kastam akan didakwa di enam Mahkamah Sesyen di seluruh negara hingga 6

Jun depan selepas ditahan menerusi Ops Samba 2.0.

Operasi yang bermula pada 11 hingga 25 Mac itu menumpukan siasatan ke atas mereka yang bertugas di Kargo KLIA dan berjaya mengesan ketirisan hasil cukai berjumlah RM2 bilion.



HARIAN METRO
30.05.2024
(KHAMIS)

Segera lapor jika ada penyelewengan tukar tanah rizab Melayu: Azam

Kuala Lumpur: Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berhubung penyelewengan berkaitan penukaran status tanah rizab Melayu diminta melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, setakat ini pihaknya hanya menerima laporan mengenai kes berkaitan yang berlaku di Perak.

"Kes ini terpencil...berlaku di Perak. Sekiranya ada laporan dan maklumat yang diterima berhubung penyelewengan hal berkaitan tukar status tanah rizab Melayu kepada *freehold* (hak milik kekal) ini adalah kesalahan jenayah dan sudah tentu kita akan jalankan siasatan," katanya.

Beliau ditemui selepas Majlis Prapelanaran Projek Kerjasama Penerbitan dan Program Penerapan Nilai Integriti (Anti-



AZAM (tiga dari kiri) dan Azman (empat dari kiri) pada Prapelanaran Projek Kerjasama Penerbitan dan Program Penerapan Nilai Integriti (Antirasuah) Usaha Sama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM dan ITBM di PBAKL 2024. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

rasuah) Usaha Sama SPRM dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM), Azman Adnan.

Selasa lalu, media melaporkan pengarah urusan sebuah syarikat hartanah berusia 44 tahun direman

empat hari untuk siasatan, disyaki memberi rasuah kepada pegawai kerajaan berkaitan tanah rizab Melayu di Perak seluas kira-kira 650 hektar yang ditukar status kepada bukan rizab Melayu.

Tanah itu kemudian dipindah milik kepada 317 individu serta syarikat bukan Bumiputera di mukim Se-

tiawan, Manjung, Perak.

Dalam kes berasingan, Azam turut memaklumkan tiada tindakan diambil SPRM berhubung dua pegawai kanan polis di Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman berhubung kes rasuah RM1.25 juta.

"Saya nak maklumkan itu adalah kes yang disiasat polis.

"Tindakan proaktif itu amat disanjung dan mereka (dua pegawai) dituduh di mahkamah. SPRM tidak akan ambil apa-apa siasatan lanjut berhubung perkara itu," katanya.

Semalam, Ketua Penolong Pengarah Siasatan Perak Forensik, Asisten Komisioner Chin Khiam Kong, 54, dan Ketua Unit Siasatan Jenayah Cryptocurrency, Deputy Superintenden Suhairon Abdullah, 42, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tuduhan rasuah RM1.25 juta.



HARIAN METRO

30.05.2024

(KHAMIS)

SPRM benar tempoh lanjutan isytihar harta 2 anak Tun Mahathir

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membenarkan tempoh lanjutan pengisytiharan harta dua anak bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Pesuruhjayanya Tan Sri Azam Baki berkata, peguam kepada Mirzan Mahathir dan Tan Sri Mokhzani Mahathir sudah berhubung dengan pegawai penyiasat mengenai tempoh pengisytiharan.

"Kita sudah tetapkan tempoh mula-mula (awal) kena isytiharkan (harta)... saya beri lagi penambahan tempoh untuk mereka isytiharkan harta," katanya selepas Majlis Prapelancongan Projek Kerjasama Penerbitan dan Program Penerapan Nilai Integriti (Antirasuah) Usaha Sama SPRM dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia

(ITBM) di Pusat Dagangan Dunia (WTC), di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM), Azman Adnan.

Pada 24 Mei lalu, media melaporkan kedua-dua anak Tun M memohon lanjutan tempoh pengisytiharan harta walaupun telah diberikan sebelum ini.

SPRM sekali lagi memberi tempoh lanjutan 30 hari bagi dua anak Mahathir mengisytiharkan harta milik mereka pada 26 Mei lalu.

Sebelum itu pada 18 Januari lalu, kedua-dua ahli perniagaan itu diberi notis untuk mengisytiharkan harta dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis mengikut Seksyen 36 Akta SPRM 2009.

Dalam pada itu, media turut melaporkan Mokhzani juga disiasat mengikut Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO
30.05.2024
(KHAMIS)

Rasuah: 3 lagi kakitangan kastam tidak mengaku salah

SHAH ALAM - Seramai tiga kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) termasuk seorang pegawai yang ditahan dalam Ops Samba 2.0, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas pertuduhan menerima suapan berjumlah RM8,600 berhubung kes melepaskan lori barangan tanpa sebarang pemeriksaan, bermula tujuh tahun lalu.

Dua Pembantu Penguasa Kastam, Mohd Nasrizal Othman, 37 dan Ahmad Samirudin Muhammad Japri, 38 serta Pegawai Kastam Kanan, Mazuki A Kadir, 54, membuat pengakuan berkecualan selepas semua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mengikut pertuduhan, Mohd Nasrizal didakwa atas lima pertuduhan rasuah berjumlah RM1,150 manakala Ahmad Samirudin (sembilan pertuduhan RM4,550) serta Mazuki menghadapi 10 pertuduhan rasuah berjumlah RM2,000.

Mereka yang bertugas di JKDM KLIA, didakwa memperoleh untuk diri sendiri, suapan mengikut jumlah berkecualan daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun.

Perbuatan itu didakwa dilakukan sebagai dorongan supaya mereka tidak memeriksa lori-lori milik syarikat tersebut dari Kargo KLIA.

Kesalahan didakwa dilakukan di Maybank Islamic Berhad, cawangan KLIA, KLIA2 dan Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, pada 25 Januari 2017 hingga 4 April 2023.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohd 'Afif Ali dan Maziah Mohaide.

Mahkamah kemudian membenarkan Mohd Nasrizal diikat jamin sebanyak RM8,000 manakala dua lagi tertuduh, masing-masing RM10,000 dan sebutan kes seterusnya bagi Mohd Nasrizal dan Mazuki pada 25 Julai sementara bagi Ahmad Samirudin, 11 Julai depan.



SINAR HARIAN
31.05.2024
(JUMAAT)



Pegawai dan dua Pembantu Pengawal JKDM dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam (gambar kiri), manakala tiga penguat kuasa kastam didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto: Seta/Photo-Tanah dan Pak Anwar, SMI)

6 lagi anggota kastam didakwa

Pegawai, penguat kuasa JKDM dituduh terima rasuah sebagai balasan lepaskan lori barang tanpa sebarang pemeriksaan

Ridha Saadiah Ibrahim dan Nurulhidayah Che Noh. fhnews@fh.com.my

Kuala Lumpur: Enam lagi pegawai dan anggota penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa ke mahkamah terhadap pertuduhan rasuah sebagai balasan melepaskan

lori barangan tanpa sebarang pemeriksaan dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Tiga anggota kastam didakwa di dua Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan menerima suapan antara RM5,300 hingga RM17,500 sebagai balasan melepaskan lori barangan tanpa

sebarang pemeriksaan sejak tujuh tahun lalu. Aliman Wahid, 41, Shaharudin Suboh, 34, dan Ismail Idris, 49, yang ditahan dalam Ops Sembu 29 mengikut tidak bersalah sebagai pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Azura Abi dan Suzana Husain. Shaharudin berdepan 22 per-

tuduhan rasuah berjumlah RM13,500, manakala Ismail di dakwa enam pertuduhan rasuah menyebabkan nilai RM5,300 dan Aliman pula mengikut pertuduhan berjumlah RM17,500.

Mengikut pertuduhan, mereka sebagai pembantu pegawai kastam didakwa menerima suapan secara pemindahan dalam talian ke akaun bank masing-masing daripada pemilik syarikat berlesen import dan logistik berusia 38 tahun sebagai balasan tidak memeriksa lori milik syarikat itu yang membawa keluar barang dari kargo KLIA.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh ditukarkan di bawah Seksyen 24 (1) akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga 30 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM50,000 mengikut mana lebih tinggi. Tiga sebit kesalahannya.

Semua kesalahannya itu didakwa dilakukan di tiga kawasan Malaysia: Banking Berhad antara Ops 2017 hingga Julai 2023.

Mahkamah membenarkan Shaharudin dan Aliman masing-masing diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin, manakala Ismail diikat jamin BMR,000.

Ketiga-tiga tertuduh turut dikenakan syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap awal bulan, selain tidak dibenarkan bertubung atau menggunakan akses pendakwaan secara tidak dibenarkan menggunakan data JKDM berkaitan dengan tugas mereka sehingga kes selesai.

Mahkamah turut menetapkan sebutan semula kes Shaharudin dan Ismail pada 2 Julai, manakala kes Aliman pada 10 Julai.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Araf Mohamed Taib dan Nurul Atiqah Mohamed Alias, manakala peguam Ridha Abdah Subri mewakili Aliman serta Ismail dan peguam Iqmar Syarif Mohd Az-

mi mewakili Shaharudin.

Meningkatkan tidak bersalah

Di Shah Alam, seorang pegawai dan dua Pembantu Pengawal Kastam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam terhadap pertuduhan rasuah berhubung kes melepaskan lori barangan tanpa pemeriksaan dari kargo KLIA.

Ketiga-tiga tertuduh, Mohd Noortzal Othman, 37; Mazuki A Kazli, 54, dan Ahmad Samiruddin Muhammad Japri, 38, mengaku tidak bersalah selepas berdepan pertuduhan dihacakan secara berasingan di hadapan Hakim Awang Korinda Awang Mahamad.

Mohd Noortzal didakwa dengan lima pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM1,150 antara 25 Januari 2017 hingga 1 Jun 2019, manakala Mazuki didakwa dengan 10 pertuduhan menerima suapan keseluruhan RM2,900 antara 19 April 2018 dan 4 April 2023.

Ahmad Samiruddin pula didakwa dengan sembilan pertuduhan menerima suapan berjumlah RM4,250 antara 31 Mei 2017 hingga 2 April 2019.

Semua kesalahannya itu didakwa dilakukan di kawasan sebuah bank di KLIA dan KLIA2 serta Bandar Baru Salak Tinggi.

Tertuduh didakwa secara rasuah memperoleh suapan daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai duitangan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barangan dari kargo KLIA.

Pendakwaan dibenarkan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Anif Ali dan Maziah Mohide.

Mahkamah kemudian membenarkan Mohd Noortzal dijamin dengan RM5,000, manakala Mazuki dan Ahmad Samiruddin masing-masing dijamin dengan RM30,000, selain syarat tambahan yang sama.

Selain sebutan kes bagi Mohd Noortzal dan Mazuki ditetapkan pada 23 Julai, manakala kes Ahmad Samiruddin ditetapkan pada 11 Julai.

Jimbaran
SAIA GARDENS

Setia EcoTempler
THE SECRET OF YOUR COMFORT

Keharmonian Komuniti Berintegrasi dengan Keindahan Alam Semula Jadi

RUMAH TERES
2-TINGKAT | 20' x 80'

Harga Jualan Berimpit
RM1,142,040.00*

*Harga Selama 7% Diskaun Berimpit
Pajak Sewa 80 Tahun - Di Dalam Persekitaran

RUMAH BERKEMBAR
2-TINGKAT | 32' x 80'

Harga Jualan Berimpit
RM1,765,140.00*

*Harga Selama 7% Diskaun Berimpit
Pajak Sewa 80 Tahun - Di Dalam Persekitaran

Hubungi 03-6092 2388
@SA ECO TEMPLER @SA BK

Setia EcoTempler
Setia EcoTempler Sdn Bhd
No 1, Jalan Damai, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
No 1, Jalan Damai, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia



BERITA HARIAN
31.05.2024
(JUMAAT)

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Tiga anggota Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang ditahan pada Ops Samba 2.0 didakwa di dua Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima suapan antara RM5,200 hingga RM17,500 sebagai balasan melepaskan lori barangan tanpa sebarang pemeriksaan bermula tujuh tahun lalu.

Bagaimanapun, Alizan Wahid, 43, Shaharudin Suboh, 54, dan Ismail Idris, 49, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Azura Alwi dan Suzana Hussin.

Shaharudin berdepan 22 pertuduhan rasuah berjumlah RM13,600

manakala Ismail didakwa enam pertuduhan rasuah membabitkan RM5,200 dan Alizan pula empat pertuduhan berjumlah RM17,500.

Mengikut pertuduhan, mereka sebagai pembantu penguasa kastam didakwa menerima suapan secara pemindahan dalam talian ke akaun bank masing-masing daripada seorang lelaki yang juga pemilik syarikat barangan import dan logistik berusia 38 tahun.

Ia sebagai balasan tidak memeriksa lori milik syarikat itu yang membawa keluar barang dari kargo La-

pangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di tiga cawangan Maybank Banking Berhad antara Ogos 2017 hingga Julai 2023.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut

mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Suzana membenarkan Shaharudin dan Alizan masing-masing diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan mereka perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah sekiranya ada, melapor diri di pejabat SPRM berhampiran sebulan sekali serta tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes Shaharudin pada 2 Julai ma-

nakala Alizan pada 10 Julai ini.

Azura yang menetapkan sebutan kes Ismail pada 2 Julai, membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin serta memerintahkan syarat tambahan yang sama.

Kes itu dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Asraf Mohamed Tahir dan Nurul Atiqah Mohamad Alias manakala peguam, Ridha Abdah Subri mewakili Alizan serta Ismail dan peguam, Iqhmah Syafiq Mohd Azmi mewakili Shaharudin.

TIGA ANGGOTA KASTAM TAK MENGAKU TERIMA RASUAH

DIDAKWA 7 TAHUN TAK PERIKSA LORI!



HARIAN METRO

31.05.2024

(JUMAAT)

Seorang pegawai, dua pembantu penguasa JKDM tak mengaku bersalah

Shah Alam: Seorang pegawai dan dua pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan rasuah dengan melepaskan lori barang tanpa pemeriksaan dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) bermula tahun 2017.

Mohd Nasrizal Othman, 37, Mazuki A Kadir, 54 dan Ahmad Samirruddin Muhammad Japri, 38, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud.

Mohd Nasrizal didakwa dengan lima pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM1,150 antara 25 Januari 2017 hingga 1 Jun 2019 manakala Mazuki didakwa dengan 10 pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM2,900 antara 19 April 2018 dan 4 April 2023.

Ahmad Samirruddin pula didakwa dengan sembilan pertuduhan menerima suapan berjumlah keseluruhan RM4,550 antara 31 Mei 2017 hingga 2 April 2019.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di cawangan sebuah bank di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 serta Bandar Baru Salak Tinggi.

Mereka didakwa secara rasuah memperoleh suapan daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun, melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori-lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barangan dari Kargo KLIA.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama yang memperuntukkan hukuman pen-

jara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Afif Ali dan Maziah Mohaide manakala peguam Muhammad Aizat Fakri mewakili Mohd Nasrizal dan Mazuki sementara Ahmad Samirruddin diwakili peguam Adhwa' Afiqah Mohd Azmi.

Mahkamah membenarkan Mohd Nasrizal dijamin dengan RM8,000 manakala Mazuki dan Ahmad Samirruddin masing-masing dijamin dengan RM10,000.

Tiga tertuduh tiba di Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.



HARIAN METRO

31.05.2024

(JUMAAT)